PK 3.1

KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Perunding Secara Am

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 3.1 PEROLEHAN PERUNDING SECARA AM 1

1. Pendahuluan 1

2. Kebenaran Menggunakan Perkhidmatan Perunding 1

3. Definisi Perunding Dalam Perolehan Kerajaan 4

4. Perunding Fizikal & Perunding Bukan Fizikal 5

5. Pihak Berkuasa Melulus (PBM) 6

6. Kaedah Perolehan Perunding 11

7. Jawatankuasa Penilaian Perunding 14

8. Terma Rujukan Perunding 19

9. Pelantikan *Lead Consultant (LC)* Bagi Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan 23

10. Pelantikan Perunding Individu 24

11. Pelantikan Perunding Asing bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA 25

12. Penggunaan Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS) 27

13. Tarikh Kuat Kuasa 29

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A : **Perbezaan Perkhidmatan Perunding Dan Perkhidmatan Bukan Perunding**

LAMPIRAN B : **Senarai Semasa Kod Bidang Perkhidmatan Perunding**

LAMPIRAN C : **Proses Perolehan Perkhidmatan Perunding**

LAMPIRAN D : **Perincian Kadar Bayaran Perunding**

PK 3.1 PEROLEHAN PERUNDING SECARA AM

1. Pendahuluan

1.1. Pekeliling Perbendaharaan PP/ PK 3 ini bertujuan untuk memberi panduan mengenai peraturan dan tatacara dalam pelaksanaan bagi semua perolehan Kerajaan yang berkaitan perkhidmatan perunding. PK ini terpakai bagi semua perolehan perkhidmatan perunding termasuk bagi perolehan yang tertakluk kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement – FTA).

1.2. Semua perolehan perkhidmatan perunding Kerajaan perlu direkodkan di dalam Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS) yang ditambahbaik termasuk rekod prestasi perunding memandangkan sistem ePerunding telah dimansuhkan operasi pada 01 April 2021.

2. Kebenaran Menggunakan Perkhidmatan Perunding

2.1. **Rujukan Kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selaku Jabatan Teknik Bagi Projek Pembangunan Fizikal Selaras Dengan AP182 dan AP186**

(i) Kerajaan telah memberi tanggungjawab sebagai Jabatan Teknik bagi melaksanakan semua projek pembangunan fizikal bagi pihak Kerajaan tanpa mengira had nilai kepada JKR dan JPS. Pelepasan secara bertulis perlu diperolehi terlebih dahulu daripada JKR/JPS sekiranya Agensi berhasrat untuk melaksanakan sendiri mana-mana projek pembangunan fizikal kecuali bagi kerja ukur dan kerja pembaikan yang tidak melibatkan perubahan struktur.

(ii) Agensi hendaklah mengemukakan kepada JKR/JPS maklumat lengkap seperti berikut:

(a) Kedudukan status tapak projek;
(b) Ringkasan projek;
(c) Siling projek;
(d) Peruntukan tahunan;
(e) Jadual pelaksanaan projek; dan
(f) Kaedah Pelaksanaan Projek

(iii) Agensi bertanggungjawab memastikan surat tersebut disahkan penerimaan oleh JKR/JPS sebagai bukti. Sekiranya JKR/JPS tidak berkemampuan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut, JKR/JPS hendaklah mengemukakan maklum balas kepada Agensi dalam tempoh 14 hari kalendar daripada tarikh surat Agensi diterima di pejabat Jabatan Teknik. Jika tiada maklum balas diterima oleh Agensi dalam tempoh tersebut, Agensi dibenarkan untuk melaksanakan sendiri projek berkenaan.

(iv) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan Kerajaan Persekutuan, kelulusan daripada Bahagian yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan yang diberi tanggungjawab untuk mengurus hal ini hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

(v) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan yang disewa, kebenaran tuan punya bangunan hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Agensi boleh menggunakan perkhidmatan perunding yang bertanggungjawab ke atas bangunan tersebut dan jika perunding berkenaan enggan, Agensi bolehlah melantik perunding sendiri dengan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

2.2. **Kebenaran Pegawai Pengawal**

Perkhidmatan perunding boleh dibenarkan sekiranya Agensi tidak mempunyai kakitangan yang kompeten atau berkepakaran bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan fizikal atau kajian dan memerlukan perkhidmatan perunding. Agensi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran rasmi (minit mesyuarat/ surat/ memo) daripada Pegawai Pengawal.

2.2.1 Perkhidmatan Perunding Bagi Kajian Berkaitan Program dan Dasar Kerajaan

(i) Agensi hendaklah melaksanakan kajian yang berkaitan Program dan Dasar Kerajaan dengan menggunakan tenaga kerja dan kepakaran dalaman di Kementerian, Jabatan atau Agensi di bawah Kementerian.

(ii) Sekiranya tiada kepakaran dalaman di Kementerian, Jabatan atau Agensi di bawah Kementerian, pelantikan perunding individu dibenarkan dengan kelulusan Pegawai Pengawal sebagai sebahagian daripada pasukan yang menjalankan kajian berkaitan

Program dan Dasar Kerajaan yang turut dianggotai oleh pegawai di Kementerian atau Jabatan.

(iii) Pelantikan perunding individu yang mempunyai keupayaan dan kelayakan dalam melaksanakan kajian berkaitan Program dan Dasar Kerajaan hendaklah mengikut keutamaan seperti berikut:

(a) Perunding individu daripada Universiti Awam (UA); atau

(b) Perunding individu daripada agensi Badan Berkanun Persekutuan (BBP), *Company Limited by Guaranteed* (CLBG) yang ditubuhkan Kerajaan atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Company* – GLC); atau

(c) Individu-individu lain yang berkelayakan dan berkepakaran.

(iv) Sekiranya kajian pasaran oleh Kementerian/ Jabatan mengesahkan bahawa tiada kepakaran dalaman atau kepakaran daripada agensi lain termasuk UA, BBP, CLBG dan GLC, sama ada disebabkan oleh bidang tersebut adalah bidang baharu, atau sebab-sebab lain yang munasabah termasuk tidak boleh dilaksanakan oleh perunding daripada entiti di perenggan 2.2.1(iii), Pegawai Pengawal boleh membenarkan pelantikan perunding bagi kajian hingga RM5 juta. Tatacara perolehan perunding yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal hendaklah mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.

(v) Perolehan perkhidmatan perunding seperti di perenggan 2.2.1 (iv) bagi kajian yang bernilai melebihi RM5 juta hendaklah mendapat kelulusan MoF sebelum dilaksanakan.

2.3. **Rujukan Kepada Jabatan Digital Negara (JDN)**

Agensi hendaklah memastikan semua perolehan ICT yang memerlukan perkhidmatan perunding secara penyumberluaran (*outsourcing*) hendaklah dirujuk ke Jabatan Digital Negara (JDN) terlebih dahulu melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian sebelum sebarang proses perolehan boleh dimulakan.

2.4. **Pelantikan Perunding Asing Bagi Perolehan Yang Tidak Tertakluk Kepada FTA**

(i) Bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA, perunding tempatan hendaklah dilantik bagi tujuan peningkatan keupayaan (*capacity building*), kawalan ke atas aliran keluar mata wang dan dasar keselamatan negara **kecuali** tiada perunding yang berkepakaran bagi projek/ kajian spesifik yang perlu dilaksanakan oleh Agensi.

(ii) Sekiranya terdapat keperluan untuk melantik perunding asing, Agensi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara rasmi daripada Pegawai Pengawal bagi pelantikan perunding. Agensi hendaklah menyatakan dengan jelas justifikasi untuk melantik perunding asing.

(iii) Bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA, tawaran hendaklah dibuka kepada semua perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada perunding tempatan atau negara ahli FTA.

(iv) Sebaik sahaja kebenaran diperolehi daripada Pegawai Pengawal, Agensi boleh meneruskan proses perolehan berdasarkan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa.

3. Definisi Perunding Dalam Perolehan Kerajaan

3.1. Definisi perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan adalah perunding yang dilantik oleh sesebuah Agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal atau kajian Kerajaan. Perolehan perkhidmatan perunding secara prinsipnya perlu mempunyai kriteria dan mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

(i) Mempunyai penghasilan *deliverables* melalui perolehan tersebut seperti lukisan, laporan, pengiraan dan sebagainya;

(ii) Perunding berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan nombor pendaftaran 465-XXXXXXXX; dan

(iii) Perunding berdaftar di bawah kod bidang 330000 (fizikal) atau 340000 (bukan fizikal) atau kod bidang perkhidmatan perunding yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

3.2. Perbezaan perkhidmatan perunding dan perkhidmatan bukan perunding adalah sepertimana gambarajah seperti di **Lampiran A**.

3.3. Agensi hendaklah memastikan bahawa perunding yang dilantik hanya dibenarkan untuk memberi perkhidmatan berdasarkan kod bidang yang telah didaftarkan sahaja iaitu sebagaimana dinyatakan di dalam sijil pendaftaran Kementerian Kewangan firma masing-masing. Agensi juga hendaklah merekodkan pelantikan perunding di dalam Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS).

3.4. Perolehan perkhidmatan/ nasihat kepakaran yang ditawarkan oleh firma perunding yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau bukan di bawah kod bidang perkhidmatan perunding yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah tidak dibenarkan.

3.5. Perolehan perkhidmatan penceramah/ fasilitator/ moderator bagi tujuan latihan/ seminar/ kursus/ bengkel dan seumpamanya adalah dikategorikan sebagai perolehan perkhidmatan di bawah kod bidang yang berkuat kuasa.

4. Perunding Fizikal & Perunding Bukan Fizikal

4.1. **Perunding Fizikal** adalah seperti berikut :

(i) Arkitek, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrikal, ukur bahan, perancang bandar dan desa, landskap, hiasan dalaman, akustik, alam sekitar dan lain-lain perkhidmatan teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan dan/atau projek pembinaan antaranya menyediakan reka bentuk terperinci, penyediaaan dokumen tender dan lain-lain;

(ii) Kerja ukur tanah dan kerja ukur khusus seperti *hydrography*, *aerial photogrammetry,* pemetaan utiliti bawah tanah*, remote sensing* dan lain-lain;

(iii) Perkhidmatan penilaian fizikal seperti penilaian harta (forensik), audit & *assessment* dan lain-lain; dan

(iv) Kajian fizikal yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan dan/atau projek pembinaan, antaranya kajian kemungkinan/kajian awalan kejuruteraan, kajian tebatan banjir/cerun, kajian rancangan tempatan/struktur, kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Traffic Impact Assessment (TIA)* dan lain-lain.

4.2. **Perunding Bukan Fizikal** adalah seperti berikut :

(i) Kajian kemungkinan, kajian ekonomi, kajian penswastaan dan kajian-kajian lain;

(ii) Kajian berkaitan pengurusan seperti pengurusan sumber manusia, kewangan dan perakaunan, percukaian, pengurusan kualiti, perundangan, kerja-kerja audit kewangan, kerja-kerja audit pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang pengurusan lain; dan

(iii) Perkhidmatan perunding lain mengikut kategori yang diperlukan oleh Agensi dan ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

4.3. Senarai Kod Bidang perunding bagi tujuan pendaftaran perunding hendaklah dirujuk di portal www.eperolehan.gov.my dari semasa ke semasa seperti contoh Kod Bidang Perunding di **Lampiran B**.

5. Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

5.1. Bagi tujuan kelulusan permohonan perolehan perkhidmatan perunding, terdapat empat (4) Pihak Berkuasa Melulus (PBM) iaitu:

(a) Pegawai Pengawal / Pegawai yang diturunkan kuasa;
(b) Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH);
(c) Lembaga Perolehan (LP); dan
(d) Kementerian Kewangan (MOF).

5.2. Keanggotaan Pihak Berkuasa Melulus adalah sebagaimana yang di tetapkan di dalam PP/PK 2.

5.3. Kaedah perolehan perkhidmatan perunding berdasarkan **had nilai kuasa melulus PBM** adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus
Lantikan Terus Berserta Kos Siling (LTBKS) [Tidak terpakai bagi perolehan yang tertakluk FTA]	(a) Kos kerja ukur sehingga RM50 ribu; (b) Kos kajian sehingga RM50 ribu; (c) Kos perkhidmatan perunding fizikal sehingga RM50 ribu.	Pegawai Pengawal/ Pegawai yang diturunkan kuasa secara bertulis oleh Pegawai Pengawal

Kaedah Perolehan	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus
	(a) Kos kerja ukur melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu; (b) Kos kajian melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu; (c) Kos perkhidmatan perunding fizikal melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu bagi kos projek fizikal sehingga RM20 juta.	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH)
	(a) Kos perkhidmatan perunding projek fizikal melebihi RM500 ribu bagi kos projek fizikal sehingga RM50 juta; atau (b) Kos perkhidmatan perunding projek fizikal tidak melebihi RM500 ribu bagi kos projek melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta.	Lembaga Perolehan (LP) Agensi
Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan	(a) Kos kerja ukur sehingga RM5 juta; (b) Kos kajian sehingga RM5 juta; (c) Kos projek fizikal sehingga RM300 juta.	Lembaga Perolehan (LP) Agensi
Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan	(a) Kos kerja ukur melebihi RM5 juta; (b) Kos kajian melebihi RM5 juta; (c) Kos projek fizikal melebihi RM300 juta.	Kementerian Kewangan
Rundingan Terus	(a) Kos kerja ukur melebihi RM500 ribu; (b) Kos kajian melebihi RM500 ribu; (c) Kos projek fizikal melebihi melebihi RM50 juta; (d) Tertakluk kepada syarat dan kriteria serta perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan bagi kaedah perolehan ini.	Kementerian Kewangan

5.4. Agensi hendaklah memastikan permohonan perolehan perkhidmatan perunding dikemukakan kepada PBM mengikut had nilai kuasa yang telah ditetapkan. Sekiranya keputusan PBM adalah tidak sebulat suara, keputusan hendaklah dimuktamadkan di PBM yang lebih tinggi daripada PBM asal.

5.5. PBM di peringkat yang lebih rendah tidak boleh menimbang dan menyetujuterima permohonan perolehan perkhidmatan perunding melebihi had nilai masing-masing yang telah ditetapkan. Manakala PBM di peringkat yang lebih tinggi boleh mempertimbang dan menyetujuterima permohonan perolehan perkhidmatan perunding di bawah had nilai kuasanya.

5.6. Agensi adalah dilarang memecah kecilkan nilai perolehan projek bagi mengelakkan daripada melaksanakan pelawaan yang lebih kompetitif atau menggelakkan daripada nilai ambang perolehan yang tertakluk kepada FTA.

5.7. Bagi menyeragamkan dan mempercepatkan proses pelantikan perkhidmatan perunding untuk sesuatu projek fizikal, Agensi adalah dinasihati supaya mempelawa perunding-perunding di dalam bidang yang diperlukan (contohnya, Arkitek, Kejuruteraan, Ukur Bahan, atau lain-lain) secara serentak.

5.8. **Tanggungjawab Pihak Berkuasa Melulus Agensi Secara Am**

(i) **Pihak Berkuasa Melulus Agensi secara amnya diberi kuasa seperti berikut:**

(a) Menimbang dan memutuskan pelantikan perunding (termasuk kos/ kos siling perkhidmatan) tertakluk kepada had nilai yang dibenarkan;

(b) Menyemak dan memperaku permohonan pelantikan perunding termasuk permohonan kos perunding/ kos tambahan bagi yang perlu dibawa kepada pertimbangan dan kelulusan di peringkat Kementerian Kewangan;

(c) Menimbang senarai pendek perunding yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) bagi tender terbuka pra kelayakan;

(d) Membuat keputusan perolehan perkhidmatan perunding secara bermesyuarat. Keputusan secara edaran adalah tidak dibenarkan;

(e) Memastikan semua permohonan pelantikan perunding termasuk permohonan kos perunding, kos tambahan dan lanjutan tempoh

kontrak sebelum dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus, telah disemak dan diperakukan oleh JPP terlebih dahulu;

(f) Memastikan Ahli JPP dan Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender terdiri daripada pegawai yang berbeza;

(g) Memastikan Ahli JPP dan PBM terdiri daripada pegawai yang berbeza;

(h) Lanjutan tempoh bagi sah laku perolehan perkhidmatan perunding hanya dibenarkan bagi perolehan secara tender. Memastikan tempoh sah laku tawaran firma masih berkuat kuasa sebelum keputusan pelantikan dibuat. Pelanjutan tempoh sah laku tawaran firma hanya boleh diperolehi daripada Pengerusi LP Agensi; Sebarang pengecualian selain daripada perenggan (h) hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan;

(i) Memastikan peruntukan mencukupi dan tidak melebihi kos siling sebelum keputusan dibuat;

(j) Mempertimbangkan perubahan skop perkhidmatan perunding yang tidak melibatkan perubahan kos;

(k) Mempertimbangkan pelanjutan tempoh perjanjian perkhidmatan perunding yang tidak melibatkan perubahan kos tertakluk kontrak masih berkuat kuasa. Pemakaian AP201.1 adalah dikecualikan untuk perolehan perunding;

(l) Sekiranya dalam membuat keputusan pemilihan perunding terdapat kekurangan maklumat penting dan maklumat tersebut tidak dapat diperolehi dengan segera serta kekurangan maklumat tersebut boleh menjejaskan keputusan yang dibuat, PBM berhak menangguhkan mesyuarat pada hari tersebut dan membenarkan Agensi menghubungi perunding untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan;

(m) Memastikan JPP/Agensi mengemukakan perakuan menggunakan format perakuan yang telah ditetapkan. Format yang ditetapkan mengandungi maklumat dan dokumen sokongan yang diperlukan bertujuan membantu PBM membuat keputusan;

(n) Memastikan urus setia PBM menyediakan kertas keputusan PBM

dengan menggunakan format keputusan yang telah ditetapkan. Format tersebut telah ditetapkan untuk memudahkan audit atau siasatan dilaksanakan; dan

(o) Mengarahkan agar Agensi melaksanakan semula proses perolehan perkhidmatan perunding jika didapati terdapat sebarang ketidakpatuhan ke atas prinsip atau peraturan yang sedang berkuat kuasa.

(ii) **Tanggungjawab tambahan PBM**

(a) Mempertimbang dan meluluskan pelanjutan tempoh perjanjian perkhidmatan perunding dan/atau tambahan kos perunding tertakluk kepada syarat berikut (AP201.1 adalah dikecualikan):

(1) tambahan kos sehingga maksimum 100% (tertakluk kepada tidak melebihi kepada nilai ambang) daripada kos asal perunding yang telah diluluskan oleh LP Agensi atau MOF disebabkan oleh perubahan skop asal**;**

(2) tambahan kos tanpa had nilai yang disebabkan *Variation Order* (VO) dan *Extension Of Time* (EOT) dalam kontrak dengan pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, Agensi hendaklah memastikan pertimbangan dan kelulusan yang dibuat hendaklah selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam PK2.3;

(3) Semua pertimbangan hendaklah dibuat semasa perjanjian perunding masih berkuat kuasa; dan

(4) Sekiranya Agensi mengemukakan pelanjutan tempoh kontrak dan/atau permohonan tambahan kos kepada LP Agensi setelah perjanjian perunding tamat, Pegawai Pengawal diberi penurunan kuasa <u>tanpa had nilai</u> untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang keputusan yang dibuat. Pegawai Pengawal mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan menentukan kaedah-kaedah bayaran seperti kaedah bayaran melalui Arahan Perbendaharaan (AP59) atau lain-lain terutamanya bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh perunding dalam tempoh perjanjian telah tamat dan tanpa sebarang kelulusan pelanjutan oleh PBM diperolehi terlebih dahulu. Amaran juga hendaklah dikeluarkan kepada Agensi

atau pegawai Kerajaan yang terlibat bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam projek/kajian Kerajaan yang lain. Keputusan yang dibuat hendaklah juga disalinkan kepada PBM yang asal sebagai makluman.

(5) Mempertimbang dan meluluskan permohonan bayaran *abortive fees* perunding bagi Surat Setuju Terima (SST)/perjanjian perunding yang telah ditandatangani melalui perakuan JPP. Manakala bagi permohonan bayaran *abortive fees* perunding yang tiada SST hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan keputusan MOF melalui perakuan JPP dan LP Agensi.

6. Kaedah Perolehan Perunding

6.1. Sebelum Agensi melaksanakan sesuatu projek/kajian Kerajaan, Agensi hendaklah menentukan terlebih dahulu keperluan projek/kajian tersebut serta bidang dan skop perkhidmatan firma perunding yang diperlukan dengan mengambil kira keupayaan Agensi iaitu dari segi kepakaran dan pengetahuan kakitangan Agensi sedia ada.

6.2. Sebelum melaksanakan proses pemilihan firma perunding, Agensi hendaklah mendapatkan persetujuan daripada Pegawai Pengawal ke atas keperluan penggunaan perkhidmatan perunding bagi melaksanakan sesuatu projek/kajian.

6.3. Pemilihan Firma perunding hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan tiga kaedah berikut:

(i) Lantikan Terus Berserta Kos Siling;
(ii) Tender Terbuka; atau
(iii) Tender Terbuka Pra Kelayakan.

6.4. Had nilai kaedah perolehan perunding adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai
Lantikan Terus Berserta Kos Siling (LTBKS)	(a) Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu; (b) Kos kajian sehingga RM500 ribu; (c) Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM50 juta.

Kaedah Perolehan	Had Nilai
Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan	(a) Kos kerja ukur melebihi RM500 ribu; (b) Kos kajian melebihi RM500 ribu; (c) Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM50 juta.
Rundingan Terus	(a) Kos kerja ukur melebihi RM500 ribu; (b) Kos kajian melebihi RM500 ribu; (c) Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM50 juta; (d) Tertakluk kepada syarat dan kriteria serta perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan bagi kaedah perolehan ini.

6.5. Ringkasan kaedah perolehan perunding adalah seperti di **Lampiran C**.

6.6. **Penentuan Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding Yang Bersesuaian**

(i) Bagi melaksanakan perolehan perkhidmatan perunding untuk projek/kajian Kerajaan, Agensi hendaklah mematuhi kaedah perolehan perunding sepertimana yang ditetapkan.

(ii) Perolehan perunding selain daripada kaedah yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat kebenaran daripada MOF (e.g.: perolehan melalui pertandingan perunding).

(iii) Bagi perolehan perkhidmatan perunding yang telah ditetapkan untuk dilaksanakan secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling, Agensi adalah digalakkan untuk melaksanakan perolehan tersebut melalui kaedah tender terbuka.

(iv) Kaedah pemilihan perunding yang dijelaskan di dalam Pekeliling ini telah dirangka dan ditetapkan bertujuan mencapai objektif seperti berikut:

(a) **Pemilihan yang adil dan saksama**

(1) Sebaik sahaja Agensi menetapkan kaedah perolehan perunding dan menentukan kriteria/sub kriteria penilaian firma perunding seperti nilai wajaran, pemarkahan dan penanda aras markah lulus (*benchmarking*) bagi penilaian teknikal dan kos, Agensi hendaklah memastikan penilaian dilaksanakan

berdasarkan kriteria/sub kriteria/ wajaran/ permarkahan/ *benchmarking* yang telah ditentukan tersebut.

(2) Arahan dan syarat di dalam Dokumen Pelawaan hendaklah jelas agar firma perunding dapat memahami keperluan projek/kajian dengan tepat.

(3) Semasa penyediaan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos, firma perunding boleh mengemukakan pertanyaan secara bertulis kepada Agensi berhubung arahan/syarat yang terkandung dalam Dokumen Pelawaan sekiranya tidak memahaminya.

(4) Sebarang maklum balas daripada Agensi bagi mana- mana pertanyaan yang dikemukakan oleh firma berhubung arahan/syarat yang terkandung dalam Dokumen Pelawaan hendaklah diedarkan kepada semua firma perunding yang menyertai sesuatu pelawaan atau telah disenarai pendek.

(b) **Telus**

(1) Proses pemilihan yang telus akan meningkatkan kualiti persaingan dengan cara mewujudkan elemen kepercayaan di kalangan Agensi dan Firma Perunding. Ini boleh mengelakkan tanggapan/persepsi yang kurang baik oleh firma selain boleh meminimakan aduan atau tuduhan yang diterima oleh Kerajaan.

(2) Proses penilaian yang telus secara tidak langsung dapat menolak kemungkinan penggunaan budi bicara dan ketidakadilan dalam proses pemilihan firma perunding.

(c) **Kerahsiaan Maklumat**

(1) Faktor kerahsiaan maklumat dalam proses pemilihan firma perunding adalah amat penting bagi menjamin integriti proses tersebut.

(2) Agensi adalah tidak dibenarkan memberi sebarang maklumat sulit kepada mana-mana firma dengan tujuan memberi kelebihan kepada firma tersebut. Sebarang perkongsian maklumat hendaklah dibuat secara edaran kepada semua firma perunding yang menyertai sesuatu pelawaan atau telah

disenarai pendek.

(3) Agensi juga tidak dibenarkan mendedahkan proses penilaian atau sebarang perakuan oleh JPP kepada firma perunding atau pihak luar/kakitangan Agensi yang tidak terlibat dalam proses pemilihan tersebut.

7. Jawatankuasa Penilaian Perunding

Bagi mendapatkan perkhidmatan perunding untuk melaksanakan sesuatu projek/kajian Kerajaan, Agensi Pelaksana hendaklah terlebih dahulu menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) sama ada bagi Projek Pembangunan Fizikal/Kajian Fizikal atau JPP bagi Kajian Bukan Fizikal.

7.1. **Keahlian JPP Bagi Projek <u>Pembangunan Fizikal/ Kajian Fizikal</u> adalah seperti berikut:**

(i) Pengerusi: Ketua Agensi Pelaksana/Wakil

(ii) Sekurang-kurangnya 3 orang ahli merangkumi ketiga-tiga kategori berikut:

(a) Seorang pegawai dalam Kumpulan Skim Perkhidmatan ‘J’ daripada Jabatan Teknik/Bukan Teknik/Unit Teknikal Agensi;

(b) Seorang pegawai yang berkelayakan daripada Agensi Pelaksana/Agensi lain; dan

(c) Seorang pegawai daripada Bahagian yang menguruskan perolehan perkhidmatan perunding.

(iii) Ahli hendaklah terdiri daripada pegawai yang berkelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas.

(iv) Kuorum mesyuarat hendaklah terdiri daripada <u>4 atau lebih pegawai</u> seperti berikut:

(a) Pengerusi; dan

(b) Sekurang-kurangnya seorang ahli daripada setiap kategori yang dinyatakan di perenggan 7.1.

7.2. **Keahlian JPP Bagi <u>Kajian Bukan Fizikal</u> adalah seperti berikut:**

(i) Pengerusi: Ketua Agensi Pelaksana/Wakil

(ii) Sekurang-kurangnya 2 orang ahli merangkumi kedua-dua kategori berikut:
(a) Seorang atau lebih pegawai yang berkelayakan daripada Agensi Pelaksana/Agensi lain; dan
(b) Seorang atau lebih pegawai Agensi daripada Bahagian yang menguruskan perolehan perkhidmatan perunding Kerajaan.

(iii) Ahli hendaklah terdiri daripada pegawai yang berkelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas.

(iv) Kuorum mesyuarat hendaklah terdiri daripada <u>3 atau lebih pegawai</u> seperti berikut :

(a) Pengerusi;

(b) Sekurang-kurangnya seorang ahli daripada setiap kategori yang dinyatakan di para 7.2;

(c) Bagi kajian/pembangunan ICT, kuorum mesyuarat adalah 4 atau lebih kerana kehadiran wakil Jabatan Digital Negara daripada Skim Perkhidmatan ‘F’ sebagai salah seorang ahli JPP adalah mandatori.

(v) Agensi dibenar melantik ahli sektor swasta untuk menganggotai JPP sekiranya terdapat keperluan dari segi kepakaran teknikal dan pengalaman yang tidak terdapat dalam kalangan pegawai Kerajaan tertakluk kepada syarat berikut:

(a) Agensi hendaklah mengeluarkan surat lantikan secara rasmi kepada individu tersebut sama ada berperanan sebagai ahli tetap/ganti dan beliau hendaklah menyatakan persetujuannya untuk menganggotai jawatankuasa tersebut;

(b) Individu tersebut boleh diberi kemudahan elaun mesyuarat dan imbuhan balik di mana kadar elaun mesyuarat dan imbuhan balik tersebut ditentukan oleh Pegawai Pengawal masing-masing mengikut kepakaran dan kelayakan akademik tertakluk Agensi mempunyai peruntukan sedia ada yang mencukupi; dan

(c) Firma yang diwakili oleh individu tersebut tidak dibenarkan mengambil bahagian atau terlibat di dalam perolehan perunding bagi

projek pembangunan fizikal atau kajian yang dibincangkan di dalam JPP tersebut untuk mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest)*.

(vi) Keahlian JPP sama ada dari kalangan sektor awam atau swasta boleh terdiri daripada pegawai yang berkelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas. Memandangkan JPP merupakan penasihat teknikal dalaman kepada Agensi dan PBM, ahli yang dilantik hendaklah mempunyai pengalaman/kepakaran/pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang diperlukan.

(vii) Cadangan keahlian JPP hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa/Ketua Agensi.

(viii) Penubuhan JPP boleh dilaksanakan sama ada secara tetap ataupun secara *ad hoc* tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa/Ketua Agensi mengikut keperluan dan kapasiti Agensi. Bagi Agensi yang mempunyai bilangan projek/kajian yang melibatkan pelbagai bidang perkhidmatan perunding, Agensi adalah digalakkan untuk menubuhkan JPP secara *ad hoc* bagi membantu mempercepatkan proses perolehan perkhidmatan perunding Agensi berkenaan.

(ix) Agensi dibenarkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Kecil JPP[1] (JKPP) sekiranya memerlukan bantuan di dalam melaksanakan penilaian perolehan perkhidmatan perunding. Walau bagaimanapun, Agensi hendaklah memastikan bahawa Jawatankuasa Kecil tersebut hendaklah membentangkan perakuan penilaian teknikal kepada JPP Induk terlebih dahulu untuk dimuktamadkan sebelum penilaian kos dibuat. Keanggotaan adalah merujuk kepada perenggan 7.1 atau 7.2 di atas dengan dipengerusikan oleh wakil Agensi Pelaksana yang gred jawatannya lebih rendah daripada Pengerusi JPP Induk.

(x) Agensi Pelaksana hendaklah menjadi urus setia JPP. Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa/Ketua Agensi hendaklah memastikan peranan urus setia JPP dilaksanakan oleh Bahagian/Unit yang bertanggungjawab mengendalikan projek/kajian berkenaan.

7.3. **Tugas & Tanggungjawab JPP**

(i) **Tugas dan tanggungjawab JPP adalah seperti berikut:**

(a) Mempertimbangkan Terma Rujukan (TOR) yang telah disediakan oleh Agensi dengan memastikan ianya adalah jelas dan bersesuaian dengan keperluan projek/kajian;

(b) Mempertimbangkan perincian anggaran kos perkhidmatan perunding yang telah disediakan oleh Agensi;

(c) Menyemak dan menilai cadangan teknikal dan cadangan kos perunding serta membuat rundingan dengan firma bagi memuktamadkan kos perkhidmatan perunding bagi perolehan yang dilaksanakan secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling tertakluk kos yang dirundingkan hendaklah tidak melebihi kos siling yang telah diluluskan oleh PBM;

(d) Membuat pelarasan semula kos perkhidmatan perunding *(rationalize)* terhad bagi kesilapan aritmetik dan kos imbuhan balik sahaja;

(e) Memperakukan firma perunding yang disenarai pendek untuk pertimbangan dan kelulusan PBM;

(f) Menetapkan kriteria dan sub kriteria penilaian bagi penilaian teknikal dan penilaian kos sebelum tender diiklankan. **JPP tidak dibenarkan untuk meminda kriteria atau sub kriteria atau skema pemarkahan setelah tender diiklankan**;

(g) Menetapkan markah lulus/*benchmark* bagi penilaian teknikal serta wajaran bagi Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos untuk penilaian keseluruhan sebelum dokumen pelawaan disediakan. **JPP tidak dibenarkan untuk meminda markah lulus setelah tender diiklankan.** Oleh itu, JPP hendaklah memastikan markah lulus penilaian teknikal yang ditetapkan hendaklah munasabah. Sekiranya, semua petender gagal memenuhi markah lulus yang ditetapkan, perolehan hendaklah ditender semula secara tender terbuka.

(h) Membuat penilaian teknikal dan penilaian kos secara bermesyuarat dan setiap ahli hendaklah menilai kesemua cadangan yang diedarkan secara individu;

(i) Membuat penilaian ke atas cadangan teknikal dan cadangan kos yang dikemukakan oleh perunding berdasarkan kepada kriteria dan wajaran yang telah ditetapkan;

(j) Menandatangani Surat Akuan Ahli/Pengerusi JPP sebelum memulakan sebarang penilaian;

(k) Membuat rumusan penilaian dengan menyusun firma mengikut kedudukan markah tertinggi bagi penilaian keseluruhan;

(l) Membuat penentuan sekiranya terdapat cadangan perunding yang mempunyai markah penilaian teknikal yang sama (markah seri) dengan melihat kepada markah yang telah diberikan ke atas kriteria kakitangan dan metodologi firma-firma berkenaan dan memilih firma yang mempunyai markah tertinggi dalam kedua-dua kriteria tersebut;

(m) Menyemak dan memperakukan semua permohonan pelantikan perunding termasuk permohonan kos perunding/ kos tambahan/pelanjutan tempoh kontrak sebelum dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan di peringkat PBM;

(n) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semakan dan perakuan yang dikemukakan kepada PBM; dan

(o) Menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding.

(ii) **Tugas dan tanggungjawab Urusetia JPP adalah seperti berikut:**

(a) Memastikan semua permohonan pelantikan perunding termasuk permohonan kos perunding atau kos tambahan untuk pertimbangan dan kelulusan PBM, hendaklah disemak dan diperakukan oleh JPP terlebih dahulu. Bagi permohonan untuk pertimbangan dan kelulusan oleh MOF pula, permohonan tersebut hendaklah disemak oleh JPP dan diperakukan oleh LP Agensi terlebih dahulu sebelum dikemukakan ke MOF;

(b) Mengatur mesyuarat bagi tujuan penilaian ke atas Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah dikemukakan oleh Agensi;

(c) Menandatangani Surat Akuan Urusetia Bagi JPP sebelum memulakan sebarang tugas;

(d) Menyemak Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos dan dokumen

yang disertakan adalah lengkap;

(e) Mengedarkan Surat Akuan Ahli/Pengerusi Bagi JPP terlebih dahulu kepada ahli JPP untuk ditandatangani sebelum sebarang penilaian boleh dibuat;

(f) Memastikan cadangan teknikal perunding diedarkan kepada ahli JPP untuk penilaian sebelum cadangan kos diedarkan;

(g) Mengedarkan cadangan kos perunding yang lulus penilaian teknikal sahaja;

(h) Menyediakan kertas perakuan untuk pertimbangan PBM dengan menggunakan format yang telah ditetapkan; dan

(i) Menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding.

8. Terma Rujukan Perunding

8.1. Kepentingan Terma Rujukan

(i) Terma Rujukan (*Terms of Reference* - TOR) adalah kandungan utama yang diperlukan di dalam Dokumen Pelawaan.

(ii) TOR yang jelas dan lengkap adalah penting untuk memastikan perunding dapat memahami keperluan projek/kajian yang ingin dilaksanakan dan seterusnya memastikan kelancaran sesuatu projek/kajian. Penyediaan TOR yang baik dapat mengurangkan risiko kelewatan pelaksanaan projek/kajian, tambahan kos atau salah tafsiran ke atas kehendak sebenar Agensi. Selain itu, ia juga akan membantu Agensi dalam membuat anggaran kos perkhidmatan perunding dengan lebih tepat.

(iii) Agensi bertanggungjawab dalam menyediakan TOR bagi sesuatu projek/kajian yang ingin dilaksanakan. Penyediaan TOR sebaik- baiknya disediakan secara berpasukan, di mana pasukan tersebut terdiri daripada pegawai yang berpengetahuan dalam projek/kajian tersebut.

(iv) **Agensi bertanggungjawab memastikan TOR yang disediakan hendaklah disemak dan diluluskan oleh JPP terlebih dahulu sebelum sebarang proses perolehan dilaksanakan.**

8.2. **Rangka Terma Rujukan**

(i) TOR hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:
   (a) Latar belakang projek/kajian;
   (b) Objektif pelantikan perunding;
   (c) Skop perkhidmatan perunding;
   (d) Tempoh perkhidmatan perunding;
   (e) Kaedah penetapan kos perkhidmatan perunding;
   (f) *Deliverables* (*output* yang dihasilkan);
   (g) Maklumat yang boleh disediakan oleh Kerajaan kepada Perunding;
   (h) Ringkasan projek (bagi projek pembangunan fizikal); dan
   (i) Perkara-perkara lain yang berkaitan (contoh: Denda, LAD, penalti dan sebagainya)

(ii) **TOR Pra Kelayakan** hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

   (a) Latar belakang projek/kajian;
   (b) Objektif pelantikan perunding; dan
   (c) Skop perkhidmatan perunding.

8.3. **Latar Belakang Projek/Kajian**

Latar belakang projek/kajian hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

(i) Nama Projek/Kajian;
(ii) Objektif Projek/Kajian;
(iii) Lokasi Projek/Kajian;
(iv) Kos siling Projek/Kajian;
(v) Justifikasi Projek/Kajian;
(vi) Sejarah Projek/Kajian (apa yang telah dilakukan setakat ini dan oleh siapa) (jika berkaitan);
(vii) Senarai Projek/Kajian yang berkaitan dan maklumat asas;
(viii) Justifikasi keperluan perkhidmatan perunding dalam Projek/Kajian;
(ix) Tempoh pelaksanaan Projek/Kajian; dan
(x) Sumber pembiayaan.

8.4. **Objektif Pelantikan**

TOR perlu menjelaskan dengan tepat objektif/tujuan dan hasil yang diharapkan daripada perunding adalah seperti berikut:

(i) Penyediaan program pembangunan;
(ii) Penyediaan reka bentuk projek;
(iii) Penyediaan dokumen dan lukisan tawaran;
(iv) Pengurusan projek dan penyeliaan pembinaan;
(v) Mengadakan Program Pembangunan Kapasiti/Latihan;
(vi) Peningkatan keupayaan dan latihan kakitangan;
(vii) Pengumpulan dan analisis data; dan
(viii) Perkara-perkara yang berkaitan berdasarkan keperluan projek/kajian.

8.5. **Skop Perkhidmatan Perunding**

(i) Bidang perkhidmatan perunding yang diperlukan.

(ii) Menjelaskan semua aktiviti utama yang akan dilaksanakan oleh perunding serta *output* yang dikehendaki.

(iii) Perunding bertanggungjawab mencadangkan pendekatan dan metodologi bagi menghasilkan *output* termasuk carta organisasi pasukan projek/kajian, peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan serta jadual pelaksanaan projek/kajian.

(iv) Bagi projek pembangunan fizikal, skop perkhidmatan perunding hendaklah dikaitkan dengan keperluan Brif Projek.

8.6. **Tempoh Perkhidmatan Perunding**

(i) Penetapan tempoh perkhidmatan perunding adalah berdasarkan jadual pelaksanaan projek pembangunan fizikal/kajian yang disediakan tertakluk kepada skop dan bidang perkhidmatan yang berkaitan.

(ii) Panduan kepada Agensi untuk menentukan tempoh perkhidmatan perunding adalah seperti berikut:

(a) Projek Pembangunan Fizikal - bermula daripada pelantikan hingga tamat tempoh kecacatan/penutupan akaun projek bergantung pada keperluan Agensi;
(b) Kajian – bermula daripada pelantikan sehingga laporan akhir diterima dan dipersetujui oleh Agensi; dan
(c) Kerja Ukur – bermula daripada pelantikan sehingga pelan ukur (*survey plan*) siap dan dipersetujui oleh Agensi.

8.7. **Kaedah Penetapan Kos Perkhidmatan Perunding**
Penetapan kos perkhidmatan perunding bagi projek/kajian Kerajaan hendaklah menggunapakai kaedah seperti di PK3.2.

8.8. ***Deliverables* (*Output* yang dihasilkan)**

Deliverables yang perlu disediakan oleh perunding adalah seperti berikut:

(i) Laporan *Inception*/Konsep/Awalan;
(ii) Laporan Kemajuan Bulanan/Interim;
(iii) Laporan Akhir;
(iv) Laporan Kebenaran Merancang (bagi tujuan kelulusan perancangan Pihak Berkuasa Tempatan – *planning permission*);
(v) Laporan Cadangan Pembangunan (bagi tujuan kelulusan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan – *development order*);
(vi) Laporan Kriteria Reka bentuk;
(vii) Laporan Pengiraan Reka Bentuk;
(viii) Laporan Akaun Muktamad Projek;
(ix) Laporan Jaminan dan Kawalan Kualiti *(QAQC Report);*
(x) Dokumen tawaran;
(xi) Lukisan-lukisan tawaran;
(xii) Lukisan-lukisan pembinaan;
(xiii) Lukisan-lukisan *As-Built*;
(xiv) Laporan Pembaikan Kecacatan; dan
(xv) Lain-lain *output* yang bersesuaian mengikut keperluan projek/kajian.

8.9. **Maklumat yang boleh disediakan oleh Agensi kepada Perunding**

(i) Agensi boleh menyediakan data atau maklumat berkaitan bagi membantu perunding memahami keperluan projek/kajian dengan lebih baik.

(ii) Agensi hendaklah mengingatkan perunding untuk menjaga, mengawas dan mengawal semua rahsia Kerajaan selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).

8.10. **Brif Projek (Bagi Projek Pembangunan Fizikal)**

(i) Brif projek adalah untuk mendokumen dan memperjelaskan kepada Agensi Pelaksana dan perunding segala keperluan sesuatu pembangunan daripada perspektif pengguna.

(ii) Brif projek sewajarnya menjelaskan keperluan terperinci projek termasuk hubung kait aktiviti-aktiviti antara satu sama lain, tatacara operasi dan penyelenggaraan kemudahan/bangunan tersebut. Brif projek hendaklah

sekurang-kurangnya mengandungi maklumat-maklumat berikut:

(a) Aktiviti yang hendak dilakukan;
(b) Bilangan pengguna yang terlibat dalam aktiviti tersebut;
(c) Perkakas dan peralatan yang digunakan;
(d) *Performance Specification*;
(e) Keperluan kejuruteraan yang diperlukan; dan
(f) Lain-lain yang bersesuaian.

9. Pelantikan *Lead Consultant (LC)* Bagi Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan

9.1. Agensi adalah dibenar melantik *Lead Consultant* bagi projek pembangunan fizikal dimana Agensi hanya perlu melantik satu firma perunding dari satu bidang sebagai *Lead Consultant* dan *Lead Consultant* pula melantik firma perunding dari bidang-bidang lain sebagai *Associate Consultants* bagi melaksanakan projek. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM10 Juta adalah digalakkan untuk pelaksanaan secara LC. Walau bagaimanapun, PK3.11 juga telah membenarkan pelantikan LC bagi kos projek pembangunan fizikal melebihi RM10 juta dan menggariskan mekanisme pelaksanaan perolehan LC sebagai alternatif kepada kaedah perolehan perunding sedia ada;

(ii) Agensi menandatangani perjanjian dengan *Lead Consultant*;

(iii) *Associate Consultants* yang dipilih oleh *Lead Consultant* hendaklah berdaftar dengan MOF dan hendaklah dipersetujui oleh Agensi terlebih dahulu;

(iv) Bayaran bagi *Associate Consultants* hendaklah dibuat melalui *Lead Consultant* bagi projek fizikal yang bernilai sehingga RM10 juta;

(v) *Lead Consultant* hendaklah menandatangani perjanjian dengan semua *Associate Consultants* dan salinan perjanjian dikemukakan ke Agensi sebagai rekod;

(vi) *Lead Consultant* bertanggungjawab sepenuhnya terhadap skop perkhidmatan perunding yang lain di bawahnya meliputi tindakan kecuaian, salah laku dan sebagainya oleh kakitangan *Associate Consultants*; dan

(vii) Kelulusan pelantikan perunding hendaklah dibawa untuk pertimbangan PBM mengikut had kuasa melulus seperti di perenggan 6.

(viii) Peraturan bagi pelantikan secara LC perlu dirujuk kepada PK3.11 secara keseluruhan.

10. Pelantikan Perunding Individu

10.1. **Syarat Pelantikan Perunding Individu/Pegawai Kerajaan**

(i) Perunding individu lazimnya ditakrifkan seperti berikut:

(a) Individu yang sedang berkhidmat dengan suatu firma dan/atau individu yang memberikan perkhidmatan secara *freelance;*

(b) Pegawai Kerajaan yang telah bersara dari perkhidmatan; atau

(c) Tenaga pengajar universiti (IPTA/IPTS) yang masih berkhidmat.

(ii) Pelantikan perunding secara individu tidak digalakkan, walau bagaimanapun adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) Hanya bagi Kajian Kerajaan atau yang memerlukan khidmat nasihat kepakaran individu tersebut bagi **pelaksanaan kajian berkenaan sahaja**;

(b) Kajian yang memerlukan kepakaran khusus yang tidak ditawarkan oleh firma sedia ada;

(c) Tempoh perkhidmatan perunding tidak melebihi 1 tahun;

(d) Kos perkhidmatan tidak melebihi RM500 ribu;

(e) Boleh melebihi dari seorang perunding individu tertakluk jumlah kos perkhidmatan semua perunding individu tersebut tidak melebihi RM500 ribu dan tidak melebihi tempoh 1 tahun;

(f) Kaedah bayaran adalah secara Input Masa di mana pengiraan yuran dan imbuhan balik hendaklah berdasarkan PK3.2;

(g) Kriteria pemilihan perunding individu tersebut boleh ditetapkan sendiri oleh JPP mengikut kesesuaian projek;

(h) Faktor Pengganda bagi perunding individu tempatan adalah maksimum 1.6 dan perunding individu asing adalah maksimum 1.0;

(i) Pelantikan dan kos perunding individu hendaklah mendapat kelulusan PBM;

(j) SST hendaklah dikeluarkan kepada perunding individu tersebut sebelum sebarang arahan memulakan kerja dikeluarkan; dan

(k) Perjanjian dengan perunding individu tersebut boleh disediakan menggunapakai format perjanjian piawai seperti di PK3.8 dan ditandatangani sebelum sebarang bayaran boleh dibuat.

(iii) Perunding Individu diberi pengecualian daripada berdaftar dengan MOF.

11. Pelantikan Perunding Asing bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA

11.1. Perkhidmatan Perunding Asing

(i) Perunding Asing di dalam perolehan perkhidmatan perunding Kerajaan yang tidak tertakluk kepada FTA boleh ditakrifkan seperti berikut:

(a) Firma di luar Negara yang dilantik secara penyumberluaran (*outsourcing*) oleh firma tempatan/dilantik terus oleh Agensi;

(b) Individu Asing yang bekerja dengan firma di luar Negara yang dilantik secara penyumberluaran (*outsourcing*) oleh firma tempatan/dilantik terus oleh Agensi;

(c) Individu Asing yang bekerja dengan firma tempatan yang dilantik secara penyumberluaran (*outsourcing*) oleh firma tempatan/dilantik terus oleh Agensi; dan

(d) Individu Asing berkepakaran khusus yang bekerja dengan firma tempatan yang berada dalam pasukan projek/kajian oleh firma tempatan.

(ii) Firma Asing yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah diklasifikasikan sebagai firma perunding tempatan.

(iii) Perunding tempatan hendaklah dilantik bagi tujuan peningkatan keupayaan (*capacity building*), kawalan ke atas aliran keluar mata wang dan dasar keselamatan negara kecuali tiada perunding yang berkepakaran bagi projek/ kajian spesifik yang perlu dilaksanakan oleh Agensi.

11.2. **Proses Pelantikan Perunding Asing**

(i) Maklumat awal yang perlu dikemukakan kepada Pegawai Pengawal hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi perkara berikut:

(a) Nama projek/ kajian;
(b) Anggaran kos projek/ kos kajian;
(c) Latar belakang projek/ kajian; dan
(d) Justifikasi keperluan penglibatan perunding asing (sama ada firma asing, perunding individu atau personel/ perunding asing berkepakaran spesifik di dalam pasukan projek/ kajian oleh firma tempatan)

(ii) Semua permohonan mengenai perolehan perunding asing hendaklah diperakukan oleh JPP kepada PBM untuk pertimbangan dan kelulusan.

(iii) Bagi permohonan pelantikan perunding asing yang perlu dibawa ke MOF, Agensi hendaklah mendapatkan perakuan LP Agensi sebelum dimuktamadkan di MOF.

(iv) Permohonan perolehan perunding asing yang dikemukakan ke PBM hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi maklumat berikut:

(a) Nama projek/kajian;
(b) Kos projek/kajian;
(c) Nama firma tempatan (hanya terpakai jika melibatkan kakitangan asing dalam pasukan projek yang dicadangkan oleh firma tempatan);
(d) Nama firma asing/kakitangan asing/perunding individu asing;
(e) Latar belakang perunding asing; dan
(f) Kos perunding termasuk butiran yuran/gaji perunding dan imbuhan balik yang ditawarkan oleh firma asing/kakitangan asing/perunding individu asing yang terlibat bagi pelaksanaan projek/kajian Kerajaan.

11.3. Bagi semua perolehan yang melibatkan perkhidmatan perunding asing sama ada tertakluk atau tidak tertakluk kepada FTA, Agensi hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

(i) Mengenakan Cukai Pegangan *(Withholding Tax)* perkhidmatan individu/firma asing selaras dengan Akta Cukai Pendapatan 1967. Kadar semasa Cukai Pegangan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang diluluskan Kerajaan;

(ii) Memastikan perunding individu asing dalam bidang arkitek, kejuruteraan dan ukur bahan berdaftar dengan Lembaga/Badan Profesional di negara

masing-masing;

(iii) Memastikan perunding individu asing dalam bidang arkitek, kejuruteraan dan ukur bahan turut berdaftar secara sementara dengan Lembaga/Badan profesional di Malaysia selaras dengan Akta Lembaga Profesional masing-masing; dan

(iv) Memastikan terdapat program *Transfer of Technology/Knowledge* kepada kakitangan Agensi (sekiranya berkaitan).

11.4. **Kaedah Bayaran Perunding Asing bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA.**

Pengiraan yuran Input Masa bagi perunding asing adalah secara *charge rate*. Sebagai panduan, Agensi boleh menggunakan format di **Lampiran D** atau format lain yang bersesuaian.

11.5. **Dasar Penggunaan Mata Wang**

Tawaran harga daripada perunding asing hendaklah dalam Ringgit Malaysia.

11.6. **Perolehan Perunding Oleh Agensi Kerajaan Di Luar Negara**

Bagi perolehan perkhidmatan perunding yang dilaksanakan oleh Agensi/ Jabatan Kerajaan di luar negara, peraturan ini adalah tidak terpakai.

12. Penggunaan Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS)

12.1. Agensi hendaklah memastikan perkara berikut dilaksanakan melalui Sistem MyGPIS:

(i) **<u>Membuat carian perunding</u>**

(a) Agensi hendaklah memastikan carian dibuat melalui Laporan Senarai Firma Perunding dan/atau Laporan Perolehan Syarikat Perunding dalam MyGPIS.

(b) Kedua-dua laporan ini memaparkan maklumat firma perunding yang berdaftar dengan MOF sebagai rujukan dan membantu pengguna dalam membuat penggiliran lantikan.

(c) Laporan Senarai Firma Perunding akan memaparkan senarai firma mengikut tapisan yang dipilih oleh pengguna dengan maklumat lantikan dalam tempoh tiga (3) tahun terkini serta purata prestasi

firma untuk membantu Agensi dalam membuat pemilihan perunding.

(d) Laporan Perolehan Syarikat pula akan memaparkan keseluruhan perolehan yang pernah dilaksanakan oleh syarikat tersebut termasuk prestasi perunding dan kategori perunding.

(e) Profail terperinci bagi sesebuah firma perunding melibatkan maklumat kakitangan hendaklah dijana melalui Sistem ePerolehan memandangkan MyGPIS tidak memaparkan maklumat tersebut.

(ii) **Merekod Lantikan Perunding**

(a) Agensi hendaklah memastikan sebaik sahaja SST ditandatangan balas oleh perunding, maklumat lantikan tersebut direkodkan dalam MyGPIS tidak lewat daripada lima (5) hari bekerja dari tarikh SST tersebut ditandatangan balas oleh perunding.

(b) Agensi bertanggungjawab untuk merekodkan maklumat lantikan perunding sama ada bagi perunding LC, SC dan perunding *Non LC/SC* sama ada bagi projek konvensional mahupun projek reka dan bina.

(c) Sebarang perubahan maklumat lantikan hendaklah dikemaskini dengan segera iaitu tidak lewat daripada lima (5) hari bekerja selepas perubahan berlaku.

(iii) **Merekod Penilaian Prestasi Perunding**

Agensi hendaklah memastikan penilaian prestasi dibuat ke atas perunding LC, SC dan *Non LC/SC* bagi setiap kemajuan kerja untuk sesebuah projek fizikal/kajian sebelum kemajuan bayaran dibuat. Tatacara penilaian prestasi adalah sebagaimana ditetapkan dalam PK3.9.

(iv) **Membuat Bayaran Kemajuan Kerja Perunding**

Bagi memastikan Agensi secara konsisten melaksanakan tindakan merekod lantikan dan penilaian prestasi perunding untuk mengelakkan maklumat perunding yang tidak tepat digunakan sebagai rujukan dalam pemilihan perunding, Agensi hendaklah memastikan tindakan berikut dipatuhi:

(a) Melaksanakan perkara di perenggan 12.1 (ii) dan (iii);

(b) Mencetak skrin “Paparan Perolehan Perunding” bagi rekod perolehan yang telah dikunci masuk dan disahkan dalam MyGPIS sebagai bukti maklumat lantikan dan prestasi telah direkodkan.

(c) Salinan cetakan skrin tersebut yang memaparkan maklumat lantikan dan penilaian prestasi bagi setiap kemajuan kerja hendaklah dilampirkan bersama dengan dokumen perakuan bayaran kemajuan kepada pegawai kewangan masing-masing;

(d) Pegawai kewangan di Agensi masing-masing hendaklah membuat semakan bahawa sesalinan cetakan skrin di perenggan 12.1 (iv) (b) dilampirkan bersekali dengan perakuan bayaran kemajuan. Bayaran kemajuan hanya boleh diproses sekiranya perkara di perenggan 12.1 (iv) (a) hingga (c) dipatuhi sepenuhnya; dan

(e) Kecuaian dalam melaksanakan perkara ini boleh mengakibatkan tindakan bersesuaian diambil ke atas pegawai yang terlibat.

12.2. Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada Panduan Pengguna Modul Perkhidmatan Perunding yang boleh dimuat turun melalui MyGPIS. Oleh itu, semua Agensi yang terlibat dalam perolehan perunding perlu memohon ID pengguna MyGPIS secara dalam talian bagi membuat capaian kepada sistem tersebut.


13. Tarikh Kuat Kuasa

13.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

13.2 Pindaan berkuat kuasa pada **30 November 2024**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A


Perolehan Kerajaan
Kerja
Bekalan
Perkhidmatan
No Sijil Pendaftaran MOF : 357 - XXXXXXXX
Perkhidmatan Bukan Perunding (Kod Bidang : 220000)
No Sijil Pendaftaran MOF : 465 - XXXXXXXX
Perkhidmatan Perunding (Kod Bidang : 330000 & 340000)
Perunding Fizikal (Kod Bidang : 330000)
Perunding Bukan Fizikal (Kod Bidang : 340000)
• Penyelenggaraan/ Pembaikan Mesin & Kenderaan
• Penyewaan & pengurusan
• Pengawalan & Pengawasan
• Mencuci & Membersih
• Gunatenaga (termasuk Latihan)
• Khidmat Udara/ Laut/ Darat
• Perfileman, Rakaman & Fotografi
• Pengindahan (Tidak termasuk pelanskapan & senitaman)
• Menjahit
• Percetakan
• Pengangkutan
• Insuran
• Barang Lusoh
• Membaik Pulih
• Pengiklanan
• Perkhidmatan Kapal
• Lain-Lain Perkhidmatan
(rujuk laman web ePerolehan untuk perincian sub bidang)
• Kejuruteraan
• Bukan Kejuruteraan
• Sosio Ekonomi
• Pengangkutan
• Marin
• Kewangan
• Pertanian
• Informasi Dan Teknologi Maklumat
• Pencahayaan & Bunyi
• Perundangan
• Tenaga

LAMPIRAN B

SENARAI SEMASA KOD BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING

330000 - Perkhidmatan Perunding Fizikal

<u>Bidang Kejuruteraan</u> :

330101 - Kejuruteraan Awam
330102 - Kejuruteraan Struktur
330103 - Kejuruteraan Elektrik
330104 - Kejuruteraan Mekanikal
330105 - Kejuruteraan Elektronik
330106 - Kejuruteraan Kimia
330107 - Kejuruteraan Perlombongan
330108 - Kejuruteraan Marin
330109 - Kejuruteraan Geoteknik
330110 - Kejuruteraan Industri
330111 - Kejuruteraan *Naval Architecture*
330112 - Pengurusan Aeroangkasa
330113 - Kejuruteraan Pertanian
330114 – Kejuruteraan Telekomunikasi
330115 - Kejuruteraan Nuklear
330116 - Penilaian Harta (Forensik)

<u>Bidang Bukan Kejuruteraan</u> :

330201 - Arkitek
330202 - Ukur Bahan
330203 - Ukur Tanah
330204 - Hiasan Dalaman
330205 - Arkitek Lanskap
330206 - Perancangan Bandar dan Wilayah
330207 - Kajian Alam Sekitar
330208 - Ukur Bangunan (Institut Juruukur Malaysia)
330209 - Pengurusan Nilai Fizikal
330210 - Sains Kesihatan/Perancangan Perubatan
330211 - Kejuruteraan Geologi
330212 - Ukur Tanah dan Ukur Utiliti Bawah Tanah

340000 - Perkhidmatan Perunding Bukan Fizikal

Sosio Ekonomi

340101 - Kajian Organisasi
340102 - Kajian Penswastaan dan Pengkomersilan
340103 - Kajian Ekonomi
340104 - Kajian Kemasyarakatan Sosio-Ekonomi
340105 - Kajian Pemasaran dan Penyelidikan
340106 - Kajian Sumber Manusia
340107 - Kajian Pelancongan
340108 - Kajian Keselamatan
340109 - Pengurusan Nilai Bukan Fizikal

Pengangkutan

340201 - Kajian Rangkaian Pengangkutan
340202 - Kajian Trafik

Marin

340301 - Kajian Marin
340302 - Kajian Hidraulik

Kewangan

340401 - Kajian Kewangan
340402 - Kajian Percukaian
340403 - Penilaian Harta/Hartanah
340404 - Kajian Pelaburan

Pertanian

340501 - Kajian Perhutanan
340502 - Kajian Pertanian
340503 - Kajian Sumber Asli/Rekreasi & Taman-Taman
340504 - Teknologi Makanan
340505 - Kajian Perikanan
340506 - Kajian Komoditi

Informasi Dan Teknologi Maklumat (ICT)

340601 - Kajian Telekomunikasi
340602 - Perancangan Strategik ICT (ISP)
340603 - Kajian Pengurusan Infrastruktur ICT
340604 - Kajian Pengurusan Keselamatan ICT
340605 - Kajian Pengurusan Maklumat ICT

Pencahayaan dan Bunyi
340801 - Kajian Pencahayaan
340802 - Kajian Audiovisual dan Akustik


Perundangan
340901 - Kajian Perundangan

Tenaga
341001 - Kajian Pengurusan Tenaga
341002 - Kajian Teknologi Hijau

** Agensi hendaklah sentiasa merujuk kepada laman sesawang www.eperolehan.gov.my untuk senarai kod bidang yang terkini dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN C

Proses Perolehan Perkhidmatan Perunding



LAMPIRAN D

BREAKDOWN OF RATES FOR CONSULTANT

Project:……

		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Name	***Position***	***Basic Salary per month***	***Social Charges (% of 1)***	***Overhead (% of 1)***	***Subtotal (1+2+3)***	***Fee (% of 4)***	***Charge Rate per month (4+5)***

Note:

Item 1: Basic salary shall include actual gross salary before deduction of taxes. Payroll slip for each staff proposed should be submitted.

Item 2: Social Charges shall include employer's contribution to social security, paid vacation, average sick leave and other standard benefits paid by the firm to the employee. Breakdown of proposed percentage charge should be submitted and certified by External Auditor.

Item 3: Overhead shall include general administration cost, rent, etc. Breakdown of proposed percentage charge for overhead should be submitted and supported by relevant documents.

Item 5: Fee shall include company profit and other costs (overseas allowances, etc).

PK 3.2



KERAJAAN MALAYSIA

Kos Perkhidmatan Perunding

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK3.2 KOS PERKHIDMATAN PERUNDING..... 1

1. Definisi Kos Perkhidmatan Perunding 1

2. Yuran Perkhidmatan Perunding 1

3. Kos Imbuhan Balik (IB)..... 5

4. Bayaran Perkhidmatan Perunding Mengikut Peringkat Kemajuan Kerja..... 6

5. Tarikh Kuat Kuasa 7

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Tuntutan Kos Imbuhan Balik Perunding Yang Dibenarkan

Lampiran 2 : Skala Gaji Pokok Maksimum Kakitangan Ikhtisas (Kakitangan Sementara – Ijazah Sarjana Muda Dan Ke Atas)

Lampiran3 : Skala Gaji Maksimum Kakitangan Separa Ikhtisas/ *Clerk Of Work* – COW (Kakitangan Sementara)

Lampiran 4 : Skala Gaji Maksimum Pengarah (Pemilik Firma)/ Rakan Kongsi (*Shareholders*)

Lampiran 5 : Faktor Pengganda (FP) Maksimum Perunding Bagi Penetapan Yuran Secara Kaedah Input Masa

Lampiran 6 : Komponen FP Bagi Kakitangan Ikhtisas Firma Dan Kakitangan Separa Ikhtisas/Sokongan Teknikal Firma

Lampiran 7 : Komponen FP Bagi Semua Kategori Tenaga Pengajar Universiti Awam/Swasta

Lampiran 8 : Komponen *Charge Rate* Bagi Perunding Asing

Lampiran 9 : Komponen FP Bagi Perunding Individu Tempatan Yang Dilantik Terus Oleh Agensi Kerajaan

Lampiran 10 : Contoh Yuran Perunding Secara Input Masa

Lampiran 11 : Contoh Kos Imbuhan Balik

PK3.2 KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

1. Definisi Kos Perkhidmatan Perunding

1.1. Kos perkhidmatan perunding adalah kos yang terdiri daripada yuran perunding dan kos imbuhan balik.

1.2. Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastkan bayaran percukaian tersebut dibuat seperti berikut:

1.2.1. Cukai Perkhidmatan ke atas kos perunding (yuran perunding dan kos imbuhan balik) berdasarkan kadar peratusan yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang mana cukai tersebut akan dibayar oleh Agensi kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui perunding yang berdaftar dengan JKDM; dan

1.2.2. Cukai Pegangan ke atas kos perunding berdasarkan kadar peratusan yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mana cukai tersebut akan dibayar oleh Agensi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sekiranya perunding asing tersebut dilantik oleh Agensi atau cukai pegangan tersebut akan dibayar oleh firma jika perunding asing tersebut dilantik oleh firma tempatan.

2. Yuran Perkhidmatan Perunding

Terdapat 2 kaedah bagi menentukan yuran perkhidmatan perunding iaitu Yuran Tetap (*Fixed Fee)* dan Input Masa (*Man-Month/Days*).

2.1. Yuran Tetap (*Fixed Fee*)

2.1.1. Semua perkhidmatan perunding bagi projek fizikal hendaklah menggunakan kaedah yuran tetap (fixed fee).

2.1.2. Kerajaan memutuskan yuran perunding adalah tetap sepanjang pelaksanaan projek sehingga projek siap. Yuran perunding yang dipersetujui tidak boleh berubah berdasarkan pertambahan nilai kontrak akhir (*final contract sum*).

2.1.3. Kos perunding yang telah dipersetujui di dalam Surat Setuju Terima (SST) yang terdiri daripada yuran perunding, yuran penyeliaan tapak dan kos imbuhan balik hendaklah tetap sepanjang pelaksanaan tempoh projek yang telah ditetapkan

kecuali jika terdapat sebarang Arahan Perubahan Kerja atau Lanjutan Tempoh Kontrak Pembinaan yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan bukan disebabkan atas kesilapan perunding. Bagi keadaan dimana tempoh siap pembinaan projek dilanjutkan oleh Kerajaan dan melibatkan lanjutan tempoh perkhidmatan penyeliaan perunding di tapak pembinaan, pertambahan yuran penyeliaan tersebut secara input masa dan kos imbuhan balik boleh dipertimbangkan. Semua kos imbuhan balik hendaklah dibuat berdasarkan bil sebenar tertakluk tidak bercanggah dengan item dan had nilai yang dibenarkan di **Lampiran 1**.

2.1.4. Pertambahan kos perunding yang disebabkan oleh perubahan harga kontrak kerja daripada anggaran kos projek asal, bayaran pertambahan kos perunding tersebut berdasarkan pengiraan Skala Yuran Piawai (*Scale of Fees* - SOF) tidak lagi terpakai untuk semua projek fizikal Kerajaan mulai 15 September 2016.

2.1.5. Walau bagaimanapun, sekiranya harga kontrak kerja yang telah disetuju terima oleh Kerajaan adalah lebih rendah daripada anggaran kos projek asal yang dijadikan asas untuk menentukan yuran perkhidmatan Perunding, Kerajaan berhak membuat pelarasan yuran perkhidmatan Perunding. Pelarasan yuran perkhidmatan Perunding bermaksud menurunkan yuran secara berkadaran mengikut harga kontrak kerja yang telah disetuju terima Kerajaan.

2.1.6. Bagi pengiraan yuran perunding semasa tawaran harga dikemukakan kepada Kerajaan, perunding hendaklah menentukan yurannya berdasarkan mekanisma pengiraan yang kompetitif selain daripada SOF. Walau bagaimanapun, SOF tersebut (Akrtitek, Kejuruteraan, Ukur Tanah dan Ukur Bahan) bolehlah digunakan sebagai panduan sahaja dan Kerajaan tidak terikat untuk membuat bayaran yuran perunding berdasarkan pematuhan kepada SOF. Kos perunding yang telah dipersetujui melalui SST adalah merupakan harga muktamad Kerajaan kecuali jika terdapat arahan perubahan kerja yang diluluskan oleh Kerajaan dan bukan merupakan kesilapan perunding serta terdapat pelanjutan tempoh siap asal pembinaan yang melibatkan pelanjutan penyeliaan perunding di tapak pembinaan.

2.1.7. Penetapan yuran perunding secara pukal tanpa butiran kos adalah tidak dibenarkan.

2.1.8. Mana-mana kerja yang melibatkan pertambahan kos perunding disebabkan kesilapan/kecuaian perunding atau yang tidak selaras dengan obligasi kontrak, hendaklah ditanggung sendiri oleh perunding.

2.2. Input Masa *(Man-month)*

2.2.1. Kaedah bayaran input masa ini hendaklah digunakan bagi keadaan seperti berikut:-

(a) Semua bentuk kajian perunding (termasuk kajian fizikal); dan
(b) Penyeliaan tapak oleh perunding (jika tempoh pembinaan asal di dalam kontrak telah berubah).

2.2.2. Kaedah penetapan yuran perunding secara input masa adalah berdasarkan *time basis* iaitu tempoh masa yang diperlukan bagi menyiapkan sesuatu projek/kajian Kerajaan. Tempoh ini hendaklah dinyatakan di dalam bentuk *man-month/man-day/man-hour* mengikut kesesuaian dari segi tempoh perunding menyempurnakan projek/kajian seperti berikut :

Input Masa	Tempoh Perunding Menyempurnakan Projek/Kajian
man-month	1 bulan dan ke atas (28 hari dan ke atas)
man-day	Kurang daripada 1 bulan (27 hari dan ke bawah)
man-hour	Kurang daripada 1 hari (8 jam dan ke bawah)

2.2.3. Bagi perunding yang menawarkan bayaran secara *man-hour* atau *man-day*, Agensi hendaklah merundingkan kadar-kadar tersebut ke tahap yang paling minimum.

2.2.4. Formula pengiraan input masa adalah seperti berikut:

YP = GP x FP x IM

(a) Petunjuk bagi formula di atas adalah seperti berikut :

YP = Yuran Perunding (*consulting fee*);

GP = Gaji Pokok *(basic salary);*

FP = Faktor Pengganda *(multiplier factor);* dan

IM = Tempoh Input Masa *(man-month, man-day, man-hour).*

2.2.5. Gaji Pokok (GP)

(a) GP ialah gaji asas bulanan yang dibayar kepada setiap kakitangan ikhtisas dan separa ikhtisas perunding. Gaji pokok hendaklah tidak termasuk apa-apa elaun serta lain-lain bayaran kepada kakitangan perunding.

(b) GP bagi kakitangan tetap firma adalah berdasarkan slip penyata gaji semasa kakitangan tersebut.

(c) GP bagi kakitangan sementara firma hendaklah tidak melebihi skala gaji maksimum yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan seperti di **Lampiran 2** dan **Lampiran 3**.

(d) Kakitangan sementara yang diambil di kalangan tenaga pengajar IPTA dan pegawai kerajaan yang telah bersara, GP bagi tenaga pengajar IPTA adalah berdasarkan slip gaji sebenar manakala GP bagi pegawai kerajaan yang telah bersara, adalah berdasarkan pengesahan/penyata/slip gaji terakhir.

(e) *Renumeration* bagi Lembaga Pengarah/Rakan Kongsi adalah berdasarkan skala gaji maksimum yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan seperti di **Lampiran 4.**

2.2.6. Faktor Pengganda (FP)

(a) Agensi hendaklah memastikan FP yang digunapakai oleh perunding hendaklah tidak melebihi pekali yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan seperti di **Lampiran 5**.

(b) FP adalah terdiri daripada komponen-komponen seperti di nyatakan di **Lampiran 6** hingga **Lampiran 9**.

2.2.7. Tempoh Input Masa (IM)

(a) IM adalah tempoh/jangka masa yang diperlukan bagi perunding menyiapkan sesuatu projek atau kajian.

(i) Penetapan yuran perkhidmatan perunding secara pukal adalah tidak dibenarkan.

(ii) Format yuran perunding secara input masa seperti di **Lampiran 10**.

3. Kos Imbuhan Balik (IB)

3.1. Kos IB adalah lain-lain perbelanjaan (selain daripada yuran perunding) yang dibuat oleh perunding mengikut keperluan sesuatu projek/kajian. Kos IB adalah merupakan perbelanjaan sebenar yang dibuat oleh pihak perunding tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

3.1.1. Butiran serta kadar bayaran kos IB hendaklah berpatutan dan tuntutan hendaklah dikemukakan dengan resit/bil;

3.1.2. Bagi bayaran kos IB tanpa resit selain daripada kos IB secara pukal *(lump sum)* yang dibenarkan hendaklah mendapat kebenaran dan pengesahan Agensi;

3.1.3. Dokumen yang perlu disediakan oleh perunding yang akan dibayar balik oleh Kerajaan hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam Terma Rujukan (TOR). Bagi salinan dokumen yang telah dibuat dan diberikan kepada pihak lain tanpa arahan Agensi, tuntutan tersebut tidak akan dibayar oleh Kerajaan;

3.1.4. Butiran dan kadar IB tidak melebihi sebagaimana yang ditetapkan seperti di **Lampiran 1**. Format kos IB seperti di **Lampiran 11**;

3.1.5. Bagi butiran IB yang tidak termasuk di dalam item yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan tetapi merupakan perbelanjaan yang diperlukan oleh perunding bagi pelaksanaan projek/kajian berkenaan, Agensi hendaklah mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan ke atas butiran dan kadar IB tersebut terlebih dahulu;

3.1.6. Agensi hendaklah memastikan tuntutan premium insuran bagi *Professional Indemnity Insurance* (PII) yang diambil oleh firma

tidak termasuk di dalam kos imbuhan balik. Kos tersebut adalah ditanggung sendiri oleh perunding; dan

3.1.7. Bagi pengendalian latihan *Transfer of Technology/ Knowledge* kepada pegawai Agensi (sekiranya diperlukan), Agensi hendaklah memastikan perunding telah mengambilkira kos pengendalian latihan tersebut di dalam cadangan kos perunding berkenaan. Walau bagaimanapun, kos penginapan/*lodging*, perjalanan dan makan/minum bagi kakitangan Agensi hendaklah tidak termasuk di dalam kos perkhidmatan perunding. Agensi bertanggungjawab memastikan pembiayaan penginapan/*lodging*, perjalanan dan makan/minum kakitangan Agensi yang terlibat hendaklah dibuat melalui Vot Jabatan.

3.2. Kos IB boleh dibayar mengikut peringkat kemajuan atau secara bulanan selaras dengan syarat-syarat kontrak. Agensi adalah bertanggungjawab menetapkan satu tempoh masa *(cut off date)* yang munasabah untuk membolehkan perunding membuat tuntutan kos IB. Agensi hendaklah menyatakan dengan jelas kepada perunding bahawa tuntutan IB yang melebihi *cut off date* tidak akan dibayar.

3.3. Walaupun Kerajaan membenarkan perunding membuat tuntutan imbuhan balik, Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan keperluan tersebut adalah bersesuaian dengan projek/kajian berkenaan.

4. Bayaran Perkhidmatan Perunding Mengikut Peringkat Kemajuan Kerja

4.1. Bayaran perkhidmatan perunding hendaklah mengikut peringkat-peringkat kemajuan projek/kajian seperti berikut:-

4.1.1. Bagi projek pembangunan fizikal, bayaran kos perkhidmatan adalah mengikut jadual pembayaran berdasarkan kemajuan kerja seperti yang telah ditetapkan di dalam perjanjian yang berkaitan.

4.1.2. Bagi kajian, bayaran kos perkhidmatan perunding adalah mengikut peringkat kemajuan kajian tertakluk laporan yang dikemukakan oleh perunding disetujuterima oleh Agensi. Peratus pembayaran mengikut peringkat kemajuan kajian berikut boleh digunapakai sebagai <u>panduan</u> :

Bil	Peringkat Kemajuan Kajian	Peratus Pembayaran Dibenarkan
1.	Laporan Awal/*Inception*	10%
2.	Laporan Kemajuan/Interim	40%
3.	Draf Laporan Akhir	20%
4.	Laporan Akhir	30%
Jumlah		**100%**

4.2. Bayaran pendahuluan kepada perunding adalah tidak dibenarkan sama ada bagi projek pembangunan fizikal mahupun kajian.

4.3. Agensi hendaklah memastikan bayaran kemajuan kerja perunding bagi projek fizikal dan kajian mematuhi perenggan 13.1.4 di PK3.1.

5. Tarikh Kuat Kuasa

5.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022.**

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

TUNTUTAN KOS IMBUHAN BALIK PERUNDING YANG DIBENARKAN

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
A	**KOS PENGANGKUTAN/ PERJALANAN**	
A1	**Tiket Penerbangan Tempatan/Antarabangsa**	1. Jumlah penerbangan hendaklah **dihadkan kepada bilangan yang perlu sahaja**, mengikut tugasan khusus setiap perunding. Bagi tujuan ini Jadual Tugasan (*manning schedule*) yang disediakan oleh perunding bolehlah dijadikan panduan bagi penetapan had jumlah penerbangan. 2. Pakar perunding asing yang semasa melaksanakan tugasnya dan perlu menginap di negara ini **bagi tempoh 12 bulan atau lebih secara terus menerus**, boleh dibenarkan membawa isteri dan tiga (3) orang anak yang berumur di bawah 18 tahun dengan syarat tempoh penginapan mereka di negara ini **tidak kurang dari 3 bulan**. Bagi tugasan yang menjangkau tempoh 30 bulan secara terus menerus, perunding asing ini dibenarkan tambahan satu (1) penerbangan pergi-balik termasuk isteri dan tiga (3) orang anak mereka **selepas menyempurnakan tempoh perkhidmatan 24 bulan.** 3. Penerbangan hendaklah **dihadkan kepada kelas ekonomi sahaja.** Penerbangan hendaklah menggunakan jalan paling dekat (*the most direct route*) dan tambang termurah dengan menggunakan perkhidmatan **syarikat penerbangan tempatan** yang telah diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. 4. Bayaran adalah bagi penerbangan pergi balik (local/or international-*bound flights*) mengikut kadar tambang sebenar yang dikenakan oleh syarikat penerbangan berkenaan. Sekiranya terdapat diskaun pada harga pembelian (promosi dan sebagainya), harga diskaun tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan pembayaran.

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
A2	**Lain-lain Perbelanjaan Berkaitan Dengan Perjalanan**	1. Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan para A1 boleh dibenarkan termasuk perbelanjaan tambang teksi dari rumah ke lapangan terbang (*vice-versa*), bayaran visa, permit perjalanan, tol, parkir dan lain-lain. 2. Kadar bayaran hendaklah **mengikut kadar sebenar** (*bill*) bagi setiap butiran. 3. **Bagi tuntutan tol yang menggunakan Touch & Go dan Smart Tag, perunding tidak perlu mengemukakan resit, sebaliknya adalah memadai tuntutan tersebut dikemukakan bersama dengan surat-surat panggilan mesyuarat.** Kadar tol boleh disemak melalui laman web pemegang konsesi lebuh raya (contohnya: PLUS, MEX dan lain-lain).
A3	**Tuntutan Perjalanan Kenderaan *(Mileage Claims)***	1. Perunding dibenarkan menggunakan kenderaan sendiri dan membuat tuntutan perjalanan bagi tugas-tugas rasmi yang dibuat semasa pelaksanaan projek. Kemudahan ini perlu **dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja,** manakala bagi perjalanan jarak jauh perunding digalakkan menggunakan kemudahan pengangkutan awam yang mana lebih menjimatkan. **2. Perunding yang telah disediakan kemudahan kenderaan atau menyewa kenderaan, tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan perjalanan kenderaan.** 3. Tuntutan *mileage* perjalanan hendaklah tertakluk kepada kadar sebagaimana ditetapkan dalam peraturan semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. 4. Perunding yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu tempat sahaja yang jaraknya melebihi 240 km daripada Ibu Pejabatnya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api layak menuntut tambang gantian mengikut kadar tambang pengangkutan yang sesuai dengan kelayakannya, iaitu Tambang Gantian tersebut hendaklah bersamaan dengan tambang kapal terbang atau kereta api, mengikut mana yang berkenaan dengan syarat dinyatakan di dalam baucar tuntutan yang ia telah menggunakan kenderaannya sendiri; dan 5. Perunding yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan yang bersabit dengan perjalanan kapal terbang atau kereta api seperti tambang dari rumah

<table>
<tr><th colspan="2">BUTIRAN</th><th>ASAS DAN KADAR BAYARAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ke lapangan terbang/stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (berth charges).</td></tr>
<tr><td>A4</td><td>Tambang Teksi</td><td>1. Perunding dibenarkan menuntut tambang teksi mengikut keperluan projek.

2. Walau bagaimanapun, Agensi hendaklah memastikan tuntutan ini tidak bertindih dengan tuntutan perjalanan kenderaan seperti di A3.

3. Anggaran tuntutan tambang teksi hendaklah tidak melebihi RM1,000 sebulan.</td></tr>
<tr><td>A5</td><td>Sewa Kenderaan</td><td>1. Sewaan kenderaan hanya dibenarkan sekiranya terdapat keperluan khusus mengikut kesesuian projek dan mendapat persetujuan Agensi terlebih dahulu.

2. Jenis kenderaan adalah meliputi kereta, van, pacuan empat roda, bot, helikopter dan sebagainya mengikut kesesuaian dan keperluan projek.

3. Sewaan kenderaan boleh meliputi elaun pemandu, kos bahan api, kos penyelenggaraan dan sebagainya bergantung kepada rundingan yang diadakan, sebut harga bolehlah diminta untuk menentukan kos sewaan sebenar.

4. Bagi tujuan anggaran, kadar berikut (termasuk elaun pemandu, bahan api, penyelenggaraan dan sebagainya) hendaklah berdasarkan kadar maksimum berikut :

<table>
<tr><td>Kereta</td><td>RM1,800-RM3,500 sebulan</td></tr>
<tr><td>Pacuan 4 roda</td><td>RM3,500-RM6,000 sebulan</td></tr>
<tr><td>Van</td><td>Kadar sebenar</td></tr>
<tr><td>Helikopter</td><td>Kadar sebenar</td></tr>
<tr><td>Bot</td><td>Kadar sebenar</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>B</td><td colspan="2">ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</td></tr>
<tr><td>B1</td><td>Perunding</td><td>1. Bagi perunding yang menjalankan tugas rasmi di luar kawasan yang (melebihi 25 km dari ibu pejabat firma) dan perlu menginap layak menuntut bayaran sewa hotel yang disokong dengan resit atau elaun lojing mengikut kadar-kadar seperti dalam jadual di bawah:</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="2">BUTIRAN</th><th>ASAS DAN KADAR BAYARAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><th rowspan="2"></th><th colspan="2">Ikhtisas</th><th colspan="2">Separa Ikhtisas</th></tr>
<tr><th>S.M'sia (RM)</th><th>Sbh/Swk (RM)</th><th>S.M'sia (RM)</th><th>Sbh/Swk (RM)</th></tr>
<tr><td>Hotel</td><td>250</td><td>270</td><td>190</td><td>210</td></tr>
<tr><td>Lojing</td><td>60</td><td>80</td><td>40</td><td>60</td></tr>
<tr><td>Elaun Makan</td><td>60</td><td>80</td><td>40</td><td>60</td></tr>
</table>
2. Kadar sewa hotel di atas adalah merupakan kadar maksimum yang dibenarkan. Bayaran kepada perunding hendaklah mengikut kadar sebenar yang dikenakan oleh pihak hotel, tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan. Sebagai tambahan kepada kadar berkenaan, perunding juga layak menuntut apa-apa cukai yang perlu dibayar berkaitan dengan sewaan hotel tersebut.

3. Bagi perunding yang menjalankan tugas di luar pejabat bagi tempoh yang melebihi 8 jam tetapi tidak mencapai tempoh 24 jam, mereka boleh dibayar elaun harian dengan kadar separuh daripada kelayakan elaun makan mereka.

4. Agensi hendaklah menasihati perunding agar mendapatkan kadar promosi/internet rate bagi penginapan hotel.
</td></tr>
<tr><td>B2</td><td>Kakitangan Tapak</td><td>
<u>ELAUN TAPAK</u>

1. Perunding tidak dibenarkan menuntut lain-lain kos imbuhan balik kecuali elaun tapak untuk kakitangan yang ditempatkan di tapak bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan atau penyeliaan projek. Kadar elaun tapak adalah <u>ditetapkan</u> seperti berikut:
<table>
<tr><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>Ikhtisas</td><td>800 sebulan</td><td>950 sebulan</td></tr>
<tr><td>Separa Ikhtisas/ Sokongan</td><td>650 sebulan</td><td>800 sebulan</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="2">BUTIRAN</th><th>ASAS DAN KADAR BAYARAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td><u>KOS PENGIKLANAN PENGAMBILAN KAKITANGAN TAPAK</u>

1. Perunding dibenarkan menuntut kos iklan bagi pengambilan kakitangan tapak. Kadar bayaran hendaklah mengikut kadar sebenar (bil) bagi setiap iklan.</td></tr>
<tr><td>B3</td><td>Perunding Asing bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA</td><td>1. Perunding asing boleh dibayar elaun per diem bagi tujuan menampung perbelanjaan penginapan dan sara hidup semasa menjalankan tugas di negara ini untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan. Elaun ini dikira mulai dari hari pertama beliau tiba sehingga ke hari berlepas pulang selepas menyempurnakan tugas rasmi beliau dalam tempoh tersebut.

2. Kadar elaun per diem adalah seperti berikut:

<table><tr><th></th><th></th></tr><tr><td>60 hari yang pertama</td><td>310 sehari</td></tr><tr><td>Hari-hari yang berikut</td><td>170 sehari</td></tr></table>
3. Dalam keadaan di mana perunding asing perlu berada di Negara ini untuk satu jangka masa yang panjang, kaedah yang lebih menjimatkan hendaklah digunakan sebagai alternatif kepada bayaran elaun per diem. Umpamanya, pihak agensi boleh menyediakan tempat tinggal dengan membayar sewa dan kos utiliti yang berkaitan. Pada kebiasaannya, ditetapkan secara rundingan.

4. Bagi perunding asing yang dikehendaki menjalankan tugas di luar daripada pejabat/tempat tinggal yang disediakan kepadanya, beliau boleh menuntut bayaran penginapan, perjalanan dan sebagainya mengikut kadar seperti yang dibenarkan kepada perunding tempatan.

5. Walau bagaimanapun, beliau tidak layak menerima elaun sara hidup kerana ia sudah termasuk di dalam elaun per diem yang diberikan.</td></tr>
</table>

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
C	**Kos Perhubungan**	1. Termasuk perbelanjaan telefon, faks, emel dan perkhidmatan penghantaran (pos, kurier dsb). Kos yang dibenarkan hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti tempoh pelaksanaan projek, kompleksiti projek dan keperluan perhubungan dalam dan luar negeri. 2. Kadar bayaran hendaklah berdasarkan bil sebenar setiap butiran berkaitan. Jumlah keseluruhan bagi kos perhubungan tertakluk kepada had bayaran maksimum sebanyak RM 1,500 sebulan.
D	**Kos Dokumentasi Dan Penyediaan Laporan**	1. Meliputi perbelanjaan bagi penyediaan dan percetakan dokumen atau laporan dan lain-lain berkaitan. 2. Jenis, kualiti dan bilangan laporan yang dikehendaki perlu dinyatakan secara jelas di dalam Terma Rujukan projek/kajian Kerajaan. Selain itu, saiz dokumen atau bilangan pelan yang perlu disertakan (di mana berkenaan) perlu juga diambil kira dalam penentuan kos ini. 3. Kos dokumentasi boleh juga ditentukan mengikut harga dokumen yang digunakan atau aktiviti yang terlibat seperti fotostat, lukisan, penjilidan dan lain- lain. **Kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar daripada syarikat percetakan atau pembekal di mana berkenaan.** 4. Bagi dokumen yang memerlukan ciri khusus dari segi jenis (*hardcopy/softcopy*), warna, saiz dan bilangan, kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar dengan persetujuan dan pengesahan Agensi. 5. Bagi dokumen yang disiapkan sendiri oleh perunding, kadar boleh ditetapkan mengikut kadar pasaran semasa. Harga pasaran semasa telah pun mengambil kira keperluan percetakan seperti kertas, toner, *binding* dan sebagainya. 6. Bagi laporan projek pembangunan fizikal yang perlu disertakan dengan model atau dalam bentuk multimedia dsb, kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar dengan persetujuan dan pengesahan Agensi.

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
		7. Bagi pelan yang perlu dikemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan dan dikenakan bayaran, perunding boleh mengemukakan tuntutan tersebut berdasarkan bil sebenar.
E	**Aset Projek**	1. Pembelian aset termasuk peralatan dan kelengkapan projek **tidak dibenarkan**. Firma perunding yang dilantik sepatutnya mempunyai peralatan dan kemudahan asas yang mencukupi bagi mengendalikan projek Kerajaan. Ini bagi mengelakkan bayaran dua kali di mana kos ini merupakan sebahagian daripada *overhead* firma dan telah diambil kira dalam faktor pengganda. 2. Dalam keadaan yang amat memerlukan, peralatan dan kelengkapan projek hendaklah diperolehi (melalui pembelian atau sewaan) dan **mesti diurus oleh agensi berkenaan mengikut tatacara perolehan yang berkuatkuasa** dan dihadkan kepada jumlah yang diperlukan bagi maksud pelaksanaan projek berkenaan sahaja. Perunding perlu memulangkan semula semua aset dan peralatan ini kepada agensi pelaksana setelah tempoh perkhidmatan mereka tamat. Aset yang dibeli adalah hak milik Kerajaan. 3. **Perunding tidak dibenarkan menguruskan sendiri perolehan** bagi sebarang aset atau peralatan projek dan Kerajaan tidak akan membayar apa jua tuntutan bagi perolehan tersebut. **4. Pembelian perisian asas komputer (*basic computer software*) juga tidak dibenarkan**. Bagi perisian komputer yang khusus umpamanya perisian teknikal (*technical software*), agensi bolehlah menimbangkan pembelian tersebut namun hendaklah dipertimbangkan dengan teliti dengan mengambil kira keperluan penggunaannya, kos belian atau sewaan, lesen atau yuran penggunaan tahunan (*copyright fee*) dan sebagainya. **Pembelian ini mesti diuruskan oleh agensi.** 5. **Bagi perolehan data/peta/lukisan (sama ada dalam bentuk hardcopy/softcopy) yang akan digunakan untuk tujuan kajian/projek, perunding dibenarkan untuk memperolehinya sendiri** dan membuat tuntutan daripada Agensi tertakluk persetujuan Agensi. Agensi hendaklah memastikan data/peta/lukisan yang diperolehi oleh perunding tersebut dikembalikan dan menjadi hak milik Kerajaan.

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
F	**Ujian Teknikal Dan Lain-Lain Ujian**	~~1.~~ Ujian bahan (*material test*), ujian model (*modelling test*) dan lain-lain ujian teknikal boleh dibenarkan mengikut keperluan projek. Walau bagaimanapun, sekiranya dalam melaksanakan sesuatu ujian, perunding menggunakan khidmat kepakaran dari syarikat lain seperti ujian EIA dan lain-lain ujian makmal, perolehan perkhidmatan tersebut mestilah berdasarkan senarai syarikat yang disediakan oleh Agensi dan mematuhi peraturan dan tatacara yang diluluskan oleh Agensi. ~~2.~~ Bayaran bagi kos ujian (bahan dan sewaan) hendaklah disokong dengan bil dan dokumen belian di samping pengesahan dari agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam bidang berkenaan.
G	**Kos Sewaan Pejabat Dan Utiliti**	1. Keperluan ini hanya dibenarkan bagi pejabat di tapak projek dengan syarat ianya tidak disediakan oleh kontraktor atau bagi firma perunding asing yang dilantik bagi pelaksanaan sesuatu projek/kajian. 2. Tuntutan ini adalah merupakan sewa bulanan yang merangkumi kos sewaan pejabat dan bil-bil utiliti.
H	**Kos Bagi Menjalankan Kajian Selidik**	1. Bagi projek yang memerlukan kaji selidik, kos yang berkaitan dengan urusan ini boleh dibenarkan. Kadar bayaran bergantung kepada kaedah yang digunakan seperti berikut: i. Kadar mengikut bilangan soal selidik: - maksimum RM12 /soal selidik; atau ii. Kadar mengikut bilangan penemuduga (*enumerators*) : -maksimum RM60 sehari; atau iii. Bagi penemuduga terlatih/berjawatan tetap: -maksimum RM1,200 sebulan 2. Lain-lain kaedah (termasuk penggunaan multimedia), kadar boleh dirundingkan mengikut kadar sebenar, pukal dengan butiran kos dan sebagainya. 3. Ketua penemuduga bergantung pada kelayakan dan pengalaman: - RM1,200 sehingga RM2,500 sebulan 4. Kaedah yang paling sesuai dan menjimatkan hendaklah digunakan dalam melaksanakan urusan kaji selidik ini.

LAMPIRAN 2

SKALA GAJI POKOK MAKSIMUM KAKITANGAN IKHTISAS (KAKITANGAN SEMENTARA – IJAZAH SARJANA MUDA DAN KE ATAS)

TAHUN PENGALAMAN	KADAR GAJI POKOK (RM) (Sebelum 1 Januari 2015)	KADAR GAJI POKOK (RM) (Mulai 1 Januari 2015)
Kurang setahun	2,900	3,335
1	3,000	3,450
2	3,150	3,623
3	3,300	3,795
4	3,450	3,968
5	4,000	4,600
6	4,200	4,830
7	4,400	5,060
8	4,600	5,290
9	4,800	5,520
10	5,800	6,670
11	6,100	7,015
12	6,400	7,360
13	6,700	7,705
14	7,000	8,050
15	7,300	8,395
16	7,600	8,740
17	7,900	9,085
18	8,200	9,430
19	8,500	9,775
20	9,000	10,350
21	9,300	10,695
22	9,600	11,040
23	9,900	11,385
24	10,200	11,730
25	11,200	12,880
26	11,700	13,455
27	12,200	14,030
28	12,700	14,605
29	13,200	15,180
30 dan keatas	14,200	16,330

LAMPIRAN 3

SKALA GAJI MAKSIMUM KAKITANGAN SEPARA IKHTISAS/ CLERK OF WORK[1] – COW (KAKITANGAN SEMENTARA)

TAHUN PENGALAMAN	KADAR GAJI 1 (TANPA DIPLOMA) (Sebelum 1 Januari 2015)	KADAR GAJI 1 (TANPA DIPLOMA)[2] (Mulai 1 Januari 2015)	KADAR GAJI 2 (DENGAN DIPLOMA) (Sebelum 1 Januari 2015)	KADAR GAJI 2 (DENGAN DIPLOMA)[3] (Mulai 1 Januari 2015)
Kurang setahun	1,800	2,250	2,100	2,625
1	1,890	2,363	2,190	2,738
2	1,980	2,475	2,280	2,850
3	2,070	2,588	2,370	2,963
4	2,160	2,700	2,460	3,075
5	2,250	2,813	2,550	3,188
6	2,340	2,925	2,640	3,300
7	2,430	3,038	2,730	3,413
8	2,520	3,150	2,820	3,525
9	2,610	3,263	2,910	3,638
10	2,700	3,375	3,000	3,750
11	2,830	3,538	3,300	4,125
12	2,930	3,663	3,400	4,250
13	3,030	3,788	3,500	4,375
14	3,130	3,913	3,600	4,500
15	3,230	4,038	3,700	4,625
16	3,330	4,163	3,800	4,750
17	3,430	4,288	3,900	4,875
18	3,530	4,413	4,000	5,000
19	3,630	4,538	4,100	5,125
20	3,730	4,663	4,200	5,250
21	3,880	4,850	4,600	5,750
22	4,000	5,000	4,720	5,900
23	4,120	5,150	4,840	6,050
24	4,240	5,300	4,960	6,200
25	4,360	5,450	5,080	6,350
26	4,480	5,600	5,200	7,080
27	4,600	5,750	5,320	7,280
28	4,720	5,900	5,440	7,470
29	4,840	6,050	5,560	7,670
30 dan keatas	4,960.00	6,200	5,680.00	7,860

[1] Jadual di atas adalah untuk Clerk of Work (COW) dan bukannya untuk kerani pentadbiran. Kerani Pentadbiran adalah tidak dibenarkan dituntut oleh perunding dan perlu ditanggung sendiri oleh perunding kerana sebahagiannya telah dimasukkan di dalam komponen Faktor Pengganda.

[2] Tanpa Diploma adalah bermaksud kakitangan yang memiliki kelayakan sama ada Sijil Politeknik atau setara/STPM/SPM

[3] Dengan Diploma adalah bermaksud kakitangan yang memiliki kelayakan Diploma yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

LAMPIRAN 4

SKALA GAJI MAKSIMUM PENGARAH (PEMILIK FIRMA)/ RAKAN KONGSI (*SHAREHOLDERS*)

TAHUN PENGALAMAN	KADAR GAJI (RM)
5	6,000
6	6,300
7	6,600
8	6,900
9	7,200
10	7,500
11	7,800
12	8,100
13	8,400
14	8,700
15	9,000
16	9,300
17	9,600
18	9,900
19	10,200
20	10,500
21	10,800
22	11,100
23	11,400
24	11,700
25	12,000
26	12,300
27	12,600
28	12,900
29	13,200
30	13,500
31 dan ke atas	13,800

LAMPIRAN 5

FAKTOR PENGGANDA (FP) MAKSIMUM PERUNDING BAGI PENETAPAN YURAN SECARA KAEDAH INPUT MASA

	KATEGORI KAKITANGAN/PERUNDING	FAKTOR PENGGANDA	PERINCIAN KOMPONEN
A	**PERUNDING TEMPATAN**		
1	Kakitangan Ikhtisas Firma Yang Dilantik (kakitangan tetap/sementara)	2.7	**Jadual 1 di Lampiran 6**
2	Kakitangan Separa Ikhtisas/Sokongan Teknikal Firma Yang Dilantik (kakitangan tetap/sementara)	2.1	**Jadual 2 di Lampiran 6**
3	Semua Kategori Tenaga Pengajar Universiti Awam/Swasta .	2.2	**Lampiran 7**
B	**PERUNDING ASING[1]**		
5	Peruding Asing yang *dioutsource* oleh firma yang dilantik	1.0 (berdasarkan *Charge Rate*)	**Lampiran 8**
C	**PERUNDING INDIVIDU**		
6	Perunding Individu tempatan yang dilantik terus oleh Agensi Kerajaan	1.6	**Lampiran 9**
7	Perunding Individu Asing yang dilantik terus oleh Agensi Kerajaan (bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA)	1.0 (berdasarkan *Charge Rate*)	**Lampiran 8**

[1] Perunding asing bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA

LAMPIRAN 6

JADUAL 1 : KOMPONEN FP BAGI KAKITANGAN IKHTISAS FIRMA

Component for Multiplier	***Component Ratio***
A. Benefits of Named Employee	
Salary	1.00
Bonus, Allowance, Perks & Leave	0.37
EPF/SPF	0.11
SOCSO	0.01
Training	0.02
Subscription to professional bodies, permits and licenses	0.05
Health and medical benefits	0.03
Retirement/superannuation funds	0.03
B. Firm's Overhead	
Rental	0.10
Group Insurance	0.05
Utilities and office supplies	0.05
IT hardware/ network	0.03
Software	0.04
Systems (e.g. ISO, library)	0.02
Professional services including secretarial, audit and legal	0.04
Salaries of non-billable staff including administrative/directors	0.20
Research and development	0.02
Depreciation/amortization	0.07
Cost of capital	0.10
Profit before tax	0.20
Others	0.16
TOTAL	**2.70**

JADUAL 2 : KOMPONEN FP BAGI KAKITANGAN SEPARA IKHTISAS/SOKONGAN TEKNIKAL FIRMA

Component for Multiplier	***Component Ratio***
A. Benefits of Named Employee	
Salary	1.00
Bonus, Allowance, Perks & Leave	0.15
EPF/SPF	0.11
SOCSO	0.02
Training	0.01
Health and medical benefits	0.02
B. Firm's Overhead	
Rental	0.04
Group Insurance	0.03
Utilities and office supplies	0.04
IT hardware/ network	0.01
Software	0.03
Systems (e.g. ISO, library)	0.01
Professional services including secretarial, audit and legal	0.02
Salaries of non-billable staff including administrative/directors	0.17
Depreciation/amortization	0.07
Cost of capital	0.10
Profit before tax	0.20
Others	0.07
TOTAL	**2.10**

LAMPIRAN 7

KOMPONEN FP BAGI SEMUA KATEGORI TENAGA PENGAJAR UNIVERSITI AWAM/SWASTA

Component for Multiplier	***Component Ratio***
A. Benefits of Named Employee	
Salary	1.00
Incentive & Leave	0.50
Research and Development	0.05
B. University Consultancy Bureau's fee	0.30
C. Firm's Overhead	
Utilities and office supplies	0.05
IT hardware	0.03
Profit	0.20
Others	0.07
TOTAL	**2.20**

LAMPIRAN 8

JADUAL 1 : KOMPONEN *CHARGE RATE* BAGI PERUNDING ASING[1]

Component for Charge Rate
1. Salary
2. Social Charges
3. Overhead
4. Consultant's Fee
5. Other Costs
6. Leave
TOTAL = 1.00

[1] Perunding asing bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA

LAMPIRAN 9

KOMPONEN FP BAGI PERUNDING INDIVIDU TEMPATAN YANG DILANTIK TERUS OLEH AGENSI KERAJAAN

Component for Multiplier	***Component Ratio***
Salary *(based on current basic salary or last drawn basic salary for retiree)*	1.00
Handling & Administratives	0.50
Research and Development	0.05
Others	0.05
TOTAL	**1.60**

LAMPIRAN 10

YURAN PERUNDING SECARA INPUT MASA
(Contoh bagi kajian)

Nama	Jawatan	Tempoh Pengalaman (tahun)	GP (RM)	FP	IM*	Jumlah (RM)
A. KAKITANGAN IKHTISAS						
Ir. Dr. Mohd. Amin Mohd. Som **(Kakitangan tetap)**	Pengarah Projek	31	13,800.00	2.5**	1	34,500.00
Dr. Anuar Abdul Rahim **(Kakitangan tetap)**	Ketua Penyelidik *(Soil ECF Mapping)*	12	8,112.00	2.5**	3	60,840.00
Prof. Dr. Azmi Yahya **(Tenaga pengajar universiti awam)**	Ketua Penyelidik *(Yield Mapping)*	14	9,600.00	1.9**	3	54,720.00
Ir. Dr. Mohd. Amin Mohd. Som **(Kakitangan tetap)**	Ketua Penyelidik *(Water Quality Management)*	31	13,800.00	2.5**	11	379,500.00
Dr. Rudi Van Der Kerkorf **(Perunding asing)**	*GIS Mapping & Modelling Specialist*	25	32,000.00	1.0**	2	64,000.00
En Ezrin Mohd Husin **(Kakitangan sementara)**	Pegawai Penyelidik *(Soil ECF Mapping)*	6 bulan	2,900.00***	2.5**	8	58,000.00
Dr. Halimah Jeffri **(Kakitangan sementara)**	Rakan Penyelidik *(Yield Mapping)*	24	11,000.00***	2.5**	8	220,000.00
Ir. Hishamuddin Jamaludin **(Kakitangan tetap)**	Rakan Penyelidik *(Water Quality Management)*	9	5,033.00	2.5**	8	100,660.00
				JUMLAH YURAN IKHTISAS		**972,220.00**
B. KAKITANGAN SEPARA IKHTISAS						
Zakaria Ismail **(Kakitangan tetap)**	Penolong Penyelidik *(Soil ECF Mapping)*	6 bulan	1,500.00	2.0**	12	36,000.00
Mohd. Roshdi Zamri **(Kakitangan tetap)**	Penolong Penyelidik *(Yield Mapping)*	1	1,700.00	2.0**	12	40,800.00
Rahim Ghous **(Kakitangan sementara)**	Penolong Penyelidik *(Water Quality Management)*	6 bulan	2,625.00	2.0**	12	63,000.00
				JUMLAH YURAN SEPARA IKHTISAS		**139,800.00**
C. PERKERANIAN						
Hafiz Hasri Khaludin	Kerani	5	TIDAK DIBENARKAN (Komponen penggajian kakitangan perkeranian telah terkandung dalam faktor pengganda firma)			
Norazimah Abdul Azizi	Kerani	5				
		JUMLAH YURAN PERKERANIAN				**0.00**
		JUMLAH KESELURUHAN YURAN PERUNDING				**1,112,020.00**

***Bulan**

****Firma Perunding menawarkan FP kurang daripada kadar maksimum yang ditetapkan**

*****Firma Perunding menawarkan GP kurang daripada kadar maksimum yang ditetapkan**

LAMPIRAN 11

KOS IMBUHAN BALIK
(Contoh bagi kajian)

Perkara	Butiran	Jumlah (RM)
i) Travel, Accomodation & Subsistence		
Perunding Asing:		
• Airfare (Amsterdam-Bound Flight) – 1 orang	RM5,000 x 1 *orang*	5,000.00
• Accomodation (Hotel)	-	0.00
• Subsistence (per diem)	RM310.00 x 45 days	13,950.00
Perunding Tempatan: Penyelidik		
• Accomodation (Hotel) – 6 orang	RM250.00* x 10 lawatan x 2 hari x 6 orang	30,000.00
• Subsistence (elaun makan) – 6 orang	RM60.00 x 10 lawatan x 2 hari x 6 orang	7,200.00
Perunding Tempatan: Pembantu Penyelidik		
• Accomodation (Hotel) – 3 orang	RM190.00* x 10 lawatan x 4 hari x 3 orang	22,800.00
• Subsistence (elaun makan) - 3 orang	RM40.00 x 10 lawatan x 4 hari x 3 orang	4,800.00
ii) Mileage		
• Mileage, Tol, Parking dan sewaan kenderaan	*As per bill*	25,000.00
iii) *Office Operating Cost*		
• Communication (Fax, Postage, etc)	*As per bill*	16,500.00
iv) Perkhidmatan Sewa		
• Rental cost for transportation of machineries	*As per bill*	6,000.00
iv) Product Development & Data Analisis		
• Purchase aerial photo, GPS Points, Automatic Aerial Triangulation Model, etc.	*As per bill*	181,800.00
v) Report		
• Inception, Interim, Final Draft& Final Report	*As per bill*	18,500.00
	JUMLAH KESELURUHAN KOS IMBUHANBALIK	**331,550.00**

** Dikemukakan bersama resit/bil penginapan.*

PK 3.3



KERAJAAN MALAYSIA

Kriteria Penilaian Perunding

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK3.3 KRITERIA PENILAIAN PERUNDING..... 1

1. Kepentingan Menetapkan Kriteria Penilaian 1

2. Kapabiliti Firma Perunding..... 3

3. Kakitangan Yang Terlibat..... 5

4. Metodologi 6

5. Program Kepastian Kualiti (*Quality Assurance Program - QA*)..... 6

6. Sesi Pembentangan Oleh Perunding (sekiranya perlu)..... 6

7. Penetapan Markah Lulus Penilaian dan Kriteria Penilaian termasuk Skema Pemarkahan..... 7

8. Kriteria Penilaian Kos..... 7

9. Tarikh Kuat Kuasa..... 8

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Contoh Subkriteria Bagi Kriteria Utama Penilaian Teknikal

Lampiran 2 : Contoh Kriteria Dan Subkriteria Penilaian Pra Kelayakan

PK3.3 KRITERIA PENILAIAN PERUNDING

1. Kepentingan Menetapkan Kriteria Penilaian

1.1. Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) adalah bertanggungjawab dalam memastikan bahawa sebelum projek/kajian diiklankan, kriteria dan sub kriteria penilaian hendaklah terlebih dahulu ditentukan. Pindaan ke atas kriteria dan sub kriteria selepas projek/kajian diiklankan adalah tidak dibenarkan. Kriteria dan sub kriteria penilaian beserta peratus wajaran hendaklah disertakan bersekali dalam dokumen pelawaan perunding.

1.2. Secara amnya, proses penilaian cadangan perunding akan dilaksanakan dalam 2 peringkat saringan dengan peratus wajaran yang diberikan adalah ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Peringkat Penilaian	Peratus Wajaran (%)
1.	Penilaian Teknikal	80
2.	Penilaian Kos	20
Jumlah		**100**

1.3. Kriteria utama penilaian teknikal dan peratus wajaran hendaklah ditetapkan seperti berikut :

1.3.1. Projek Pembangunan Fizikal

Bil.	Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Peratus Wajaran[1] (%)	
		A	B
1.	Kapabiliti Firma Perunding;	35	35
2.	Kakitangan Yang Terlibat;	30	30
3.	Metodologi;	30	25
4.	Program Kepastian Kualiti; dan/atau	5	5
5.	Sesi pembentangan oleh perunding (sekiranya perlu)	-	5
Jumlah		**100**	**100**

[1]Pilih Wajaran A sekiranya tiada sesi pembentangan oleh perunding

1.3.2. Kajian

Bil.	Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Peratus Wajaran[2] (%)	
		A	B
1.	Kapabiliti Firma Perunding;	25	25
2.	Kakitangan Yang Terlibat;	35	35
3.	Metodologi;	35	30
4.	Program Kepastian Kualiti; dan/atau	5	5
5.	Sesi pembentangan oleh perunding (sekiranya perlu)	-	5
Jumlah		**100**	**100**

[2]Pilih Wajaran A sekiranya tiada sesi pembentangan oleh perunding

1.3.3. Pra Kelayakan

Bil.	Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Peratus Wajaran (%)
1.	Kapabiliti Firma Perunding	50
2.	Kakitangan Yang Terlibat	50
Jumlah		**100**

1.4. Kriteria utama dan peratus wajaran seperti di atas adalah mandatori. Walau bagaimanapun, Agensi diberi fleksibiliti untuk menetapkan sub kriteria dan pemarkahan bagi setiap sub kriteria mengikut keperluan projek dan kreativiti Agensi. Contoh kriteria penilaian teknikal di **Lampiran 1** dan kriteria penilaian teknikal pra kelayakan di **Lampiran 2** hanyalah sebagai panduan dan adalah tidak mandatori. Walau bagaimanapun, kriteria, subkriteria dan skema pemarkahan hendaklah ditetapkan dan diluluskan oleh JPP sebelum projek/kajian diiklankan dan tidak boleh dipinda setelah ianya diiklankan.

1.5. Bagi membantu JPP dalam membuat penilaian teknikal dengan lebih terperinci, JPP hendaklah menetapkan subkriteria-subkriteria bagi setiap kriteria utama di atas dan menentukan wajaran yang bersesuaian.

2. Kapabiliti Firma Perunding

2.1. Di dalam mengenalpasti kapabiliti sesebuah firma dalam melaksanakan sesuatu projek/kajian, JPP boleh membuat penilaian dengan menetapkan peratus wajaran yang bersesuaian ke atas sub kriteria berikut :

2.1.1. **Berdaftar dengan Kementerian Kewangan**
Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tender diiklankan/surat dipelawa.

2.1.2. **Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan**
Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan yang ditetapkan oleh Agensi.

2.1.3. **Pendaftaran perunding masih sah bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Profesional masing-masing atau badan kawalan yang diiktiraf**
Tempoh pendaftaran perunding dengan Lembaga Profesional hendaklah masih sah semasa tarikh tutup tender.

2.1.4. **Saiz dan keupayaan firma perunding bersesuaian dengan projek/kajian**

(i) Bilangan kakitangan profesional perunding hendaklah mencukupi bagi melaksanakan sesuatu projek/kajian. Bagi memastikan projek kerajaan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan serta menjaga kepentingan kerajaan, jadual di bawah boleh digunakan sebagai panduan Agensi:

Kategori	Kos Projek (RM)	Bilangan Minimum Profesional[1]			
		C&S	Arkitek	QS	M&E
A	300 juta dan ke atas	4	4	4	4
B	100 juta sehingga 300 juta	3	3	3	3
C	30 juta sehingga 100 juta	2	2	2	2
D	Kurang daripada 30 juta	1	1	1	1

[1] Kakitangan Profesional adalah individu yang berdaftar dengan Lembaga Profesional dengan gelaran profesional. Contohnya Arkitek (gelaran : AR), Ingenieur (gelaran : IR), Surveyor (gelaran : SR) dan lain-lain.

(ii) Firma perunding adalah dibenarkan untuk *outsource* kakitangan sementara atau bergabung dengan firma lain secara *project basis* bagi memenuhi bilangan minima profesional yang ditetapkan oleh Agensi. Gabungan dengan firma lain hendaklah dipastikan ianya adalah turut berdaftar dengan MOF.

2.1.5. **Kepakaran perunding dalam berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi pengemukaan dokumen permohonan Kebenaran Merancang/Kelulusan Pelan Bangunan (subkriteria ini tidak terpakai bagi perolehan FTA)**

Kekerapan perunding berurusan dengan PBT di lokaliti projek yang akan dilaksanakan.

2.1.6. **Nisbah ekuiti bumiputera (subkriteria ini tidak terpakai bagi perolehan FTA)**

Nisbah ekuiti Bumiputera berbanding ekuiti Bukan Bumiputera/Asing.

2.1.7. **Firma Tempatan di negeri projek/kajian (subkriteria ini tidak terpakai bagi perolehan FTA)**

Firma mempunyai ibu pejabat/ cawangan di lokaliti projek.

2.1.8. **Pengalaman firma dalam melaksanakan projek/kajian;**

(i) Bilangan dan jumlah nilai kerja bagi projek/kajian seumpana yang pernah dilaksanakan oleh firma; dan

(ii) Bilangan dan jumlah nilai kerja bagi projek/kajian umum yang pernah dilaksanakan oleh firma.

2.1.9. **Prestasi firma perunding;**

(i) Perunding mempunyai prestasi perkhidmatan yang baik bagi projek/kajian Kerajaan yang dilaksanakan sebelum ini sama ada berdasarkan pengalaman Agensi Pelaksana/ Agensi Pelanggan/ Agensi lain;

(ii) Perunding bebas daripada tindakan tatatertib oleh Lembaga Profesional dan Kementerian Kewangan;

(iii) Perunding tidak digulungkan; dan

(iv) Firma/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah tidak disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia.

2.1.10. **Beban Kerja**
Bilangan dan jumlah nilai kerja dalam tangan perunding pada ketika tender/pelawaan dibuat.

2.1.11. **Kedudukan kewangan firma perunding; dan**
Kedudukan kewangan firma yang kukuh berdasarkan Penyata Kewangan Tahunan untuk tempoh 3 tahun terkini, penyata KWSP dan SOCSO untuk tempoh 3 bulan terkini dengan menggunakan mana-mana formula kewangan yang bersesuaian.

2.1.12. Kriteria lain yang bersesuaian.

3. Kakitangan Yang Terlibat

3.1. Bagi mengenalpasti kakitangan yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu projek/kajian, JPP boleh membuat penilaian dengan menetapkan peratus wajaran yang bersesuaian ke atas sub kriteria berikut :

3.1.1. Bilangan Kakitangan Dalam Pasukan Projek
(i) Bilangan kakitangan tempatan berbanding kakitangan asing;
(ii) Bilangan kakitangan tetap dan sementara; dan
(iii) Bilangan kakitangan pakar (*key person*) bagi projek/kajian

3.1.2. Status Kakitangan Dalam Pasukan Projek:
Status kakitangan firma di dalam pasukan projek sama ada kakitangan tetap atau sementara

3.1.3. Kelayakan dan Pengalaman Pasukan Projek
Agensi dinasihati untuk menyediakan format *curriculum vitae* (cv) yang seragam bagi memudahkan proses penilaian dibuat. Format tersebut hendaklah mengandungi maklumat asas seperti berikut:

(i) Umur;
(ii) Tempoh Pengalaman Profesional;
(iii) Senarai Nama Projek/Kajian yang pernah dilaksanakan sama ada dalam negara atau luar negara;

(iv) Anugerah yang diperolehi (sekiranya ada);
(v) Kelulusan Akademik/Sijil Profesional;
(vi) Tahun kelulusan Akademik/Sijil Profesional yang diperolehi; dan
(vii) Pendaftaran dengan Badan Profesional (sekiranya berkaitan).

4. Metodologi

4.1. Bagi mengenalpasti kesesuaian metodologi sesuatu projek/kajian, JPP boleh membuat penilaian dengan menetapkan peratus wajaran yang bersesuaian ke atas sub kriteria berikut :

4.1.1. Metodologi yang dicadangkan oleh perunding menepati terma rujukan;

4.1.2. Rangka kerja/aktiviti yang dicadangkan oleh perunding. Rangka kerja seharusnya juga mengandungi aktiviti pemantauan dan pelaporan oleh perunding; dan

4.1.3. Carta pasukan kerja berserta peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan.

5. Program Kepastian Kualiti (*Quality Assurance Program - QA*)

5.1. Sekiranya firma perunding mempunyai/melaksanakan program QA, firma berkenaan wajar diberikan permarkahan yang tinggi. Contoh program QA adalah seperti berikut:

5.1.1. Program pembangunan kompetensi kakitangan firma;
5.1.2. Inovasi;
5.1.3. ISO/MS-ISO;atau
5.1.4. Lain-lain yang bersesuaian

6. Sesi Pembentangan Oleh Perunding (sekiranya perlu)

6.1. Sesi pembentangan oleh perunding hanya boleh dilaksanakan sekiranya Agensi tidak mempunyai sebarang sumber rujukan/pengetahuan dalam bidang projek/kajian yang ingin dilaksanakan.

6.2. Sesi pembentangan oleh perunding hanya boleh dilaksanakan bagi firma yang lulus pra kelayakan atau yang telah disenarai pendek atau lulus peringkat penilaian kecukupan dokumen mandatori dan hendaklah dipanggil untuk sesi pembentangan pada hari yang sama.

6.3. Sesi pembentangan hendaklah dilaksanakan oleh JPP dan setiap perunding yang dipanggil hendaklah membuat pembentangan secara berasingan.

6.4. Jenis dan bilangan soalan kepada perunding hendaklah diselaraskan dan tempoh masa pembentangan yang diberikan hendaklah sama.

7. Penetapan Markah Lulus Penilaian dan Kriteria Penilaian termasuk Skema Pemarkahan

7.1. JPP hendaklah menetapkan kritera, subkriteria, skema pemarkahan dan markah lulus penilaian teknikal mengikut kesesuaian TOR projek/kajian sebelum tender diiklankan.

7.2. JPP tidak dibenarkan untuk meminda kritera, subkriteria, skema pemarkahan dan markah lulus penilaian teknikal setelah tender diiklankan. Oleh itu, JPP hendaklah memastikan sub kriteria dan markah lulus penilaian teknikal yang ditetapkan hendaklah munasabah. Sekiranya, semua petender gagal memenuhi kriteria dan markah lulus yang ditetapkan, perolehan hendaklah ditender semula secara tender terbuka.

8. Kriteria Penilaian Kos

8.1. Penilaian Kos hendaklah dilaksanakan dengan memastikan tawaran kos firma adalah betul dan menepati perkara-perkara berikut :

8.1.1. Faktor Pengganda yang digunakan tidak melebihi pekali yang ditetapkan di dalam manual;

8.1.2. Sekiranya melibatkan perunding asing bagi perolehan yang tidak tertakluk dengan FTA , pengiraan yuran Input Masa hendaklah secara charge rate berdasarkan dokumen sokongan perunding;

8.1.3. Butiran dan kadar imbuhan balik hendaklah tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan;

8.1.4. Sebarang kesilapan pengiraan kos perkhidmatan perunding sama ada yuran perunding ataupun imbuhan balik di dalam cadangan perunding (arithmetic error) hendaklah diperbetulkan;

8.1.5. Gaji kakitangan sementara firma perunding hendaklah tidak melebihi skala yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan;

8.1.6. Gaji kakitangan tetap firma hendaklah hendaklah berdasarkan gaji pokok kakitangan yang disenaraikan dan disahkan oleh Prinsipal firma; dan

8.1.7. Lain-lain perkara yang berkaitan (sekiranya ada).

9. Tarikh Kuat Kuasa

9.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

CONTOH SUBKRITERIA BAGI KRITERIA UTAMA PENILAIAN TEKNIKAL
(Sekiranya tidak melibatkan sesi pembentangan oleh perunding)

Kriteria Utama		Subkriteria		Pemarkahan	Wajaran (%)
1	Kapabiliti Firma Perunding[1]	a.	Lokasi ibu pejabat/cawangan firma di negeri projek/kajian (10%)**	1. Ya 2. Tidak	10 5
		b.	Projek/kajian yang seumpama yang pernah dilaksanakan sama ada projek/kajian Kerajaan/ Swasta/ Negara Luar (30%)	1. Bil. projek/kajian melebihi 3 2. Bil. projek/ kajian tidak melebihi 3 3. Tiada projek/kajian seumpama	30 20 5
		c.	Pengalaman firma secara umumsama ada projek/kajian Kerajaan/ Swasta/ Negara Luar (20%)	1. Bil. projek/kajian melebihi 3 2. Bil. projek/ kajian tidak melebihi 3 3. Tiada projek/kajian seumpama yang disenaraikan	20 10 5
		d.	Lantikan bagi semua projek Kerajaan yang telah ditawarkan bagi 3 tahun terkini (10%)**	1. Tidak pernah ditawarkan projek Kerajaan 2. Nilai Lantikan Rendah 3. Nilai LantikanTinggi	10 5 0
		e.	Kerja dalam tangan bagi semua projek Kerajaan/Swasta (10%)	1. Tiada Beban 2. Kurang Beban 3. Tinggi Beban	10 5 0
		f.	Ekuiti bumiputera (10%)**	1. Melebihi 50% 2. Tidak Melebihi 50% 3. Tiada	10 3 2
		g.	Kedudukan Kewangan Firma (10%)	1. Memuaskan 2. Sederhana 3. Tidak Memuaskan	10 5 0
	Wajaran : 35%		Jumlah Wajaran Subkriteria		/100 ; dan /35
2	Kakitangan Yang Terlibat	a.	Bilangan/Pengalaman kakitangan firma : 1. Pengurusan (Pengarah/Pengurus) 2. Key Personnel (Profesional/Perunding Pakar) 3. Ikhtisas lain	JPP hendaklah menetapkan petunjuk dan wajaran yang bersesuaian bagi setiap kategori kakitangan dengan mengambil kira kelayakan dan pengalaman	20 30 20
		b.	Bilangan kakitangan sementara	1. Tiada 2. Tidak Melebihi 50% 3. Melebihi 50%	20 10 5
		c.	Anugerah yang diperolehi oleh firma/kakitangan	1. Ada 2. Tiada	5 0
		d.	Sijil pendaftaran dengan Badan Profesional dikemukakan bagi setiap kakitangan profesional	1. Ada 2. Tiada	5 0
	Wajaran : 30%		Jumlah Wajaran Subkriteria		/100; dan /30

Kriteria Utama		Subkriteria		Pemarkahan	Wajaran (%)
3.	Metodologi	a.	Metodologi yang dicadangkan (50%)	1. Memuaskan 2. Sederhana 3. Tidak memuaskan	50 25 0
		b.	Jadual Kerja/Aktiviti Pelaksanaan Projek/Kajian (25%)	1. Ada 2. Tiada	25 0
		c.	Carta pasukan kerja berserta peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan (25%)	1. Ada 2. Tiada	25 0
	Wajaran : 30%		Jumlah Wajaran Subkriteria		/100; dan /30
4.	Program Kepastian Kualiti (QA)	JPP hendaklah menetapkan petunjuk dan wajaran yang bersesuaian (100%)			100
	Wajaran : 5%		Jumlah Wajaran Subkriteria		/100; dan /5
				JUMLAH KESELURUHAN (35% +30% +30% +5%)	**/100**

Nota [1]:

1. Bagi perolehan perunding yang melibatkan rekabentuk dan kreativiti (contohnya perunding Arkitek, perunding Hiasan Dalaman, perunding Lanskap dan sebagainya, Agensi boleh menetapkan subkriteria yang melibatkan penilaian kreativiti rekabentuk perunding.

2. Penetapan wajaran dan pemarkahan boleh ditetapkan oleh Agensi.

3. Penilaian boleh dinilai berdasarkan projek-projek lepas yang disertakan di dalam pengemukaan profil perunding.

4. Sekiranya terdapat keperluan bagi penilaian aras kreativiti rekabentuk dengan pengemukaan lukisan konsep, hendaklah dilaksanakan selaras dengan kaedah Tender Terbuka Pra Kelayakan.

5. ** Tidak terpakai untuk perolehan di bawah FTA.

LAMPIRAN 2

CONTOH KRITERIA DAN SUBKRITERIA PENILAIAN PRA KELAYAKAN

Kriteria Penilaian Pra Kelayakan		Subkriteria		Pemarkahan	Wajaran (%)
A. KAPABILITI FIRMA					
A1	Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan	a.	1. Bagi pelawaan yang hanya membenarkan penyertaan firma perunding yang berdaftar dengan MOF, syarat permarkahan adalah seperti di sebelah. (atau)	1. Berdaftar (tempoh pendaftaran masih sah) 2. Tidak Berdaftar / tempoh pendaftaran dengan MOF telah luput	100 0
			2. Bagi pelawaan yang mendapat kelulusan MOF untuk dibuka kepada firma yang tidak berdaftar /firma asing, syarat pemarkahan adalah seperti di sebelah (100%)	1. Berdaftar (tempoh pendaftaran masih sah) 2. Tidak berdaftar/firma asing/tempoh pendaftaran dengan MOF telah luput (mengemukakan profil firma dan kakitangan) 3. Tidak berdaftar/firma asing/tempoh pendaftaran dengan MOF telah luput (tidak mengemukakan profil firma dan kakitangan)	100 60 0
	Wajaran : 10%		**Jumlah Wajaran Subkriteria**		**/100 ; dan /10**
A2	Senarai projek/kajian umum dan yang seumpama yang pernah dilaksanakan sama ada projek/kajian Kerajaan/ Swasta/ Negara Luar	a.	Mengemukakan senarai projek/kajian (10%)	1. Ya 2. Tidak	10 0
		b.	Pengalaman firma secara umum sama ada projek/kajian Kerajaan/ Swasta/ Negara Luar (40%)	1. Bil. projek/kajian melebihi 3 2. Bil. projek/ kajian tidak melebihi 3 3. Tiada projek/kajian seumpama yang disenaraikan	40 10 5
		c.	Projek/kajian yang seumpama yang pernah dilaksanakan sama ada projek/kajian Kerajaan/ Swasta/ Negara Luar (50%)	1. Bil. projek/kajian melebihi 3 2. Bil. projek/ kajian tidak melebihi 3 3. Tiada projek/kajian seumpama yang disenaraikan	50 20 5
	Wajaran : 30%		**Jumlah Wajaran Subkriteria**		**/100 ; dan /30**
A3	Penyata Aliran Tunai bagi 3 tahun terkini, Penyata KWSP dan SOCSO bagi 3 bulan terkini atau Perishtiharan jumlah emolumen setiap staf	a.	Mengemukakan salinan penyata aliran tunai terkini (20%)	1. Ada 2. Tiada	20 0
		b.	Kedudukan Kewangan Firma (80%)	1. Memuaskan 2. Sederhana 3. Tidak Memuaskan	80 60 0
	Wajaran : 10%		**Jumlah Wajaran Subkriteria**		**/100 ; dan /10**
				JUMLAH MARKAH (A. KAPABILITI FIRMA - 10% +30% +10%)	/50

Kriteria Penilaian Pra Kelayakan		Subkriteria		Pemarkahan	Wajaran (%)
B. KAKITANGAN YANG TERLIBAT					
B1	Maklumat kakitangan ikhtisas firma yang dicadangkan bagi pelaksanaan projek/kajian	a.	Bilangan/Pengalaman kakitangan firma : 1. Pengurusan (Pengarah/Pengurus) 2. KeyPersonnel (Profesional/Perunding Pakar) 3. Ikhtisas lain (70%)	JPP hendaklah menetapkan petunjuk dan wajaran yang bersesuaian bagi setiap kategori kakitangan	 20 30 20
		b.	Bilangan kakitangan sementara (20%)	1. Tiada 2. Tidak Melebihi 50% 3. Melebihi 50%	20 10 5
		c.	Anugerah yang diperolehi oleh firma/kakitangan (5%)	1. Ada 2. Tiada	5 0
		d.	Mengemukakan salinan sijil pendaftaran kakitangan ikhtisas dengan Badan Profesional dikemukakan bagi setiap kakitangan profesional (5%)	1. Mencukupi 2. Dikemukakan tetapi tidak mencukupi 3. Tidak dikemukakan	5 2 0
	Wajaran : 50%		**Jumlah Wajaran Subkriteria**		**/100 ; dan /50**
				JUMLAH MARKAH (B. KAKITANGAN YANG TERLIBAT - 50%)	/50
				JUMLAH KESELURUHAN (A + B)	**/100**

PK 3.4



KERAJAAN MALAYSIA

Dokumen Pelawaan Perunding

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 3.4 DOKUMEN PELAWAAN PERUNDING.....1

1. Kandungan Dokumen Pelawaan 1

2. Edaran Dokumen Pelawaan.....5

3. Tarikh Kuat Kuasa.....5

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Format *Declaration Form*

Lampiran 2 : Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Secara Lantikan Terus Beserta Kos Siling

Lampiran 3 : Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Secara Tender Terbuka

Lampiran 4 : Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Secara Tender Terbuka Pra Kelayakan (Peringkat 1)

Lampiran 5 : Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Secara Tender Terbuka Melalui Pra Kelayakan (Peringkat 2)

Lampiran 6 : Senarai Edaran Dokumen

PK 3.4 DOKUMEN PELAWAAN PERUNDING

1. Kandungan Dokumen Pelawaan

1.1. Dokumen Pelawaan bagi kaedah **Lantikan Terus Beserta Kos Siling** hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi lapan (8) perkara penting iaitu:

1.1.1. Nombor Siri Dokumen;
1.1.2. Maklumat, Arahan & Syarat Kepada Perunding;
1.1.3. Terma Rujukan;
1.1.4. Surat Pelawaan;
1.1.5. Surat Akuan Perunding;
1.1.6. Format Cadangan Teknikal;
1.1.7. Format Cadangan Kos; dan
1.1.8. Draf Perjanjian Piawai Perkhidmatan Perunding.

1.2. Dokumen Pelawaan bagi kaedah **Tender Terbuka** hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi sembilan (9) perkara penting iaitu:

1.2.1. Nombor Siri Dokumen;
1.2.2. Maklumat, Arahan & Syarat Kepada Perunding;
1.2.3. Terma Rujukan;
1.2.4. Kriteria dan Sub Kriteria Penilaian (tidak termasuk skema pemarkahan);
1.2.5. Surat Pelawaan;
1.2.6. Surat Akuan Perunding;
1.2.7. Format Cadangan Teknikal;
1.2.8. Format Cadangan Kos; dan
1.2.9. Draf Perjanjian Piawai Perkhidmatan Perunding.

1.3. Dokumen Pelawaan **Pra Kelayakan (Peringkat 1)** hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi enam (6) perkara penting iaitu:

1.3.1. Nombor Siri Dokumen;
1.3.2. Maklumat, Arahan & Syarat Kepada Perunding;
1.3.3. Terma Rujukan Pra Kelayakan;
1.3.4. Kriteria dan Sub Kriteria Penilaian Pra Kelayakan (tidak termasuk skema pemarkahan);
1.3.5. Surat Akuan Perunding; dan
1.3.6. Format Cadangan Teknikal Pra Kelayakan.

1.4. Dokumen Pelawaan **Pra Kelayakan (Peringkat 2)** hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi sembilan (9) perkara penting iaitu:

1.4.1. Nombor Siri Dokumen;
1.4.2. Maklumat, Arahan & Syarat Kepada Perunding;
1.4.3. Terma Rujukan;
1.4.4. Kriteria dan Sub Kriteria Penilaian (tidak termasuk skema pemarkahan);
1.4.5. Surat Pelawaan;
1.4.6. Surat Akuan Perunding;
1.4.7. Format Cadangan Teknikal;
1.4.8. Format Cadangan Kos; dan
1.4.9. Draf Perjanjian Piawai Perkhidmatan Perunding.

1.5. Nombor Siri Dokumen

1.5.1. Setiap dokumen pelawaan yang dikeluarkan oleh Agensi hendaklah diberi nombor siri bagi tujuan pengawalan dan rekod.

1.6. Maklumat, Arahan & Syarat Kepada Perunding

1.6.1. Syarat-syarat dan arahan kepada perunding perlu disertakan dalam dokumen pelawaan bagi membantu firma perunding menyediakan tawaran serta cadangan yang lengkap.

1.6.2. Arahan/syarat yang perlu dimasukkan di dalam dokumen pelawaan antaranya adalah seperti berikut:

(a) Syarat /keperluan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang projek/kajian berkaitan atau terbuka kepada semua firma perunding tempatan/asing;

(b) Kenyataan bahawa Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan juga berhak menerima mana-mana bahagian daripada tawaran;

(c) Penyerahan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos mengikut format yand ditetapkan di dalam Dokumen Pelawaan;

(d) Borang Pengisytiharan *(Declaration Form)* seperti di **Lampiran 1**;

(e) Tempoh sah laku tawaran yang ditetapkan oleh Agensi;

(f) Dokumen-dokumen perlu dikemukakan sekurang-kurangnya satu
(1) salinan *hardcopy* dan satu (1) salinan *softcopy* dalam bentuk CD atau *pendrive*. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara *softcopy* dengan *hardcopy*, Agensi hendaklah menggunakan maklumat dalam hardcopy sebagai penentu;

(g) Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos dihantar dalam sampul yang berasingan dan berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada Agensi yang mempelawa;

(h) Draf dokumen perjanjian piawai yang akan digunakan;

(i) Maklumat mengenai LAD;

(j) Maklumat mengenai pemberian honorarium/sagu hati/hadiah/ganjaran (sekiranya melibatkan pengemukaan lukisan reka bentuk konsep);

(k) Perincian mengenai kriteria dan sub kriteria penilaian;

(l) Penyerahan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos pada tarikh, masa dan lokasi yang telah ditetapkan; dan

(m) Keperluan firma perunding mengemukakan dokumen/maklumat sokongan seperti :

(i) Profil Firma (bagi firma yang tidak berdaftar dengan MOF/perunding Asing). Bagi firma yang berdaftar dengan MOF, Agensi hendaklah mendapatkan profil firma melalui www.eperolehan.gov.my

(ii) Senarai Projek yang pernah dilaksanakan sama ada secara umum/khusus

(n) Senarai lantikan bagi projek/kajian Kerajaan untuk tempoh 3 tahun terkini;

(o) Senarai projek Kerajaan dan Swasta dalam tangan;

(p) Carta ahli pasukan projek/kajian berkenaan;

(q) Jadual pelaksanaan projek/kajian;

(r) Curriculum Vitae (CV) kakitangan yang terlibat;

(s) Penyata Kewangan Tahunan untuk tempoh 3 tahun terkini;

(t) Penyata Gaji, Penyata KWSP dan SOCSO untuk tempoh 3 bulan terkini atau perisytiharan emolumen setiap kakitangan;

(u) Senarai gaji pokok kakitangan yang disahkan oleh Prinsipal firma;

(v) Pihak yang perlu ditemui/dihubungi oleh perunding jika maklumat lanjut berkaitan dengan projek/kajian diperlukan; dan

(w) Tempoh sah laku yang ditawarkan oleh firma.

1.7. Terma Rujukan

1.7.1. Agensi hendaklah menyertakan TOR yang telah diluluskan oleh JPP bersama-sama dengan dokumen pelawaan.

1.8. Kriteria & Sub Kriteria Penilaian

1.8.1. Agensi hendaklah melampirkan kriteria dan sub kriteria (tidak termasuk skema pemarkahan) yang akan digunapakai bagi tujuan penilaian di dalam dokumen pelawaan.

1.9. Surat Pelawaan

1.9.1. Format Surat Pelawaan adalah seperti berikut :

(a) Lantikan Terus Beserta Kos Siling seperti di **Lampiran 2***;*

(b) Tender Terbuka seperti di **Lampiran 3**; dan

(c) Tender Terbuka Pra Kelayakan seperti di **Lampiran 4** dan **Lampiran 5**;

1.10. Surat Akuan Perunding

1.10.1. Surat akuan perunding seperti di 1PP/PK1.

2. Edaran Dokumen Pelawaan

2.1. Bagi pelawaan secara Lantikan Terus Beserta Kos Siling, Agensi boleh mengedar Dokumen Pelawaan kepada firma yang telah dikenalpasti/disenaraipendek tanpa mengenakan bayaran kepada firma.

2.2. Bagi pelawaan secara Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan, Agensi hendaklah mengenakan bayaran bergantung kepada bilangan muka surat dokumen seperti jadual berikut tertakluk kepada kadar minimum sebanyak RM50.00 bagi satu (1) set dokumen :

Saiz Kertas	Harga Semuka
A4	**0.35 sen**
A3	**0.70 sen**
A2	**RM3.50**
A1	**RM6.50**
A0	**RM8.00**

2.3. Semua dokumen pelawaan bagi perolehan tender terbuka dan tender terbuka pra kelayakan yang telah diedarkan kepada firma hendaklah direkodkan bagi tujuan kawalan dan rekod Kerajaan. Senarai tersebut hendaklah dikemukakan kepada urusetia JPP untuk tujuan perbandingan bilangan dokumen pelawaan yang telah diedarkan dan bilangan dokumen pelawaan yang telah dikembalikan. Format Senarai Edaran Dokumen Pelawaan Tender Terbuka dan Terbuka Pra Kelayakan adalah seperti di **Lampiran 6.**

3. Tarikh Kuat Kuasa

3.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022.**

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1
(Draf Bahasa Melayu)

FORMAT BORANG PERAKUAN

Kebenaran Ke Atas Perkongsian Maklumat Firma

Dengan mengemukakan borang ini, pihak tuan telah membenarkan perkongsian maklumat firma tuan dengan Kerajaan Malaysia. Maklumat tersebut akan diguna pakai dalam membuat penilaian ke atas tawaran firma tuan.

Perakuan

Perakuan ini merangkumi kesemua maklumat yang dikemukakan di dalam borang ini dan maklumat yang dikemukakan di dalam dokumen tawaran berserta lampiran jadual dan dokumen sokongan.

(i) Senarai lampiran dan dokumen sokongan adalah seperti berikut:
(sila nyatakan kesemua lampiran dan dokumen sokongan)

No.	Nama lampiran/dokumen sokongan	No. Lampiran/muka surat

(ii) Saya memperakui bahawa kesemua maklumat yang dikemukakan adalah benar, lengkap dan tepat;

(iii) Saya jelas akan bahawa firma saya akan disingkirkan daripada menyertai pelawaan ini sekiranya didapati kenyataan/maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah palsu; dan

(iv) Saya sedar akan bahawa setelah borang yang lengkap dan ditandatangani ini diserahkan, ia akan menjadi sebahagian daripada tawaran dan akan digunakan sebagai bukti ke atas perakuan ini.

Perakuan penuh

Saya, ... dengan ini memperakui dengan sepenuhnya bahawa semua maklumat dan dokumen yang disertakan bersama tawaran ini adalah benar, lengkap dan tepat, dan perakuan ini dibuat sepenuhnya dengan suci hati serta ia adalah bersamaan dengan perakuan bersumpah.

Tandatangan : .....
Nama wakil & jawatan : .....
Cop firma/syarikat : .....
Tarikh : .....

LAMPIRAN 1

FORMAT *DECLARATION FORM*

Authority to disclose firm's information

By submitting this form, you consent to release to The Government of Malaysia of all your firm's information. This information will be used to assist in evaluating your proposal.

Declaration

This declaration covers the information I have provided on this form and all the information submitted in my proposals as well as in the attached schedules and accompanying documents.

(i) The attached schedules and accompanying documents are :
(*please declare all supporting documents and schedules included in the main proposal*)

No.	Name of attached schedules/accompanying documents	Attachment/page no.

(ii) I declare that the information I have given is truthful, complete and correct.

(iii) I understand that any false statements/information/documents submitted may result in my firm's disqualification of entering this invitation to offer.

(iv) I realised that once this form has been completed and signed, it will form part of my proposal and will be used as an evidence to support this declaration.

Solemn declaration

I ..... do solemnly declare that all information and accompanying documents that I have given in the foregoing proposal is truthful, complete and correct, and I make this solemn declaration conscientinously believing it to be true and knowing that it is of the same force and effect as if made under oath.

Signature : .....
Name of representative &designation : .....
Company's stamp : .....
Date : .....

LAMPIRAN 2

SURAT PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN
SECARA LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING

(Nama & Alamat Firma)
……..
……..

Rujukan Agensi:……..
Tarikh :……

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk melaksanakan projek/kajian seperti berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Projek/Kajian :	(sila nyatakan tajuk projek/kajian)
2	Anggaran Kos Projek/Kajian :	(sila nyatakan anggaran kos projek/kajian)
3	Tempoh Projek/Kajian :	(sila nyatakan tempoh pelaksanaan projek/kajian-bil. minggu/bulan)
4	Kategori Projek/Kajian :	(sila nyatakan sama ada projek fizikal/kajian fizikal/kajian bukan fizikal)
5	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding :	(sila nyatakan dengan merujuk kod bidang perunding)
6	Kaedah Pelantikan :	Lantikan Terus Beserta Kos Siling
7	Kaedah Bayaran Yuran Perunding:	(sila nyatakan sama ada Yuran Tetap/Input Masa*)*
8	Kos Siling Perkhidmatan Perunding :	(sila nyatakan kos siling yang telah diluluskan)
9	Terma Rujukan:	(sila lampirkan)
10	Tempoh Sah Laku Tawaran Yang Ditetapkan oleh Agensi	(sila nyatakan – sekurang-kurangnya 90 hari daripada tarikh tutup pelawaan)

3. Sila maklumkan secara rasmi dengan menggunakan **Borang Jawapan** seperti **Lampiran A** kepada Agensi ini dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat ini ditandatangani melalui emel atau faks sama ada tuan bersetuju/tidak bersetuju dengan cadangan pelawaan ini.

4. Jika tuan bersetuju dengan pelawaan ini, sila kemukakan cadangan tuan mengikut format Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** berasaskan Terma Rujukan yang ditetapkan di atas. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan cadangan tuan berdasarkan ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Agensi Yang Mempelawa	(sila nyatakan)
2	Alamat Agensi	(sila nyatakan)
3	Tarikh & Masa Akhir Pelawaan	(sila nyatakan)
4	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	(sila nyatakan)
5	No. Telefon, Faks & Emel Pegawai	(sila nyatakan)

5. Bersama-sama surat ini juga disertakan Surat Akuan Perunding untuk perhatian dan tandatangan tuan sekiranya tuan bersetuju dengan kandungan surat tersebut. Sila sertakan surat yang telah ditandatangani tersebut bersama-sama dengan cadangan tuan.

6. Untuk makluman tuan, sekiranya tuan bersetuju dengan pelawaan ini, namun demikian menarik diri dalam tempoh penyediaan cadangan pihak tuan/sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tuan hendaklah memaklumkan kepada Agensi ini dengan kadar segera agar pelawaan dapat dibuat kepada firma lain.

7. Walau bagaimanapun, sekiranya tuan telah terpilih secara rasmi dan kemudiannya menarik diri selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tindakan ke atas tuan akan diambil selaras dengan peraturan Perbendaharan yang berkuat kuasa**.**

8. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak lain.

9. Surat ini hanyalah suatu surat pelawaan dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

……..
(Nama Penuh Pegawai & Agensi)

Lampiran A

BORANG JAWAPAN

(Nama & Alamat Agensi)
……..
……..

Rujukan Firma:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Jawapan Kepada Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat/faks tuan bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dengan ini, saya yang mewakili (Nama Penuh Firma) **bersetuju/tidak bersetuju*** dengan pelawaan oleh pihak tuan bagi memberi/menawarkan perkhidmatan perunding untuk pelaksanaan projek/kajian di atas.

**3. Dengan persetujuan pelawaan ini, saya mengambil maklum akan syarat-syarat yang telah diperjelaskan oleh pihak tuan melalui surat pelawaan (sila nyatakan rujukan Agensi) bertarikh (sila nyatakan tarikh surat pelawaan Agensi).

Sekian, terima kasih.

……..
(Nama Penuh Wakil Firma)
Jawatan
Nama Firma
No. Kad Pengenalan

Nota:
*Potong mana yang tidak berkaitan
** Sekiranya firma memilih untuk tidak bersetuju, para ini adalah tidak berkaitan.

LAMPIRAN B

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN TEKNIKAL
(Contoh bagi kajian)

	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Perunding	**Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka**	**Muka Surat di Cadangan Teknikal**
1.	Borang Pengistyharan			
2.	Surat Akuan Kepentingan Perunding			
3.	Maklumat Petender			
4.	Senarai pengalaman petender melaksanakan kajian sama ada bagi Kerajaan, Swasta dan Negara Luar			
5.	*Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma)			
6.	Ringkasan *Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma)			
7.	Carta Ahli Pasukan kajian berkenaan berserta peranan dan tanggungjawab			
8.	Cadangan Jadual Pelaksanaan Kajian			
9.	Metodologi yang dicadangkan			
10.	Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun terkini			
11.	Penyata KSWP dan SOCSO bagi tiga (3) bulan terkini atau perisytiharan jumlah emolumen setiap kakitangan			
12.	Senarai Program Kepastian Kualiti			
13.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi oleh petender			

LAMPIRAN C

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN KOS
(Contoh bagi kajian)

	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	**Sila Tanda (√)**		
		Ditanda oleh Petender	**Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Tender**	**Muka Surat di Cadangan Kos**
1.	Pengiraan Keseluruhan Anggaran Kos Perunding (termasuk Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik)			
2.	Pengiraan Yuran Perunding Secara Input Masa & *Charge Rate*			
3.	Pengiraan Anggaran Kos Imbuhan Balik			
4.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Kos yang telah lengkap diisi oleh petender			

LAMPIRAN 3

SURAT PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN
SECARA <u>TENDER TERBUKA</u>

(Nama & Alamat Firma)
……..
……..

Rujukan Agensi:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk melaksanakan projek/kajian seperti berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Projek/Kajian :	(sila nyatakan tajuk projek/kajian)
2	Tempoh Projek/Kajian :	(sila nyatakan tempoh pelaksanaan projek/kajian-bil. minggu/bulan)
3	Kategori Projek/Kajian :	(sila nyatakan sama ada projek fizikal/kajian fizikal/kajian bukan fizikal)
4	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding :	(sila nyatakan dengan merujuk kod bidang perunding)
5	Kaedah Pelantikan :	(sila nyatakan)
6	Kaedah Bayaran Yuran Perunding:	(sila nyatakan sama ada *Fixed Fee* /Input Masa*)*
7	Terma Rujukan	(sila lampirkan)
8	Tempoh Sah Laku Tawaran Yang Ditetapkan Oleh Agensi	(sila nyatakan – **sekurang-kurangnya 90 hari** daripada tarikh tutup tender)

3. Sila maklumkan secara rasmi dengan menggunakan **Borang Jawapan** seperti **Lampiran A** kepada Agensi ini dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat ini ditandatangani melalui emel atau faks sama ada tuan bersetuju/tidak bersetuju dengan pelawaan ini.

4. Jika tuan bersetuju dengan pelawaan ini, sila kemukakan cadangan tuan mengikut senarai semak Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** berasaskan Terma Rujukan yang ditetapkan di atas. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan cadangan tuan berdasarkan ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Agensi Yang Mempelawa	(sila nyatakan)
2	Alamat Agensi	(sila nyatakan)
3	Tarikh & Masa Tutup Tender – *cadangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan*	(sila nyatakan)
4	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	(sila nyatakan)

5. Sila ambil maklum bahawa tuan adalah dipohon untuk mengemukakan cadangan tuan di dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri dan ditandakan “Cadangan Teknikal” dan “Cadangan Kos” di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang dikemukakan hendaklah berdasarkan kepada panduan seperti yang dilampirkan.

6. Bersama-sama surat ini juga disertakan Surat Akuan Perunding untuk perhatian dan tandatangan tuan sekiranya tuan bersetuju dengan kandungan surat tersebut. Sila sertakan surat yang telah ditandatangani tersebut bersama-sama dengan cadangan tuan.

7. Sekiranya tuan bersetuju untuk menyertai pelawaan ini, namun demikian menarik diri dalam tempoh penyediaan cadangan pihak tuan/sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tuan hendaklah memaklumkan kepada Agensi ini dengan kadar segera.

8. Walaubagaimanapun, sekiranya tuan telah terpilih secara rasmi dan kemudiannya menarik diri selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tindakan ke atas tuan akan diambil selaras dengan peraturan Perbendaharaan yang berkuat kuasa**.**

9. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak lain.

10. Surat ini hanyalah suatu surat pelawaan dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

……..
(Nama Penuh Pegawai & Agensi)

Lampiran A

BORANG JAWAPAN

(Nama & Alamat Agensi)
……..
……..

Rujukan Firma:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Jawapan Kepada Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat/faks tuan bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dengan ini, saya yang mewakili (Nama Penuh Firma) **bersetuju/tidak bersetuju*** dengan pelawaan oleh pihak tuan bagi memberi/menawarkan perkhidmatan perunding untuk pelaksanaan projek/kajian di atas.

**3. Dengan persetujuan pelawaan ini, saya mengambil maklumkan akan syarat-syarat yang telah diperjelaskan oleh pihak tuan melalui surat pelawaan (sila nyatakan rujukan Agensi) bertarikh (sila nyatakan tarikh surat pelawaan Agensi).

Sekian, terima kasih.

……..
(Nama Penuh Wakil Firma)
Jawatan
Nama Firma
No. Kad Pengenalan

Nota:
*Potong mana yang tidak berkaitan
** Sekiranya firma memilih untuk tidak bersetuju, para ini adalah tidak berkaitan.

LAMPIRAN B

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN TEKNIKAL
(Contoh bagi kajian)

	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Perunding	**Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka**	**Muka Surat di Cadangan Teknikal**
1.	Borang Pengistyharan			
2.	Surat Akuan Kepentingan Perunding			
3.	Maklumat Petender			
4.	Senarai pengalaman petender melaksanakan kajian sama ada bagi Kerajaan, Swasta dan Negara Luar			
5.	*Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma)			
6.	Ringkasan *Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma)			
7.	Carta Ahli Pasukan kajian berkenaan berserta peranan dan tanggungjawab			
8.	Cadangan Jadual Pelaksanaan Kajian			
9.	Metodologi yang dicadangkan			
10.	Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun terkini			
11.	Penyata KWSP dan SOCSO bagi tiga (3) bulan terkini atau perisytiharan jumlah emolumen setiap kakitangan			
12.	Senarai Program Kepastian Kualiti			
13.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi oleh petender			

LAMPIRAN C

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN KOS
(Contoh bagi kajian)

	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	**Sila Tanda (√)**		
		Ditanda oleh Petender	**Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Tender**	**Muka Surat di Cadangan Kos**
1.	Pengiraan Keseluruhan Anggaran Kos Perunding (termasuk Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik)			
2.	Pengiraan Yuran Perunding Secara Input Masa			
3.	Pengiraan Anggaran Kos Imbuhan Balik			
4.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Kos yang telah lengkap diisi oleh petender			

LAMPIRAN 4

SURAT PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN
SECARA TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN (PERINGKAT 1)

(Nama & Alamat Firma)

…….. Rujukan Agensi:……..
…….. Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk melaksanakan projek/kajian seperti berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Projek/Kajian :	(sila nyatakan tajuk projek/kajian)
2	Tempoh Projek/Kajian :	(sila nyatakan tempoh pelaksanaan projek/kajian-bil. minggu/bulan)
3	Kategori Projek/Kajian :	(sila nyatakan sama ada projek fizikal/kajian fizikal/kajian bukan fizikal)
4	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding :	(sila nyatakan dengan merujuk kod bidang perunding)
5	Kaedah Pelantikan :	(sila nyatakan)
6	Kaedah Bayaran Yuran Perunding:	(sila nyatakan sama ada *Fixed Fee* /Input Masa*)*
7	Terma Rujukan	(sila lampirkan)
8	Tempoh Sah Laku Tawaran Yang Ditetapkan Oleh Agensi	(sila nyatakan – sekurang-kurangnya **180 hari** daripada tarikh tutup tender)

3. Sila maklumkan secara rasmi dengan menggunakan **Borang Jawapan** seperti **Lampiran A** kepada Agensi ini dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat ini ditandatangani melalui emel atau faks sama ada tuan bersetuju/tidak bersetuju dengan pelawaan ini.

4. Jika tuan bersetuju dengan pelawaan ini, sila kemukakan cadangan tuan mengikut senarai semak Cadangan Teknikal seperti di **Lampiran B** berasaskan Terma Rujukan yang ditetapkan di atas. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan cadangan tuan berdasarkan ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Agensi Yang Mempelawa	(sila nyatakan)
2	Alamat Agensi	(sila nyatakan)
3	Tarikh & Masa Tutup Tender – *cadangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan*	(sila nyatakan)
4	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	(sila nyatakan)

5. Sila ambil maklum bahawa tuan adalah dipohon untuk mengemukakan cadangan tuan di dalam sampul surat yang berlakri dan ditandakan “Cadangan Teknikal” di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan. Cadangan Teknikal yang dikemukakan hendaklah berdasarkan kepada panduan seperti yang dilampirkan.

6. Bersama-sama surat ini juga disertakan Surat Akuan Perunding untuk perhatian dan tandatangan tuan sekiranya tuan bersetuju dengan kandungan surat tersebut. Sila sertakan surat yang telah ditandatangani tersebut bersama-sama dengan cadangan tuan.

7. Sekiranya tuan bersetuju untuk menyertai pelawaan ini, namun demikian menarik diri dalam tempoh penyediaan cadangan pihak tuan/sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tuan hendaklah memaklumkan kepada Agensi ini dengan kadar segera.

8. Walaubagaimanapun, sekiranya tuan telah terpilih secara rasmi dan kemudiannya menarik diri selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tindakan ke atas tuan akan diambil selaras dengan peraturan Perbendaharaan yang berkuat kuasa**.**

9. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak lain.

10. Surat ini hanyalah suatu surat pelawaan dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

……..
(Nama Penuh Pegawai & Agensi)

Lampiran A

BORANG JAWAPAN

(Nama & Alamat Agensi)
……..
……..

Rujukan Firma:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Jawapan Kepada Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat/faks tuan bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dengan ini, saya yang mewakili (Nama Penuh Firma) **bersetuju/tidak bersetuju*** dengan pelawaan oleh pihak tuan bagi memberi/menawarkan perkhidmatan perunding untuk pelaksanaan projek/kajian di atas.

**3. Dengan persetujuan pelawaan ini, saya mengambil maklumkan akan syarat-syarat yang telah diperjelaskan oleh pihak tuan melalui surat pelawaan (sila nyatakan rujukan Agensi) bertarikh (sila nyatakan tarikh surat pelawaan Agensi).

Sekian, terima kasih.

……..
(Nama Penuh Wakil Firma)
Jawatan
Nama Firma
No. Kad Pengenalan

Nota:
*Potong mana yang tidak berkaitan
** Sekiranya firma memilih untuk tidak bersetuju, para ini adalah tidak berkaitan.

LAMPIRAN B

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN TEKNIKAL PRA KELAYAKAN
(Contoh bagi kajian)

	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Perunding	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka	Muka Surat di Cadangan Teknikal
1.	Borang Pengistyharan			
2.	Surat Akuan Kepentingan Perunding			
3.	Maklumat Petender			
4.	Senarai pengalaman petender melaksanakan kajian sama ada bagi Kerajaan, Swasta dan Negara Luar			
5.	Ringkasan Maklumat Pasukan Projek (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma) melibatkan kelayakan akademik, bidang kepakaran dan tempoh pengalaman kakitangan pasukan projek			
6.	Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun terkini			
7.	Penyata KWSP dan SOCSO bagi tiga (3) bulan terkini atau perisytiharan jumlah emolumen setiap kakitangan			
8.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi oleh petender			

LAMPIRAN 5

SURAT PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN
SECARA TENDER TERBUKA MELALUI PRA KELAYAKAN (PERINGKAT 2)

(Nama & Alamat Firma)
……..
……..

Rujukan Agensi:……..
Tarikh :……

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan tuan telah disenarai pendek dan Kerajaan berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk projek/kajian seperti berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Projek/Kajian :	(sila nyatakan tajuk projek/kajian)
2	Tempoh Projek/Kajian :	(sila nyatakan tempoh pelaksanaan projek/kajian-bil. minggu/bulan)
3	Kategori Projek/Kajian :	(sila nyatakan sama ada projek fizikal/kajian fizikal/kajian bukan fizikal)
4	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding :	(sila nyatakan dengan merujuk kod bidang perunding)
5	Kaedah Pelantikan :	(sila nyatakan)
6	Kaedah Bayaran Yuran Perunding:	(sila nyatakan sama ada *Fixed Fee* /Input Masa*)*
7	Terma Rujukan	(sila lampirkan)
8	Tempoh Sah Laku Tawaran Yang Ditetapkan Oleh Agensi	(sila nyatakan – sekurang-kurangnya 90 hari daripada tarikh tutup tender)

3. Sila maklumkan secara rasmi dengan menggunakan **Borang Jawapan** seperti **Lampiran A** kepada Agensi ini dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat ini ditandatangani melalui emel atau faks sama ada tuan bersetuju/tidak bersetuju dengan pelawaan ini.

4. Jika tuan bersetuju dengan pelawaan ini, sila kemukakan cadangan tuan mengikut senarai semak Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** berasaskan Terma Rujukan yang ditetapkan di atas. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan cadangan tuan berdasarkan ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Agensi Yang Mempelawa	(sila nyatakan)
2	Alamat Agensi	(sila nyatakan)
3	Tarikh & Masa Tutup Tender – *cadangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan*	(sila nyatakan)
4	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	(sila nyatakan)

5. Sila ambil maklum bahawa tuan adalah dipohon untuk mengemukakan cadangan tuan di dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri dan ditandakan “Cadangan Teknikal” dan “Cadangan Kos” di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang dikemukakan hendaklah berdasarkan kepada panduan seperti yang dilampirkan.

6. Bersama-sama surat ini juga disertakan Surat Akuan Perunding untuk perhatian dan tandatangan tuan sekiranya tuan bersetuju dengan kandungan surat tersebut. Sila sertakan surat yang telah ditandatangani tersebut bersama-sama dengan cadangan tuan.

7. Sekiranya tuan bersetuju untuk menyertai pelawaan ini, namun demikian menarik diri dalam tempoh penyediaan cadangan pihak tuan/sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tuan hendaklah memaklumkan kepada Agensi ini dengan kadar segera.

8. Walaubagaimanapun, sekiranya tuan telah terpilih secara rasmi dan kemudiannya menarik diri selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tindakan ke atas tuan akan diambil selaras dengan peraturan Perbendaharaan yang berkuat kuasa**.**

9. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak lain.

10. Surat ini hanyalah suatu surat pelawaan dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

……..
(Nama Penuh Pegawai & Agensi)

Lampiran A

BORANG JAWAPAN

(Nama & Alamat Agensi)
……..
……..

Rujukan Firma:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Jawapan Kepada Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat/faks tuan bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dengan ini, saya yang mewakili (Nama Penuh Firma) **bersetuju/tidak bersetuju*** dengan pelawaan oleh pihak tuan bagi memberi/menawarkan perkhidmatan perunding untuk pelaksanaan projek/kajian di atas.

**3. Dengan persetujuan pelawaan ini, saya mengambil maklumkan akan syarat-syarat yang telah diperjelaskan oleh pihak tuan melalui surat pelawaan (sila nyatakan rujukan Agensi) bertarikh (sila nyatakan tarikh surat pelawaan Agensi).

Sekian, terima kasih.

……..
(Nama Penuh Wakil Firma)
Jawatan
Nama Firma
No. Kad Pengenalan

Nota:
*Potong mana yang tidak berkaitan
** Sekiranya firma memilih untuk tidak bersetuju, para ini adalah tidak berkaitan.

LAMPIRAN B

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN TEKNIKAL
(Contoh bagi kajian)

	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Perunding	**Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka**	**Muka Surat di Cadangan Teknikal**
1.	Borang Pengistyharan			
2.	Surat Akuan Kepentingan Perunding			
3.	Maklumat Petender			
4.	Senarai pengalaman petender melaksanakan kajian sama ada bagi Kerajaan, Swasta dan Negara Luar			
5.	*Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma)			
6.	Ringkasan *Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma)			
7.	Carta Ahli Pasukan kajian berkenaan berserta peranan dan tanggungjawab			
8.	Cadangan Jadual Pelaksanaan Kajian			
9.	Metodologi yang dicadangkan			
10.	Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun terkini			
11.	Penyata KWSP dan SOCSO bagi tiga (3) bulan terkini atau perisytiharan jumlah emolumen setiap kakitangan			
12.	Senarai Program Kepastian Kualiti			
13.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi oleh petender			

LAMPIRAN C

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN KOS
(Contoh bagi kajian)

	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	**Sila Tanda (√)**		
		Ditanda oleh Petender	**Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Tender**	**Muka Surat di Cadangan Kos**
1.	Pengiraan Keseluruhan Anggaran Kos Perunding (termasuk Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik)			
2.	Pengiraan Yuran Perunding Secara Input Masa			
3.	Pengiraan Anggaran Kos Imbuhan Balik			
4.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Kos yang telah lengkap diisi oleh petender			

LAMPIRAN 6

SENARAI EDARAN DOKUMEN

Tajuk Iklan/Projek/Kajian:						
Tarikh & Masa Pengedaran Dokumen	**No Siri Dokumen**	**Nama Firma Perunding**	**No. Pendaftaran MOF/ROC/ ROB**	**Nama Wakil Firma**	**No. Kad Pengenalan /Pasport**	**Tandatangan Wakil Firma**

Bilangan Dokumen yang disediakan (diisi oleh Agensi) :
Bilangan Dokumen yang telah diedarkan (diisi oleh Agensi) :

Tandatangan Pegawai Agensi :
Nama Pegawai :
Jawatan :
Tarikh :

PK 3.5



KERAJAAN MALAYSIA

Kaedah Lantikan Terus Beserta Kos Siling

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 3.5 KAEDAH LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING 1

1. Pendahuluan 1

2. Senarai Pendek Perunding 1

3. Perakuan JPP 3

4. Pertimbangan PBM 3

5. Pelawaan Kepada Perunding 3

6. Penilaian Perunding 4

7. Rundingan Dengan Firma (sekiranya perlu) 5

8. Pelantikan Rasmi Perunding 5

9. Tarikh Kuat Kuasa 5

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Format Kertas Perakuan Kepada PBM

Lampiran 2 : Format Keputusan Mesyuarat PBM

Lampiran 3 : Surat Pelawaan

PK 3.5 KAEDAH LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING

1. Pendahuluan

1.1. Kaedah lantikan terus beserta kos siling (LTBKS) ini hanya digunakan bagi perolehan perkhidmatan perunding yang tidak tertakluk kepada FTA.

1.2. Had nilai perolehan bagi kaedah ini adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Projek	Had Nilai
1.	Projek Pembangunan Fizikal	Kos Projek sehingga RM50 juta
2.	Kajian Fizikal/Bukan Fizikal	Kos Kajian sehingga RM500 ribu
3.	Ukur Tanah & Lain-Lain Kerja Ukur	Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu

2. Senarai Pendek Perunding

2.1. Jawatankuasa Perolehan Perunding (JPP) hendaklah menyenarai pendekkan sekurang-kurangnya tiga (3) firma perunding yang berkelayakan, berpengalaman dan berdaftar dengan MOF berserta anggaran kos siling perunding dan diperakukan satu perunding untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus (PBM).

2.2. Bagi mengelakkan senarai pendek perunding yang sama diperakukan berulang kali, JPP hendaklah memastikan senarai pendek perunding dibuat secara pusingan di kalangan perunding yang berkelayakan, berpengalaman dan berdaftar dengan MOF.

2.3. Perunding yang disenarai pendek boleh dipilih berdasarkan kriteria berikut melalui semakan di Sistem ePerolehan:

2.3.1. **Berdaftar dengan Kementerian Kewangan;**
Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup pelawaan.

2.3.2. **Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan;**
Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan yang ditetapkan oleh Agensi.

2.3.3. **Pendaftaran perunding masih sah bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Profesional masing-masing atau badan kawalan yang diiktiraf;**
Tempoh pendaftaran perunding dengan Lembaga Profesional hendaklah masih sah semasa tarikh tutup tender. Semakan boleh dibuat di laman web Lembaga Profesional masing- masing.

2.3.4. **Saiz dan keupayaan firma perunding bersesuaian dengan projek/kajian;**
Bilangan kakitangan profesional perunding hendaklah mencukupi bagi melaksanakan sesuatu projek/kajian. Boleh rujuk jadual bilangan minima profesional yang disarankan seperti di PK3.1.

2.3.5. **Firma Tempatan di negeri projek/kajian**
Firma mempunyai ibu pejabat/ cawangan di lokaliti projek

2.3.6. **Pengalaman firma dalam melaksanakan projek/kajian;**
Bilangan dan jumlah nilai kerja bagi projek/kajian seumpama dan umum yang pernah dilaksanakan oleh firma; dan

2.3.7. **Prestasi firma perunding;**

(a) Perunding mempunyai prestasi perkhidmatan yang baik bagi projek/kajian Kerajaan yang dilaksanakan sebelum ini sama ada berdasarkan pengalaman Agensi Pelaksana/ Agensi Pelanggan/ Agensi lain;

(b) Perunding bebas daripada tindakan tatatertib oleh Kementerian Kewangan (boleh disemak di profail syarikat melalui Sistem ePerolehan) dan Lembaga Profesional (boleh disemak melalui laman web Lembaga Profesional masing-masing);

(c) Perunding tidak digulungkan; dan

(d) Firma/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah tidak disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia.

2.3.8. **Beban Kerja**
Bilangan dan jumlah nilai kerja dalam tangan perunding pada ketika pelawaan dibuat (boleh disemak melalui Sistem ePerolehan)

2.3.9. **Belum Dilantik Dalam Tempoh Tiga (3) Tahun Terkini**
Agensi hendaklah melaksanakan sistem pusingan bagi proses senarai pendek perunding untuk kaedah perolehan ini. Perunding yang belum dilantik lagi oleh Agensi dalam tempoh tiga (3) tahun terkini boleh disenarai pendekkan tertakluk perunding tersebut adalah berkemampuan, bebas daripada tindakan tatatertib dan tidak mempunyai rekod prestasi yang tidak memuaskan.

2.3.10. Kriteria lain yang bersesuaian.

3. Perakuan JPP

3.1. JPP hendaklah memperakukan satu perunding di kalangan perunding yang disenarai pendek untuk pertimbangan dan kelulusan PBM.

3.2. JPP juga hendaklah memperakukan anggaran kos siling perunding bagi projek/kajian tersebut pertimbangan dan kelulusan PBM.

3.3. Borang Perakuan JPP adalah seperti di **Lampiran 1.**

4. Pertimbangan PBM:

4.1. PBM mempertimbangkan dan meluluskan pelantikan perunding berserta anggaran kos siling perunding berdasarkan perakuan JPP atau membuat pilihan perunding lain yang berkelayakan, berpengalaman dan berdaftar dengan MOF.

4.2. Borang Keputusan PBM adalah seperti di **Lampiran 2.**

4.3. PBM juga boleh turut meluluskan tiga (3) senarai pendek perunding yang dikemukakan oleh JPP atau senarai pendek yang lain mengikut keutamaan bagi penjimatan masa daripada mengulangi proses perolehan sekiranya perunding yang dipelawa tidak berminat atau tidak mengemukakan sebarang jawapan dalam tempoh yang ditetapkan.

5. Pelawaan Kepada Perunding:

5.1. Agensi hendaklah mengeluarkan surat pelawaan kepada perunding yang telah diluluskan oleh PBM untuk mengemukakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos.

5.2. Tempoh pelawaan adalah minimum tujuh (7) hari.

5.3. Format Surat Pelawaan adalah seperti di Lampiran 3.

5.4. Tempoh sah laku tawaran perunding adalah selama sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut daripada tarikh tutup pelawaan.Sebarang pelanjutan ke atas tempoh sah laku tawaran perunding hendaklah diperolehi daripada Pengerusi LP Agensi.

5.5. Bagi mana-mana perunding yang telah menolak surat pelawaan atau tidak memberi maklum balas dalam tempoh tujuh (7) hari, Agensi boleh mengeluarkan surat pelawaan kepada perunding yang seterusnya daripada senarai pendek perunding yang telah diluluskan oleh PBM. Sekiranya, PBM tidak meluluskan sebarang senarai pendek, proses perolehan hendaklah diulang semula.

6. Penilaian Perunding

6.1. Sebaik sahaja perunding mengemukakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos, Agensi hendaklah terlebih dahulu menyemak cadangan dan dokumen yang disertakan. Sekiranya cadangan tersebut telah disahkan lengkap, Agensi hendaklah mengemukakan kepada Urusetia JPP dengan kadar segera.

6.2. JPP hendaklah membuat penilaian ke atas perkara-perkara berikut:

6.2.1. Metodologi menepati TOR;

6.2.2. Rangka/aktiviti yang dicadangkan dalam projek/kajian adalah bersesuaian dengan skop kerja;

6.2.3. Carta pasukan kerja dalam projek/kajian beserta peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan;

6.2.4. Kesesuaian bilangan kakitangan ikhtisas/separa ikhtisas/pengurusan yang dicadangkan dalam pasukan kerja;

6.2.5. Yuran perkhidmatan perunding yang dicadangkan adalah menepati peraturan perolehan perunding Kerajaan yang berkuatkuasa dan bersesuaian dengan keperluan projek/kajian;

6.2.6. Butiran dan kadar imbuhan balik yang dicadangkan oleh perunding tidak melebihi kadar maksima yang telah ditetapkan di dalam

manual; dan

6.2.7. Tawaran kos perkhidmatan perunding adalah tidak melebihi kos siling yang telah diluluskan oleh PBM.

7. Rundingan Dengan Firma (sekiranya perlu):

7.1. JPP boleh memuktamadkan kos perunding setelah penilaian dibuat ke atas Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang dikemukakan tertakluk tawaran harga perunding tidak melebihi anggaran kos siling perunding yang telah diluluskan oleh PBM sebelum ini.

7.2. JPP dibenarkan melaksanakan rundingan harga dengan perunding tertakluk tidak melebihi anggaran kos siling perunding yang telah diluluskan oleh PBM sebelum ini.

8. Pelantikan Rasmi Perunding

8.1. Agensi mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding yang berjaya setelah kos dimuktamadkan oleh JPP atau PBM serta menguruskan penyediaan dokumen perjanjian untuk ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST oleh perundng.

9. Tarikh Kuat Kuasa

9.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

FORMAT KERTAS PERAKUAN KEPADA PBM
PELANTIKAN PERUNDING
SECARA LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING

Tajuk Permohonan: Nama Projek/Kajian
Jenis Permohonan: Kelulusan Pelantikan Perunding Secara Lantikan Terus Beserta Kos Siling
Kod dan Nama Bidang Perkhidmatan Perunding: (sila senaraikan)

BIL	PERKARA		
1.	**TUJUAN & JUSTIFIKASI PERMOHONAN (sila nyatakan)**		
2.	**MAKLUMAT PROJEK/KAJIAN**		
	a.Tajuk Projek/Kajian	:	(sila nyatakan tajuk mengikut nama projek/kajian yang telah diluluskan oleh EPU)
	b. Sumber Pembiayaan	:	☐ Kerajaan Persekutuan ☐ Kerajaan Negeri ☐ PFI ☐ Dana Asing: (sila nyatakan) ☐ Lain-lain : (sila nyatakan) *Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan*
	c. Jenis Peruntukan	:	☐ Pembangunan ☐ Mengurus ☐ Lain-Lain : (sila nyatakan) *Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan*
	d. Kod Setia (untuk peruntukan pembangunan sahaja)		(sila nyatakan 14 digit nombor kod setia)
	e. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU	:	(sila nyatakan kos siling dalam RM bagi projek/kajian yang akan dilaksanakan)
	f. Kategori Projek/Kajian	:	☐ Pembangunan Fizikal ☐ Kajian Fizikal ☐ Kajian Bukan Fizikal ☐ Alam Sekitar ☐ Ukur Tanah *Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan*
	g. Peruntukan Tahun Semasa	:	(sila nyatakan)
	h.Tempoh Projek/Kajian	:	(sila nyatakan dalam bulan/minggu)
	i. Lokasi Projek/Kajian	:	(sila nyatakan)

	j. Kementerian/Agensi Pengguna	:	(sila nyatakan)
	k. Kementerian/Agensi Pelaksana	:	(sila nyatakan)

3. MAKLUMAT LANTIKAN

a. Kaedah Lantikan	:	Lantikan Terus Beserta Kos Siling
b. Kaedah Pembayaran	:	☐ *Fixed Fee* ☐ Input Masa *Sila tandakan " ✓ " pada kotak yang berkaitan*
c. Tempoh Perkhidmatan Perunding	:	(sila nyatakan tempoh dalam bulan/minggu)

d. Skop Perkhidmatan Perunding :

	Pembangunan Fizikal Sila tandakan(✓)pada skop yang berkaitan		**Kajian** Sila tandakan(✓)pada skop yang berkaitan
☐	Rekabentuk Skematik	☐	Penyediaan Pelan Induk
☐	Rekabentuk Terperinci	☐	Kajian Kejuruteraan/Teknikal
☐	Peringkat Pembinaan	☐	Perancangan Bandar & Wilayah
☐	Pengawasan Tapak	☐	Kajian Alam Sekitar
☐	Ukur Tanah	☐	Lain-lain: (sila nyatakan)
☐	Penyediaan Dokumen Tender		
☐	*Additional/Special Service*		

e. Anggaran Kos Siling Perkhidmatan Perunding Yang Dipohon Agensi (mengikut bidang) :

Bidang	**Yuran Perunding (YP)** **(RM)**	**Kos Imbuhan Balik (IB)** **(RM)**	**Cukai Perkhidmatan 6% x (YP + IB)** **(RM)**	**Jumlah** **(RM)**

4	**SYOR AGENSI & JUSTIFIKASI SYOR (sila senaraikan sekurang-kurangnya tiga (3) syorkan 1 firma)**					
	Bil	**Nama Perunding**	**Pendaftaran MOF**	**No Pendaftaran MOF / ROC**	**Kod Bidang**	**Maklumat Perunding**
	1	Firma XYZ **(Diperakukan)**	(Berdaftar/ Tidak Berdaftar/ Perunding Asing)	465-XXXXXXXX (sekiranya berdaftar); Atau No ROC (sekiranya tidak berdaftar)	(sila nyatakan kod bidang firma)	i. Bil kakitangan ikhtisas: ii. Peratus Ekuiti Bumiputra/Bukan Bumiputra/Asing/ Kerajaan iii. Lokasi Ibu Pejabat: iv. Lokasi Cawangan: v. Tarikh Lantikan Akhir: vi. Bil & Jumlah nilai lantikan firma bagi projek/kajian untuk 3 tahun terkini vii. Bil & Jumlah nilai kerja dalam tangan sama ada projek/kajian Kerajaan/Swasta viii. Sekiranya perunding asing,nyatakan lokasi asal firma/individu *(citizenship)* ix. Kepakaran syarikat **x. Justifikasi perakuan**
	2	Firma XYZ	(Berdaftar/ Tidak Berdaftar/ Perunding Asing)	465-XXXXXXXX (sekiranya berdaftar); Atau No ROC (sekiranya tidak berdaftar)	(sila nyatakan kod bidang firma)	i. Bil kakitangan ikhtisas: ii. Peratus Ekuiti Bumiputra/Bukan Bumiputra/Asing/ Kerajaan iii. Lokasi Ibu Pejabat: iv. Lokasi Cawangan: v. Tarikh Lantikan Akhir: vi. Bil & Jumlah nilai lantikan firma bagi projek/kajian

						untuk 3 tahun terkini vii. Bil & Jumlah nilai kerja dalam tangan sama ada projek/kajian Kerajaan/Swasta viii. Sekiranya perunding asing,nyatakan lokasi asal firma/individu *(citizenship)* ix. Kepakaran syarikat x. Justifikasi tidak diperakukan
3	Firma XYZ	(Berdaftar/ Tidak Berdaftar/ Perunding Asing)	465-XXXXXXXX (sekiranya berdaftar); Atau No ROC (sekiranya tidak berdaftar)	(sila nyatakan kod bidang firma)	i. Bil kakitangan ikhtisas: ii. Peratus Ekuiti Bumiputra/Bukan Bumiputra/Asing/ Kerajaan iii. Lokasi Ibu Pejabat: iv. Lokasi Cawangan: v. Tarikh Lantikan Akhir: vi. Bil & Jumlah nilai lantikan firma bagi projek/kajian untuk 3 tahun terkini vii. Bil & Jumlah nilai kerja dalam tangan sama ada projek/kajian Kerajaan/Swasta viii. Sekiranya perunding asing,nyatakan lokasi asal firma/individu *(citizenship)* ix. Kepakaran syarikat x. Justifikasi tidak diperakukan	

6	**SENARAI LAMPIRAN**		
	i. Surat Permohonan Agensi ii. Terma Rujukan iii. Perincian Anggaran Kos Perkhidmatan Perunding iv. Salinan surat Kelulusan Peruntukan EPU v. Salinan kebenaran bertulis daripada Pegawai Pegawal/Pegawai yang diturunkan kuasa vi. Salinan Surat Pelepasan Jabatan Teknik/MAMPU/JPICT vii. Profil Firma Perunding (Janaan daripada sistem e-Perunding) viii. Profil Firma Perunding Yang Tidak Berdaftar/Asing (diperolehi daripada firma tersebut) beserta surat kelulusan Kementerian Kewangan (jika berkaitan) ix. Lain-lain yang berkaitan		
7	**MAKLUMAT PEGAWAI MEJA AGENSI**		
Nama Agensi		:	
Alamat Agensi dan Unit		:	
Nama Pegawai		:	
Jawatan		:	
No Telefon Pejabat		:	
No Telefon Bimbit		:	
No Fax		:	
Email Rasmi		:	
No Rujukan Fail Agensi		:	

LAMPIRAN 2

FORMAT KEPUTUSAN MESYUARAT PBM

PELANTIKAN FIRMA PERUNDING SECARA LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING

1. Bil Mesyuarat : .....
2. Tarikh Mesyuarat : .....
3. Kementerian/Agensi Yang Memohon : .....
4. Tajuk Projek/Kajian : .....
5. Sumber Pembiayaan : .....
6. Jenis Peruntukan : .....
7. Kod SETIA Projek : .....
8. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU : .....
9. Kategori Projek/Kajian : .....
10. Peruntukan Tahun Semasa : .....
11. Tempoh Projek/Kajian : .....
12. Lokasi Projek/Kajian : .....
13. Kementerian/Agensi Pengguna : .....
14. Kementerian/Agensi Pelaksana : .....
15. Tempoh Perkhidmatan Perunding : .....
16. Kaedah Lantikan : Lantikan Terus Berserta Kos Siling
17. Nama Firma Perunding Yang Diluluskan adalah seperti berikut :

Bidang Perunding	**Skop Perkhidmatan Perunding**	**Nama, No. Pendaftaran Kementerian Kewangan & Alamat Firma**	**Kaedah Bayaran (*Fixed Fee*/ Input Masa)**	**Anggaran Kos Siling Perkhidmatan Perunding (RM)**	**Cukai Perkhidmatan (RM)**	**Ulasan/Syarat Tambahan PBM(sekiranya ada)**

18. Tandatangan Ahli PBM:

Nama	**Jawatan / Wakil Kementerian**	**Keputusan**	**Tandatangan**
	Pengerusi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	

LAMPIRAN 3

SURAT PELAWAAN

(Nama & Alamat Firma)
……..
……..

Rujukan Agensi:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk melaksanakan projek/kajian seperti berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Projek/Kajian :	(sila nyatakan tajuk projek/kajian)
2	Anggaran Kos Projek/Kajian :	(sila nyatakan anggaran kos projek/kajian)
3	Tempoh Projek/Kajian :	(sila nyatakan tempoh pelaksanaan projek/kajian-bil. minggu/bulan)
4	Kategori Projek/Kajian :	(sila nyatakan sama ada projek fizikal/kajian fizikal/kajian bukan fizikal)
5	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding :	(sila nyatakan dengan merujuk kod bidang perunding)
6	Kaedah Pelantikan :	Lantikan Terus Beserta Kos Siling
7	Kaedah Bayaran Yuran Perunding:	(sila nyatakan sama ada Yuran Tetap/Input Masa*)*
8	Kos Siling Perkhidmatan Perunding :	(sila nyatakan kos siling yang telah diluluskan)
9	Terma Rujukan:	(sila lampirkan)
10	Tempoh Sah Laku Tawaran Yang Ditetapkan oleh Agensi	(sila nyatakan – sekurang-kurangnya 90 hari daripada tarikh tutup pelawaan)

3. Sila maklumkan secara rasmi dengan menggunakan **Borang Jawapan** seperti **Lampiran A** kepada Agensi ini dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat ini ditandatangani melalui emel atau faks sama ada tuan bersetuju/tidak bersetuju dengan cadangan pelawaan ini.

4. Jika tuan bersetuju dengan pelawaan ini, sila kemukakan cadangan tuan mengikut format Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** berasaskan Terma Rujukan yang ditetapkan di atas. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan cadangan tuan berdasarkan ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Agensi Yang Mempelawa	(sila nyatakan)
2	Alamat Agensi	(sila nyatakan)
3	Tarikh & Masa Akhir Pelawaan	(sila nyatakan)
4	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	(sila nyatakan)
5	No. Telefon, Faks & Emel Pegawai	(sila nyatakan)

5. Bersama-sama surat ini juga disertakan Surat Akuan Perunding untuk perhatian dan tandatangan tuan sekiranya tuan bersetuju dengan kandungan surat tersebut. Sila sertakan surat yang telah ditandatangani tersebut bersama-sama dengan cadangan tuan.

6. Untuk makluman tuan, sekiranya tuan bersetuju dengan pelawaan ini, namun demikian menarik diri dalam tempoh penyediaan cadangan pihak tuan/sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tuan hendaklah memaklumkan kepada Agensi ini dengan kadar segera agar pelawaan dapat dibuat kepada firma lain.

7. Walau bagaimanapun, sekiranya tuan telah terpilih secara rasmi dan kemudiannya menarik diri selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tindakan ke atas tuan akan diambil selaras dengan peraturan Perbendaharaan yang berkuat kuasa**.**

8. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak lain.

9. Surat ini hanyalah suatu surat pelawaan dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

……..
(Nama Penuh Pegawai & Agensi)

Lampiran A

BORANG JAWAPAN

(Nama & Alamat Agensi)
……..
……..

Rujukan Firma:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Jawapan Kepada Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat/faks tuan bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dengan ini, saya yang mewakili (Nama Penuh Firma) **bersetuju/tidak bersetuju*** dengan pelawaan oleh pihak tuan bagi memberi/menawarkan perkhidmatan perunding untuk pelaksanaan projek/kajian di atas.

**3. Dengan persetujuan pelawaan ini, saya mengambil maklum akan syarat-syarat yang telah diperjelaskan oleh pihak tuan melalui surat pelawaan (sila nyatakan rujukan Agensi) bertarikh (sila nyatakan tarikh surat pelawaan Agensi).

Sekian, terima kasih.

……..
(Nama Penuh Wakil Firma)
Jawatan
Nama Firma
No. Kad Pengenalan

Nota:
*Potong mana yang tidak berkaitan
** Sekiranya firma memilih untuk tidak bersetuju, para ini adalah tidak berkaitan.

LAMPIRAN B

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN TEKNIKAL
(Contoh bagi kajian)

	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Perunding	**Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka**	**Muka Surat di Cadangan Teknikal**
1.	*Declaration Form*			
2.	Surat Akuan Kepentingan Perunding			
3.	Maklumat Petender			
4.	Senarai pengalaman petender melaksanakan kajian sama ada bagi Kerajaan, Swasta dan Negara Luar			
5.	*Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma)			
6.	Ringkasan *Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal/Pemilik Firma)			
7.	Carta Ahli Pasukan kajian berkenaan berserta peranan dan tanggungjawab			
8.	Cadangan Jadual Pelaksanaan Kajian			
9.	Metodologi yang dicadangkan			
10.	Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun terkini			
11.	Penyata KWSP dan SOCSO bagi tiga (3) bulan terkini atau perisytiharan jumlah emolumen setiap kakitangan			
12.	Senarai Program Kepastian Kualiti			
13.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi oleh petender			

LAMPIRAN C

PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN KOS
(Contoh bagi kajian)

BIL.	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Petender	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Tender	Muka Surat di Cadangan Kos
1.	Pengiraan Keseluruhan Anggaran Kos Perunding (termasuk Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik)			
2.	Pengiraan Yuran Perunding Secara Input Masa & *Charge Rate*			
3.	Pengiraan Anggaran Kos Imbuhan Balik			
4.	Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Kos yang telah lengkap diisi oleh petender			

KERAJAAN MALAYSIA

Kaedah Perolehan Secara Tender Terbuka

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK3.6 KAEDAH PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA 1

1. Had Nilai Perolehan 1

2. Pengiklanan 1

3. Pembukaan Peti Tender 2

4. Semakan Kecukupan Dokumen Mandatori 3

5. Penilaian Teknikal 4

6. Penilaian Kos 5

7. Penilaian Keseluruhan 6

8. Perakuan JPP 6

9. Pertimbangan PBM 6

10. Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure*) 7

11. Penjelasan Berhubung Proses Perolehan Kerajaan (*Debriefing*) bagi Perolehan Tertakluk kepada FTA 7

12. Pelantikan Rasmi Perunding 7

13. Paparan Keputusan Perunding Yang Berjaya 7

14. Tarikh Kuat Kuasa 7

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Senarai Edaran Dokumen

Lampiran 2 : Borang Jadual Tender

Lampiran 3 : Format Penilaian Teknikal

Lampiran 4 : Format Penilaian Kos

Lampiran 5 : Format Penilaian Keseluruhan

Lampiran 6 : Format Kertas Perakuan Kepada PBM

Lampiran 7 : Format Keputusan Mesyuarat PBM

PK3.6 KAEDAH PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

1. Had Nilai Perolehan

Bil	Kategori Projek	Had Nilai
1.	Projek Pembangunan Fizikal	Kos Projek melebihi RM50 juta
2.	Kajian Fizikal/Bukan Fizikal	Kos Kajian melebihi RM500 ribu
3.	Ukur Tanah & Lain-Lain Kerja Ukur	Kos Kerja Ukur melebihi RM500 ribu

2. Pengiklanan

2.1. Agensi hendaklah mengiklankan projek/kajian di laman web *MyProcurement Portal* dan laman web masing-masing berdasarkan ketetapan berikut:

2.1.1. **Sekurang-kurangnya 21** hari kalendar bagi pelawaan terbuka tempatan; dan

2.1.2. **Sekurang-kurangnya 40** hari kalendar bagi pelawaan terbuka yang melibatkan penyertaan firma asing.

2.1.3. Tempoh sah laku tender **sekurang-kurangnya 90 hari** berturut-turut yang dikira daripada tarikh tender ditutup. Agensi hendaklah memastikan supaya tempoh sah laku tender tidak terlalu panjang kerana ini menyebabkan petender menaikkan harga tawaran mereka.

2.1.4. Kandungan iklan hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi maklumat berikut:

(a) Agensi yang memanggil tender;
(b) Nombor Rujukan Iklan;
(c) Nama projek/kajian;
(d) Kod dan Nama Bidang perunding;
(e) Tarikh & masa tutup tender;
(f) Tempat, tarikh dan masa taklimat tender oleh agensi (jika perlu);
(g) Alamat Kaunter/Pejabat Dokumen Pelawaan boleh diperolehi;
(h) Alamat Penyerahan Cadangan Teknikal & Cadangan Kos (Peti Tender); dan
(i) Syarat-syarat penyertaan pelawaan.

2.1.5. Agensi hendaklah menetapkan jam 12.00 tengah hari pada hari tender ditutup sebagai waktu terakhir untuk menerima Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos. Perunding yang mengemukakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos pada jam 12.01 tengah hari dan ke atas, ianya akan direkodkan sebagai lewat dan tidak akan dipertimbangkan.

2.1.6. Dokumen Pelawaan hendaklah dijual kepada perunding selepas lawatan tapak dihadiri (sekiranya lawatan tapak adalah mandatori). Bagi tender yang dibuka kepada perunding yang berdaftar dengan MOF, dokumen pelawaan hendaklah dijual hanya kepada perunding yang berdaftar dan tarikh sijil pendaftarannya masih sah berkuat kuasa.

2.1.7. Pegawai Agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengedar dokumen pelawaan tersebut kepada perunding, hendaklah melengkapkan Borang Senarai Edaran seperti di **Lampiran 1** untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pembuka Tender.

3. Pembukaan Peti Tender

3.1. Peti tender hendaklah disediakan di tempat yang strategik bagi memudahkan perunding.

3.2. Semua peti tender hendaklah dilabelkan dengan maklumat berikut:

3.2.1. Tajuk Iklan;
3.2.2. Tarikh & Masa Tutup tender;
3.2.3. “Cadangan Teknikal”; dan
3.2.4. “Cadangan Kos”

3.3. Peti tender hendaklah ditutup pada waktu yang ditetapkan dan hendaklah dikunci dengan dua (2) kunci yang berbeza dan anak kuncinya hendaklah dipegang secara berasingan oleh pegawai yang berbeza.

3.4. Sebaik sahaja tender ditutup, Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pembuka Tender. Penubuhan Jawatankuasa Pembuka Tender adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

3.4.1. Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang pegawai, di mana seorang daripadanya

hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Sekiranya Bahagian/Unit berkenaan kekurangan pegawai, pelantikan boleh dibuat di kalangan pegawai daripada Bahagian/Unit lain dalam Agensi tersebut;

3.4.2. Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa; dan

3.4.3. Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender boleh dibuat secara tetap atau *adhoc* mengikut keperluan/kesesuaian Agensi dan tertakluk kepada persetujuan Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa.

3.4.4. Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah berlainan daripada Ahli JPP.

3.4.5. Tugas Jawatankuasa Pembuka Tender adalah seperti berikut :

(a) Selepas tender terbuka ditutup, peti tender hendaklah dibuka dengan kadar segera oleh Jawatankuasa Pembuka Tender tidak lewat dari 3 hari bekerja;

(b) Menerima Borang Senarai Edaran;

(c) Melengkapkan Borang Jadual Tender seperti di **Lampiran 2**;

(d) Memastikan bahawa cadangan teknikal dan kos dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri; dan

(e) Borang Jadual Tender beserta Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos perunding hendaklah dikemukakan kepada Urus setia JPP.

4. Semakan Kecukupan Dokumen Mandatori

4.1. Sebaik sahaja penerimaan Borang Jadual Tender beserta Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos perunding, Urusetia JPP hendaklah mengadakan mesyuarat penilaian JPP dengan kadar segera.

4.2. Urusetia JPP hendaklah mengedarkan dokumen berikut semasa mesyuarat untuk tindakan ahli JPP:

4.2.1. Senarai Edaran Dokumen;
4.2.2. Borang Jadual Tender;
4.2.3. Surat Akuan Ahli/ Pengerusi/ Urusetia Bagi Lembaga/ Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding;
4.2.4. Surat Akuan Selesai Tugas Ahli/ Pengerusi/ Urusetia Bagi Lembaga/ Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding (diisi sebaik sahaja selesai tugas);
4.2.5. Cadangan Teknikal perunding;
4.2.6. Dokumen Pelawaan Asal;
4.2.7. Perincian anggaran kos perkhidmatan perunding; dan
4.2.8. Kriteria Penilaian, Skema Pemarkahan dan markah lulus penilaian teknikal yang telah ditetapkan terdahulu oleh JPP.

4.3. JPP membuat semakan ke atas kecukupan dokumen mandatori perunding bagi membolehkan penilaian teknikal dibuat. Penilaian teknikal akan hanya dibuat ke atas perunding yang lulus semakan kecukupan dokumen mandatori.

5. Penilaian Teknikal

5.1. JPP hendaklah membuat penilaian teknikal terlebih dahulu berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan. Borang Penilaian Teknikal seperti di **Lampiran 3**.

5.2. Setiap ahli hendaklah menilai kesemua cadangan secara individu dan proses penilaian tersebut hendaklah dibuat secara bermesyuarat.

5.3. Sekiranya terdapat cadangan perunding yang mempunyai markah penilaian teknikal yang sama (markah seri), JPP hendaklah melihat kepada markah yang telah diberikan ke atas kriteria kakitangan dan metodologi firma berkenaan dan mengutamakan firma yang mempunyai markah tertinggi dalam kedua-dua kriteria tersebut.

5.4. Selepas penilaian teknikal selesai, JPP hendaklah membuat rumusan penilaian dengan menyusun firma mengikut kedudukan markah penilaian teknikal tertinggi.

5.5. Berdasarkan rumusan penilaian teknikal yang dikemukakan oleh ahli JPP, Urusetia JPP hendaklah mengedarkan Cadangan Kos perunding yang lulus penilaian teknikal kepada JPP untuk penilaian kos seterusnya. Penilaian kos hanya dibuat untuk firma yang lulus penilaian teknikal sahaja.

6. Penilaian Kos

6.1. JPP hendaklah membuat penilaian kos dengan memastikan perkara berikut:

6.1.1. Penetapan yuran perunding mematuhi peraturan perolehan perunding yang berkuatkuasa;

6.1.2. Kos keseluruhan perkhidmatan perunding hendaklah tidak termasuk Cukai Perkhidmatan;

6.1.3. Kos imbuhan balik hendaklah disertakan butiran terperinci dan item serta kadar mematuhi peraturan perolehan perunding yang berkuatkuasa;

6.1.4. Tawaran harga perunding tidak melebihi anggaran kos siling perunding yang diluluskan oleh JPP sebagai anggaran Jabatan; dan

6.1.5. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan arithmetik atau ketidakpatuhan ke atas kadar-kadar yang telah ditetapkan, JPP hendaklah mencatatkan kesilapan tersebut di dalam laporan kepada PBM. Sekiranya JPP membuat pembetulan ke atas kesilapan arithmetik atau ketidakpatuhan ke atas kadar-kadar yang telah ditetapkan dan pembetulan tersebut memberi kesan kepada susunan kedudukan, JPP hendaklah membuat penyenaraian tambahan sebagai perbandingan.

6.2. Selepas penilaian kos disempurnakan, JPP hendaklah membuat rumusan penilaian dengan menyusun firma mengikut tawaran kos terendah. Bagi perunding yang memberikan cadangan kos yang terendah, markah 100% akan diberikan manakala cadangan kos yang selebihnya akan diberi markah mengikut kadar kos yang dicadangkan (*inversely proportional to their prices*). Contoh :

Bil.	Nama Firma	Kos Yang Ditawarkan Oleh Perunding (RM)	Formula Pemarkahan	Markah (%)
1	Nama Firma A	1,950,000.00	100	100.00
2	Nama Firma B	1,980,000.00	A/B x 100	98.48
3	Nama Firma C	2,100,000.00	A/C x 100	92.86
4	Nama Firma D	2,300,000.00	A/D x 100	84.78

6.3. Borang Penilaian Kos seperti di **Lampiran 4**.

7. Penilaian Keseluruhan

7.1. JPP seterusnya membuat penilaian keseluruhan berdasarkan *Quality and Cost Based Selection* (QCBS) seperti berikut:

7.1.1. Formula menentukan markah keseluruhan :

$$\text{Markah Keseluruhan} = (Q \times W_1) + (C \times W_2)$$

7.1.2. Petunjuk adalah seperti berikut:

Q	:	Markah Penilaian Teknikal
W_1	:	Wajaran Penilaian Teknikal
C	:	Markah Penilaian Kos
W_2	:	Wajaran Penilaian Kos

7.1.3. Wajaran Penilaian Keseluruhan adalah ditetapkan seperti berikut:

Wajaran untuk Penilaian Teknikal ***W_1***	**Wajaran untuk Penilaian Kos** ***W_2***	**Wajaran Penilaian Keseluruhan**
80%	20%	100%

7.2. Borang Penilaian Keseluruhan adalah ditetapkan seperti di **Lampiran 5**.

8. Perakuan JPP

8.1. JPP hendaklah memperakukan perunding yang mendapat kedudukan tertinggi bagi penilaian keseluruhan. Borang Perakuan adalah seperti format di **Lampiran 6**.

9. Pertimbangan PBM

9.1. Sekiranya kertas perakuan yang disediakan oleh JPP adalah tidak lengkap, urusetia PBM berhak menolak untuk dilengkapkan semula oleh JPP. Sekiranya lengkap, Urusetia PBM hendaklah mengadakan mesyuarat dengan kadar segera.

9.2. PBM mempertimbangkan dan meluluskan pelantikan perunding berserta kos perunding berdasarkan perakuan JPP atau membuat pilihan petender yang lain.

9.3. Sekiranya LP Agensi tidak dapat mencapai persetujuan secara sebulat suara,

keputusan hendaklah dimuktamadkan oleh satu peringkat PBM yang lebih tinggi atau LP Agensi boleh memutuskan supaya JPP membuat penilaian/perakuan semula.

9.4. Tempoh sah laku tawaran perunding adalah selama sekurang-kurangnya 90 hari daripada tarikh tutup pelawaan. Sebarang pelanjutan ke atas tempoh sah laku tawaran perunding hendaklah diperolehi daripada Pengerusi LP Agensi.

9.5. Borang Keputusan PBM adalah seperti di **Lampiran 7.**

9.6. Setelah keputusan dibuat, urusetia PBM hendaklah memaklumkan keputusan tersebut kepada Agensi untuk membolehkan Agensi mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada firma yang berjaya.

10. Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure*)

10.1. Sebarang bantahan ke atas perolehan yang tertakluk kepada FTA boleh dibuat oleh petender dan hendaklah merujuk di PK2.1.

11. Penjelasan Berhubung Proses Perolehan Kerajaan (*Debriefing*) bagi Perolehan Tertakluk kepada FTA

11.1. Tatacara debriefing bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA dinyatakan di PK2.1.

12. Pelantikan Rasmi Perunding

12.1. Agensi mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding yang berjaya setelah kos dimuktamadkan oleh PBM serta menguruskan penyediaan dokumen perjanjian untuk ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST oleh perunding.

13. Paparan Keputusan Perunding Yang Berjaya

13.1. Agensi hendaklah memaparkan nama perunding yang berjaya di laman web *Myprocurement Portal* dan laman web Agensi masing-masing sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh pengakuan penerimaan Surat Setuju Terima oleh perunding.

14. Tarikh Kuat Kuasa

14.1. Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022.**

LAMPIRAN

.

LAMPIRAN 1

SENARAI EDARAN DOKUMEN

Tajuk Iklan/Projek/Kajian:						
Tarikh & Masa Pengedaran Dokumen	**No Siri Dokumen**	**Nama Firma Perunding**	**No. Pendaftaran MOF/ROC/ ROB**	**Nama Wakil Firma**	**No. Kad Pengenalan/ Pasport**	**Tandatangan Wakil Firma**

Bilangan Dokumen yang disediakan (diisi oleh Agensi) :

Bilangan Dokumen yang telah diedarkan (diisi oleh Agensi) :

Tandatangan Pegawai Agensi :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Tarikh :

LAMPIRAN 2

BORANG JADUAL TENDER

(Untuk Disediakan Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender)

Tajuk Iklan :
Tarikh Tutup Pelawaan:
Masa Tutup Pelawaan :

Nama Firma Perunding	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tamat Pendaftaran dengan MOF	Tempoh Sah Laku Tawaran	Tempoh Siap Kajian (hanya untuk kajian fizikal/bukan fizikal sahaja)	Dokumen Wajib Yang Tidak Dikemukakan/ Tidak Lengkap

Sebanyak …… bilangan firma yang menyertai tender*terhad/terbuka tanpa pra kelayakan/terbuka melalui pra kelayakan telah diterima dan dibuka pada tarikh ..... jam ..... seperti di jadual di atas.

Pengesahan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender

Nama	Jawatan	Tandatangan

Tarikh:

**Potong mana yang berkenaan.*

LAMPIRAN 3

FORMAT PENILAIAN TEKNIKAL

TAJUK IKLAN :……..
BILANGAN KERTAS TENDER YANG DINILAI :……bil
MARKAH LULUS TEKNIKAL YANG DITETAPKAN :…… %

Kriteria Utama Penilaian Teknikal		Wajaran yg ditetapkan (%)	FIRMA 1				FIRMA 2				FIRMA 3			
			Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %	Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %	Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %
1	Kapabiliti Firma													
2	Kakitangan yang terlibat													
3	Metodologi													
4	Program Kepastian Kualiti													
5	Sesi Pembentangan oleh Perunding (Sekiranya Perlu)													
JUMLAH														
NYATAKAN LULUS/GAGAL PENILAIAN TEKNIKAL														
KEDUDUKAN														

Tandatangan Pengerusi dan Ahli JPP:

Nama	Jawatan/Wakil Kementerian	Tandatangan

Tarikh:

LAMPIRAN 4

FORMAT PENILAIAN KOS

TAJUK IKLAN : .....

BIL. DOKUMEN PELAWAAN YANG LULUS PENILAIAN TEKNIKAL ..... bil.

KOS TERENDAH YANG DITAWARKAN : RM .....(nyatakan) bersamaan wajaran 100%

KRITERIA		KOS DITAWARKAN		
		FIRMA 1	FIRMA 2	FIRMA 3
A	YURAN PERUNDING			
	1 Basic Services			
	2 Basic Services (Other Associated Consultants)			
	3 Additional Services			
B	KOS PENYELIAAN TAPAK (sekiranya berkaitan)			
	1 Kakitangan Ikhtisas			
	2 Kakitangan Separa Ikhtisas			
C	KOS IMBUHAN BALIK			
	JUMLAH (RM)			
	PEMARKAHAN *(Kos Terendah/Kos Ditawarkan x 100)*			
	KEDUDUKAN			

Tandatangan Pengerusi dan Ahli JPP :

Nama	Jawatan/Wakil Kementerian	Tandatangan

Tarikh :

LAMPIRAN 5

FORMAT PENILAIAN KESELURUHAN

TAJUK IKLAN : ……
BILANGAN DOKUMEN PELAWAAN YANG DINILAI ..... bil.
BILANGAN DOKUMEN PELAWAAN YANG LULUS PENILAIAN TEKNIKAL ..... bil.

		FIRMA		
A	**MARKAH PENILAIAN TEKNIKAL (%)**	**FIRMA 1**	**FIRMA 2**	**FIRMA 3**
	1 Markah (%)			
	2 Status LULUS/GAGAL			
	3 Kedudukan Teknikal			
	4 Skor Teknikal *(Markah X 80%)*	**/80**	**/80**	**/80**
B	**KOS DITAWARKAN (RM)**			
	1 Markah (%)			
	2 Kedudukan Kos			
	3 Skor Kos *(Markah X 20%)*	**/20**	**/20**	**/20**
	SKOR KESELURUHAN *(Skor Teknikal + Skor Kos)*	**/100**	**/100**	**/100**
	KEDUDUKAN KESELURUHAN			
	PERUNDING YANG DIPERAKUKAN "✓"			
	ULASAN (jika ada)			

Tandatangan Pengerusi dan Ahli JPP:

Nama	Jawatan/Wakil Kementerian	Tandatangan

Tarikh :

LAMPIRAN 6

FORMAT KERTAS PERAKUAN KEPADA PBM
PELANTIKAN PERUNDING & KOS
SECARA TENDER TERBUKA

Tajuk Permohonan: Nama Projek/Kajian
Jenis Permohonan: Kelulusan Pelantikan Perunding Dan Kos Secara Tender Terbuka
Kod dan Nama Bidang Perkhidmatan Perunding: (sila nyatakan)

BIL	PERKARA		
1.	**TUJUAN & JUSTIFIKASI PERMOHONAN (sila nyatakan)**		
2.	**MAKLUMAT PROJEK/KAJIAN**		
	a. Tajuk Projek/Kajian	:	(sila nyatakan tajuk mengikut nama projek/kajian yang telah diluluskan oleh EPU)
	b. Sumber Pembiayaan	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Kerajaan Persekutuan ☐ Kerajaan Negeri ☐ PFI ☐ Dana Asing: (sila nyatakan) ☐ Lain-lain : (sila nyatakan)
	c. Jenis Peruntukan	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Pembangunan ☐ Mengurus ☐ Lain-Lain : (sila nyatakan)
	d. Kod Setia (untuk peruntukan pembangunan sahaja)		(sila nyatakan 14 digit nombor kod setia)
	e. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU	:	(sila nyatakan kos siling dalam RM bagi projek/kajian yang akan dilaksanakan)
	f. Jenis Projek/Kajian	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Pembangunan Fizikal ☐ Kajian Fizikal ☐ Kajian Bukan Fizikal ☐ Alam Sekitar ☐ Ukur Tanah
	g. Peruntukan Tahun Semasa	:	(sila nyatakan)
	h. Tempoh Projek/Kajian	:	(sila nyatakan dalam bulan/minggu)
	i. Lokasi Projek/Kajian	:	(sila nyatakan)
	j. Kementerian/Agensi Pengguna	:	(sila nyatakan)
	k. Kementerian/Agensi Pelaksana	:	(sila nyatakan)

3.	**MAKLUMAT LANTIKAN**		
	a. Kaedah Lantikan	:	Tender Terbuka (Tanpa Pra Kelayakan)
	b. Kaedah Pembayaran	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ *Fixed Fee* ☐ Input Masa
	c. Skop Perkhidmatan Perunding	:	**Pembangunan Fizikal** Sila tandakan(✓)pada skop yang berkaitan ☐ Reka bentuk Skematik ☐ Reka bentuk Terperinci ☐ Peringkat Pembinaan ☐ Pengawasan Tapak ☐ Ukur Tanah ☐ Penyediaan Dokumen Tender ☐ *Additional/Special Service* **Kajian** Sila tandakan(✓)pada skop yang berkaitan ☐ Penyediaan Pelan Induk ☐ Kajian Kejuruteraan/Teknikal ☐ Perancangan Bandar & Wilayah ☐ Kajian Alam Sekitar ☐ Lain-lain: (sila nyatakan)
	d. Anggaran Kos Perkhidmatan Perunding Yang Dipohon Agensi (mengikut bidang)	:	**Bidang** / **Yuran Perunding (YP) (RM)** / **Kos Imbuhan Balik (IB) (RM)** / **Cukai Perkhidmatan 6% x (YP+IB) (RM)** / **Jumlah (RM)**
4.	**MAKLUMAT JAWATANKUASA PEMBUKA PETI PELAWAAN TERBUKA**		
	a. Tarikh Tutup Iklan	:	(sila nyatakan)
	b. Tarikh & Masa Peti Dibuka	:	(sila nyatakan)
	c. Bilangan firma yang mengemukakan cadangan	:	(sila nyatakan)
	d. Tempoh sah laku tawaran	:	(sila nyatakan)
	e. Tarikh Serahan Borang Jadual Tender Kepada JPP (sertakan salinan borang jadual)	:	(sila nyatakan)
5.	**MAKLUMAT PENILAIAN FIRMA**		
	a. Tarikh Mesyuarat JPP	:	(sila nyatakan)
	b. Bilangan Cadangan Perunding Yang Dinilai	:	(sila nyatakan)
	c. Bilangan Cadangan Perunding Yang Tidak Dinilai & Nyatakan Justifikasi	:	(sila nyatakan)

	d. Perakuan Oleh JPP	:	(sila lampirkan Keputusan Penilaian Keseluruhan Teknikal dan Kos firma yang telah ditandatangani oleh JPP)
6.	**SENARAI DOKUMEN SOKONGAN**		
	i. Terma Rujukan ii. Kelulusan Senarai Pendek oleh JPP iii. Kriteria penilaian dan markah lulus yang telah ditetapkan iv. Penilaian keseluruhan firma perunding yang menyertai tender (penilaian teknikal dan penilaian kos) v. Salinan surat lantikan JPP vi. Minit mesyuarat JPP vii. Salinan Borang Jadual Tender viii. Lain-lain yang berkaitan		

Disediakan Oleh : Urusetia JPP
Tarikh :

LAMPIRAN 7

FORMAT KEPUTUSAN MESYUARAT PBM
PELANTIKAN PERUNDING & KOS
SECARA TENDER TERBUKA

1. Bil Mesyuarat : ……
2. Tarikh Mesyuarat : ……
3. Kementerian/Agensi Yang Memohon : ……
4. Tajuk Projek/Kajian : …….....
5. Sumber Pembiayaan : .....
6. Jenis Peruntukan : .....
7. Kod SETIA Projek : .....
8. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU : …….
9. Kategori Projek/Kajian : .....
10. Peruntukan Tahun Semasa : .....
11. Tempoh Projek/Kajian : ……..
12. Lokasi Projek/Kajian : .....
13. Kementerian/Agensi Pengguna : .....
14. Kementerian/Agensi Pelaksana : .....
15. Tempoh Perkhidmatan Perunding : .....
16. Kaedah Lantikan : ……
17. No. Rujukan Iklan Tender Terbuka : ……
18. Tarikh & Masa Tutup Tender Terbuka : ……
19. Perunding Yang Diluluskan adalah seperti berikut :

Bidang Perunding	**Skop Perkhidmatan**	**Nama, No. Pendaftaran Kementerian Kewangan & Alamat Firma**	**Kaedah Bayaran (*Fixed Fee*/ Input Masa)**	**Kos Perkhidmatan Perunding (RM)**	**Cukai Perkhidmatan (RM)**	**Ulasan/Syarat Tambahan PBM (sekiranya ada)**

20. Tandatangan Ahli PBM :

Nama	**Jawatan / Wakil Kementerian**	**Keputusan**	**Tandatangan**
	Pengerusi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	

PK 3.7



KERAJAAN MALAYSIA

Kaedah Perolehan Secara Tender Terbuka
Pra Kelayakan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 3.7 KAEDAH PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN ... 1

1. Had Nilai Perolehan ... 1

2. Peringkat 1: Pra Kelayakan ... 2

2.1. Pengiklanan Pra Kelayakan ... 2

2.2. Pembukaan Peti Tender Pra Kelayakan ... 3

2.3. Semakan Kecukupan Dokumen Mandatori ... 4

2.4. Penilaian Teknikal Pra Kelayakan ... 5

2.5. Perakuan JPP : Senarai Pendek Perunding ... 5

2.6. Pertimbangan PBM : Kelulusan Senarai Pendek ... 5

3. Peringkat 2 : Perunding Yang Disenarai Pendek ... 6

3.1. Pelawaan Kepada Perunding Yang Disenarai Pendek ... 6

3.2. Pembukaan Peti Tender Perunding Yang Disenarai Pendek ... 7

3.3. Semakan Kecukupan Dokumen Mandatori Perunding ... 7

3.4. Penilaian Teknikal ... 8

3.5. Penilaian Kos ... 8

3.6. Penilaian Keseluruhan ... 10

3.7. Perakuan JPP: Perunding dan Kos ... 10

3.8. Pertimbangan PBM: Kelulusan Perunding dan Kos ... 11

3.9 Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure*) ... 11

3.10 Penjelasan Berhubung Proses Perolehan Kerajaan (*Debriefing*) bagi Perolehan Tertakluk kepada FTA ... 11

3.11 Pelantikan Rasmi Perunding ... 11

3.12 Paparan Keputusan Perunding Yang Berjaya ... 12

4. Tarikh Kuat Kuasa ... 12

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	**:**	**Senarai Edaran Dokumen**
Lampiran 2	**:**	**Borang Jadual Tender**
Lampiran 3	**:**	**Format Penilaian Teknikal Pra Kelayakan**
Lampiran 4	**:**	**Format Kertas Perakuan Kepada PBM Senarai Pendek Perunding**
Lampiran 5	**:**	**Format Keputusan Mesyuarat PBM Senarai Pendek Perunding**
Lampiran 6	**:**	**Surat Pelawaan**
Lampiran 7	**:**	**Format Penilaian Teknikal**
Lampiran 8	**:**	**Format Penilaian Kos**
Lampiran 9	**:**	**Format Penilaian Keseluruhan**
Lampiran 10	**:**	**Format Kertas Perakuan Kepada PBM**
Lampiran 11	**:**	**Format Keputusan Mesyuarat PBM**

PK 3.7 KAEDAH PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN

1. Had Nilai Perolehan

Bil	Kategori Projek	Had Nilai
1.	Projek Pembangunan Fizikal	Kos Projek melebihi RM50 juta
2.	Kajian Fizikal/Bukan Fizikal	Kos Kajian melebihi RM500 ribu
3.	Ukur Tanah & Lain-Lain Kerja Ukur	Kos Kerja Ukur melebihi RM500 ribu

1.1. Kaedah tender terbuka pra kelayakan adalah dilaksanakan bagi projek/kajian yang mempunyai terlalu ramai perunding berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah sesuatu kod bidang. Bagi membolehkan Agensi mendapatkan maklumat bilangan perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah sesuatu kod bidang, Agensi boleh membuat semakan melalui laman web Sistem ePerolehan.

1.2. Kaedah tender terbuka pra kelayakan juga hendaklah dilaksanakan bagi projek pembangunan fizikal yang memerlukan pengemukaan lukisan reka bentuk konsep tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

1.2.1. Arahan untuk mengemukakan cadangan lukisan rekabentuk konsep hanya boleh dikeluarkan kepada perunding yang lulus penilaian teknikal pra kelayakan. Pengiklanan pra kelayakan hanyalah bertujuan mendapatkan senarai perunding yang berminat dan mempunyai keupayaan teknikal sebagaimana yang dikehendaki oleh Agensi.

1.2.2. Perunding yang lulus penilaian teknikal pra kelayakan dan telah mengemukakan lukisan reka bentuk konsep tetapi tidak berjaya dianugerahkan tender projek tersebut, adalah layak dibayar honorarium/saguhati/hadiah/ganjaran mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Agensi tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal. Kadar honorarium/saguhati/hadiah/ganjaran tersebut hendaklah dinyatakan secara *upfront* di dalam Dokumen Pelawaan.

2. Peringkat 1: Pra Kelayakan

2.1. Pengiklanan Pra Kelayakan

2.1.1. Agensi hendaklah mengiklankan projek/kajian di laman web MyProcurement Portal dan laman web masing-masing **sekurang-kurangnya 25 hari** sehingga tarikh tamat iklan.

2.1.2. Tempoh sah laku tawaran perunding adalah **sekurang-kurangnya 180** hari berturut-turut daripada tarikh tutup pelawaan.

2.1.3. Kandungan iklan pra kelayakan hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi maklumat berikut:

(a) Agensi yang memanggil tender;
(b) Nombor Rujukan Iklan;
(c) Nama projek/kajian;
(d) Kod dan Nama Bidang perunding;
(e) Tarikh & masa tutup tender;
(f) Tempat, tarikh dan masa taklimat tender oleh agensi (jika perlu);
(g) Alamat Kaunter/Pejabat Dokumen Pelawaan boleh diperolehi;
(h) Alamat Penyerahan Cadangan Teknikal (Peti Tender); dan
(i) Syarat-syarat penyertaan pelawaan.

2.1.4. Agensi hendaklah menetapkan jam 12.00 tengah hari pada hari tender ditutup sebagai waktu terakhir untuk menerima Cadangan Teknikal. Perunding yang mengemukakan Cadangan Teknikal pada jam 12.01 tengah hari dan ke atas, ianya akan direkodkan sebagai lewat dan tidak akan dipertimbangkan.

2.1.5. Dokumen Pelawaan Pra Kelayakan hendaklah dijual kepada perunding selepas lawatan tapak dihadiri (sekiranya lawatan tapak adalah mandatori). Bagi tender pra kelayakan yang dibuka kepada perunding yang berdaftar dengan MOF, dokumen pelawaan pra kelayakan hendaklah dijual hanya kepada perunding yang berdaftar dan tarikh sijil pendaftarannya masih sah berkuat kuasa.

2.1.6. Pegawai Agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengedar dokumen pelawaan tersebut kepada perunding, hendaklah melengkapkan Borang Senarai Edaran seperti di **Lampiran 1** untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pembuka Tender.

2.2. Pembukaan Peti Tender Pra Kelayakan

2.2.1. Peti tender hendaklah disediakan di tempat yang strategik bagi memudahkan perunding.

2.2.2. Semua peti tender pra kelayakan hendaklah dilabelkan dengan maklumat berikut:

(a) Tajuk Iklan;
(b) Tarikh & Masa Tutup tender; dan
(c) “Cadangan Teknikal”

2.2.3. Peti tender hendaklah ditutup pada waktu yang ditetapkan dan hendaklah dikunci dengan dua (2) kunci yang berbeza dan anak kuncinya hendaklah dipegang secara berasingan oleh pegawai yang berbeza.

2.2.4. Sebaik sahaja tender ditutup, Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pembuka Tender. Penubuhan Jawatankuasa Pembuka Tender adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

(a) Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang pegawai, di mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Sekiranya Bahagian/Unit berkenaan kekurangan pegawai, pelantikan boleh dibuat di kalangan pegawai daripada Bahagian/Unit lain dalam Agensi tersebut;

(b) Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa; dan

(c) Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender boleh dibuat secara tetap atau *adhoc* mengikut keperluan/kesesuaian Agensi dan tertakluk kepada persetujuan Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa.

(d) Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah berlainan daripada Ahli JPP.

(e) Tugas Jawatankuasa Pembuka Tender adalah seperti berikut :

(i) Selepas tender terbuka ditutup, peti tender hendaklah dibuka dengan kadar segera oleh Jawatankuasa Pembuka Tender tidak lewat dari 3 hari bekerja;

(ii) Menerima Borang Senarai Edaran;

(iii) Melengkapkan Borang Jadual Tender seperti di **Lampiran 2**;

(iv) Memastikan bahawa cadangan teknikal yang dikemukakan adalah berlakri; dan

(v) Borang Jadual Tender beserta Cadangan Teknikal hendaklah dikemukakan kepada JPP.

2.3. Semakan Kecukupan Dokumen Mandatori

2.3.1. Sebaik sahaja penerimaan Borang Jadual Tender beserta Cadangan Teknikal daripada Agensi, Urusetia JPP hendaklah mengadakan mesyuarat penilaian JPP dengan kadar segera.

2.3.2. Urusetia JPP hendaklah mengedarkan dokumen-dokumen berikut semasa mesyuarat untuk tindakan ahli JPP:

(a) Senarai Edaran Dokumen;
(b) Borang Jadual Tender;
(c) Surat Akuan Ahli/ Pengerusi/ Urusetia Bagi Lembaga/ Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding;
(d) Surat Akuan Selesai Tugas Ahli/ Pengerusi/ Urusetia Bagi Lembaga/ Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding (diisi sebaik sahaja selesai tugas);
(e) Cadangan Teknikal perunding;
(f) Dokumen Pelawaan Asal; dan
(g) Kriteria Penilaian, Skema Pemarkahan dan markah lulus penilaian teknikal pra kelayakan yang telah ditetapkan terdahulu oleh JPP.

2.3.3. JPP membuat semakan ke atas kecukupan dokumen mandatori perunding bagi membolehkan penilaian teknikal pra kelayakan dibuat. Penilaian teknikal pra kelayakan akan hanya dibuat ke atas perunding yang lulus semakan kecukupan dokumen mandatori.

2.4. Penilaian Teknikal Pra Kelayakan

2.4.1. JPP hendaklah membuat penilaian teknikal pra kelayakan kriteria penilaian yang telah ditetapkan. Borang Penilaian Teknikal Pra Kelayakan seperti di **Lampiran 3**.

2.4.2. Setiap ahli hendaklah menilai kesemua cadangan perunding secara individu dan proses penilaian tersebut hendaklah dibuat secara bermesyuarat.

2.4.3. Sekiranya terdapat cadangan perunding yang mempunyai markah penilaian teknikal yang sama (markah seri), JPP hendaklah melihat kepada markah yang telah diberikan ke atas kriteria kakitangan dan metodologi firma-firma berkenaan dan mengutamakan firma yang mempunyai markah tertinggi dalam kedua-dua kriteria tersebut.

2.4.4. Selepas penilaian teknikal pra kelayakan selesai, JPP hendaklah membuat rumusan penilaian dengan menyusun firma mengikut kedudukan markah penilaian teknikal tertinggi.

2.5. Perakuan JPP : Senarai Pendek Perunding

2.5.1. JPP hendaklah memperakukan semua perunding yang lulus penilaian teknikal pra kelayakan untuk pertimbangan senarai pendek oleh PBM. Borang Perakuan adalah seperti format di **Lampiran 4**.

2.6. Pertimbangan PBM : Kelulusan Senarai Pendek

2.6.1. Sekiranya kertas perakuan yang disediakan oleh JPP adalah tidak lengkap, urusetia PBM berhak menolak untuk dilengkapkan semula oleh JPP. Sekiranya lengkap, Urusetia PBM hendaklah mengadakan mesyuarat dengan kadar segera.

2.6.2. PBM mempertimbangkan dan meluluskan senarai perunding yang layak dan lulus penilaian teknikal pra kelayakan untuk disaring ke peringkat kedua.

2.6.3. Sekiranya LP Agensi tidak dapat mencapai persetujuan secara sebulat suara, keputusan hendaklah dimuktamadkan oleh satu peringkat PBM yang lebih tinggi atau LP Agensi boleh memutuskan supaya JPP membuat penilaian/perakuan semula.

2.6.4. Borang Keputusan PBM adalah seperti di **Lampiran 5.**

2.6.5. Setelah keputusan dibuat, urusetia PBM hendaklah memaklumkan keputusan tersebut kepada Agensi untuk membolehkan Agensi mengeluarkan Surat Pelawaan untuk panggilan ke tender peringkat kedua.

3. Peringkat 2 : Perunding Yang Disenarai Pendek

3.1. Pelawaan Kepada Perunding Yang Disenarai Pendek

3.1.1. Agensi hendaklah mengeluarkan surat pelawaan beserta dokumen pelawaan kepada perunding yang telah disenaraipendek oleh PBM untuk mengemukakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos.

3.1.2. Tempoh pelawaan hendaklah **sekurang-kurangnya 40 hari** berturut-turut dari tarikh surat pelawaan sehingga tarikh tender ditutup. Agensi hendaklah memastikan syarikat yang dipelawa mempunyai masa yang mencukupi untuk mengisi tender dokumen dan seterusnya mengemukakan tawaran sebelum tarikh tutup.

3.1.3. Format Surat Pelawaan adalah seperti di **Lampiran 6**.

3.1.4. Tempoh sah laku tawaran perunding adalah **sekurang-kurangnya 90 hari** berturut-turut daripada tarikh tutup pelawaan. Sebarang pelanjutan ke atas tempoh sah laku tawaran perunding hendaklah diperolehi daripada Pengerusi LP Agensi.

1.1.1. Pegawai Agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengedar surat dan dokumen pelawaan tersebut kepada perunding, hendaklah melengkapkan Borang Senarai Edaran seperti di **Lampiran 1** untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pembuka Tender.

3.2 Pembukaan Peti Tender Perunding Yang Disenarai Pendek

1.2.1. Semua peti tender hendaklah dilabelkan dengan maklumat berikut:

(a) Tajuk Iklan;
(b) Tarikh & Masa Tutup tender;
(c) “Cadangan Teknikal”; dan
(d) “Cadangan Kos”

1.2.2. Sebaik sahaja tender ditutup, Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pembuka Tender.

1.2.3. Selepas tender terbuka ditutup, peti tender hendaklah dibuka dengan kadar segera oleh Jawatankuasa Pembuka Tender tidak lewat dari 3 hari bekerja.

1.2.4. Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah melengkapkan Borang Jadual Tender seperti di **Lampiran 2**, memastikan bahawa cadangan kos dan cadangan teknikal dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri dan Borang Jadual Tender beserta Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos perunding dikemukakan kepada JPP.

3.3 Semakan Kecukupan Dokumen Mandatori Perunding

1.3.1. Sebaik sahaja penerimaan Borang Jadual Tender beserta Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos perunding, Urusetia JPP hendaklah mengadakan mesyuarat penilaian JPP dengan kadar segera.

1.3.2. Urusetia JPP hendaklah mengedarkan dokumen-dokumen berikut semasa mesyuarat untuk tindakan ahli JPP:

(a) Senarai Edaran Dokumen;
(b) Borang Jadual Tender;
(c) Surat Akuan Ahli/ Pengerusi/ Urusetia Bagi Lembaga/ Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding;
(d) Surat Akuan Selesai Tugas Ahli/ Pengerusi/ Urusetia Bagi Lembaga/ Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding (diisi sebaik sahaja selesai tugas);

(e) Cadangan Teknikal;
(f) Dokumen Pelawaan Asal;
(g) Perincian anggaran kos perkhidmatan perunding; dan
(h) Kriteria Penilaian, Skema Pemarkahan dan markah lulus penilaian teknikal yang telah ditetapkan terdahulu oleh JPP.

1.3.3. JPP membuat semakan ke atas kecukupan dokumen mandatori perunding bagi membolehkan penilaian teknikal dibuat. Penilaian teknikal akan hanya dibuat ke atas perunding yang lulus semakan kecukupan dokumen mandatori.

3.4 Penilaian Teknikal

3.4.1 JPP hendaklah membuat penilaian teknikal terlebih dahulu berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan. Borang Penilaian Teknikal seperti di **Lampiran 7**.

3.4.2 Setiap ahli hendaklah menilai kesemua cadangan secara individu dan proses penilaian tersebut hendaklah dibuat secara bermesyuarat.

3.4.3 Sekiranya terdapat cadangan perunding yang mempunyai markah penilaian teknikal yang sama (markah seri), JPP hendaklah melihat kepada markah yang telah diberikan ke atas kriteria kakitangan dan metodologi firma-firma berkenaan dan mengutamakan firma yang mempunyai markah tertinggi dalam kedua-dua kriteria tersebut.

3.4.4 Selepas penilaian teknikal selesai, JPP hendaklah membuat rumusan penilaian dengan menyusun firma mengikut kedudukan markah penilaian teknikal tertinggi.

3.4.5 Berdasarkan rumusan penilaian teknikal yang dikemukakan oleh ahli JPP, Urusetia JPP hendaklah mengedarkan Cadangan Kos perunding yang lulus penilaian teknikal kepada JPP untuk penilaian kos seterusnya. Penilaian kos hanya dibuat untuk firma yang lulus penilaian teknikal sahaja.

3.5 Penilaian Kos

3.5.1 JPP hendaklah membuat penilaian kos dengan memastikan perkara berikut:

(a) Penetapan yuran perunding mematuhi peraturan perolehan perunding yang berkuatkuasa;

(b) Kos keseluruhan perkhidmatan perunding hendaklah tidak termasuk Cukai Perkhidmatan;

(c) Kos imbuhan balik hendaklah disertakan butiran terperinci dan item serta kadar mematuhi peraturan perolehan perunding yang berkuatkuasa;

(d) Tawaran harga perunding tidak melebihi anggaran kos siling perunding yang diluluskan oleh JPP sebagai anggaran Jabatan; dan

(e) Sekiranya terdapat sebarang kesilapan arithmetik atau ketidakpatuhan ke atas kadar-kadar yang telah ditetapkan, JPP hendaklah mencatatkan kesilapan tersebut di dalam laporan kepada PBM. Sekiranya JPP membuat pembetulan ke atas kesilapan arithmetik atau ketidakpatuhan ke atas kadar-kadar yang telah ditetapkan dan pembetulan tersebut memberi kesan kepada susunan kedudukan, JPP hendaklah membuat penyenaraian tambahan sebagai perbandingan.

3.5.2 Selepas penilaian kos disempurnakan, ahli JPP hendaklah membuat rumusan penilaian dengan menyusun firma mengikut tawaran kos terendah. Bagi perunding yang memberikan cadangan kos yang terendah, markah 100% akan diberikan manakala cadangan kos yang selebihnya akan diberi markah mengikut kadar kos yang dicadangkan (*inversely proportional to their prices*).

Contoh :

Bil.	**Nama Firma**	**Kos Yang Ditawarkan Oeh Perunding (RM)**	**Formula Pemarkahan**	**Markah (%)**
1.	Firma A	1,950,000.00	100	100.00
2.	Firma B	1,980,000.00	A/B x 100	98.48
3.	Firma C	2,100,000.00	A/C x 100	92.86
4.	Firma D	2,300,000.00	A/D x 100	84.78

3.5.3 Borang Penilaian Kos seperti di **Lampiran 8**.

3.6 Penilaian Keseluruhan

3.6.1 JPP seterusnya membuat penilaian keseluruhan berdasarkan *Quality and Cost Based Selection* (QCBS) seperti berikut:

(a) Formula menentukan markah keseluruhan :

$$\text{Markah Keseluruhan} = (Q \times W_1) + (C \times W_2)$$

(b) Petunjuk adalah seperti berikut:

Q	:	Markah Penilaian Teknikal
W_1	:	Wajaran Penilaian Teknikal
C	:	Markah Penilaian Kos
W_2	:	Wajaran Penilaian Kos

(c) Wajaran Penilaian Keseluruhan adalah ditetapkan seperti berikut:

Wajaran untuk Penilaian Teknikal ***W₁***	**Wajaran untuk Penilaian Kos** ***W₂***	**Wajaran Penilaian Keseluruhan**
80%	20%	100%

3.6.2 Borang Penilaian Keseluruhan adalah ditetapkan seperti di **Lampiran 9**.

3.7 Perakuan JPP: Perunding dan Kos

3.7.1 JPP hendaklah memperakukan perunding yang mendapat kedudukan tertinggi bagi penilaian keseluruhan. Borang Perakuan adalah seperti format di **Lampiran 10**.

3.8 Pertimbangan PBM: Kelulusan Perunding dan Kos

3.8.1 Sekiranya kertas perakuan yang disediakan oleh JPP adalah tidak lengkap, urusetia PBM berhak menolak untuk dilengkapkan semula oleh JPP. Sekiranya lengkap, Urusetia PBM hendaklah mengadakan mesyuarat dengan kadar segera.

3.8.2 PBM mempertimbangkan dan meluluskan pelantikan perunding berserta kos perunding berdasarkan perakuan JPP atau membuat pilihan petender yang lain.

3.8.3 Sekiranya LP Agensi tidak dapat mencapai persetujuan secara sebulat suara, keputusan hendaklah dimuktamadkan oleh satu peringkat PBM yang lebih tinggi atau LP Agensi boleh memutuskan supaya JPP membuat penilaian/perakuan semula.

3.8.4 Borang Keputusan PBM adalah seperti di **Lampiran 11.**

3.8.5 Setelah keputusan dibuat, urusetia PBM hendaklah memaklumkan keputusan tersebut kepada Agensi untuk membolehkan Agensi mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada firma yang berjaya.

3.9 Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure*)

1.8.1. Sebarang bantahan ke atas perolehan yang tertakluk kepada FTA boleh dibuat oleh petender dan hendaklah merujuk di PK2.1.

3.10 Penjelasan Berhubung Proses Perolehan Kerajaan (*Debriefing*) bagi Perolehan Tertakluk kepada FTA

3.10.1 Tatacara debriefing bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA dinyatakan di PK2.1.

3.11 Pelantikan Rasmi Perunding

3.11.1 Agensi mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding yang berjaya setelah kos dimuktamadkan oleh PBM serta menguruskan penyediaan dokumen perjanjian untuk ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST oleh perunding.

3.12 Paparan Keputusan Perunding Yang Berjaya

3.12.1 Agensi hendaklah memaparkan nama perunding yang berjaya di laman web *Myprocurement Portal* dan laman web Agensi masing-masing sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh pengakuan penerimaan Surat Setuju Terima oleh perunding.

4. Tarikh Kuat Kuasa

4.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

SENARAI EDARAN DOKUMEN

Tajuk Iklan/Projek/Kajian:						
Tarikh & Masa Pengedaran Dokumen	**No Siri Dokumen**	**Nama Firma Perunding**	**No. Pendaftaran MOF/ROC/ ROB**	**Nama Wakil Firma**	**No. Kad Pengenalan/ Pasport**	**Tandatangan Wakil Firma**

Bilangan Dokumen yang disediakan (diisi oleh Agensi) :

Bilangan Dokumen yang telah diedarkan (diisi oleh Agensi) :

Tandatangan Pegawai Agensi :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Tarikh :

LAMPIRAN 2

BORANG JADUAL TENDER

(Untuk Disediakan Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender)

Tajuk Iklan :
Tarikh Tutup Pelawaan:
Masa Tutup Pelawaan :

Nama Firma Perunding	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tamat Pendaftaran dengan MOF	Tempoh Sah Laku Tawaran	Tempoh Siap Kajian (hanya untuk kajian fizikal/bukan fizikal sahaja)	Dokumen Wajib Yang Tidak Dikemukakan/ Tidak Lengkap

Sebanyak …… bilangan firma yang menyertai tender*terhad/terbuka tanpa pra kelayakan/terbuka melalui pra kelayakan telah diterima dan dibuka pada tarikh ..... jam ..... seperti di jadual di atas.

Pengesahan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender

Nama	Jawatan	Tandatangan

Tarikh:

**Potong mana yang berkenaan.*

LAMPIRAN 3

FORMAT PENILAIAN TEKNIKAL PRA KELAYAKAN

TAJUK IKLAN **:……..**
BILANGAN KERTAS TENDER YANG DINILAI **:……bil**
MARKAH LULUS TEKNIKAL PRA KELAYAKAN YANG DITETAPKAN **:…… %**

Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Wajaran yg ditetapkan (%)	FIRMA 1				FIRMA 2				FIRMA 3			
		Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %	Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %	Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %
1 Kapabiliti Firma													
2 Kakitangan yang terlibat													
JUMLAH													
NYATAKAN LULUS/GAGAL PENILAIAN TEKNIKAL													
KEDUDUKAN													

Tandatangan Pengerusi dan Ahli JPP:

Nama	Jawatan/Wakil Kementerian	Tandatangan

Tarikh:

LAMPIRAN 4

FORMAT KERTAS PERAKUAN KEPADA PBM
SENARAI PENDEK PERUNDING
SECARA TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN

Tajuk Permohonan: Nama Projek/Kajian
Jenis Permohonan: Kelulusan Senarai Pendek Perunding Secara Tender Terbuka Pra Kelayakan
Kod dan Nama Bidang Perkhidmatan Perunding: (sila nyatakan)

BIL	PERKARA		
1.	**TUJUAN & JUSTIFIKASI PERMOHONAN (sila nyatakan)**		
2.	**MAKLUMAT PROJEK/KAJIAN**		
	a. Tajuk Projek/Kajian	:	(sila nyatakan tajuk mengikut nama projek/kajian yang telah diluluskan oleh EPU)
	b. Sumber Pembiayaan	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Kerajaan Persekutuan ☐ Kerajaan Negeri ☐ PFI ☐ Dana Asing : (sila nyatakan) ☐ Lain-lain : (sila nyatakan)
	c. Jenis Peruntukan	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Pembangunan ☐ Mengurus ☐ Lain-Lain : (sila nyatakan)
	d. Kod Setia (untuk peruntukan pembangunan sahaja)		(sila nyatakan 14 digit nombor kod setia)
	e. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU	:	(sila nyatakan kos siling dalam RM bagi projek/kajian yang akan dilaksanakan)
	f. Kategori Projek/Kajian	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Pembangunan Fizikal ☐ Kajian Fizikal ☐ Kajian Bukan Fizikal ☐ Alam Sekitar ☐ Ukur Tanah
	g. Peruntukan Tahun Semasa	:	(sila nyatakan)
	h. Tempoh Projek/Kajian	:	(sila nyatakan dalam bulan/minggu)
	i. Lokasi Projek/Kajian	:	(sila nyatakan)
	j. Kementerian/Agensi Pengguna	:	(sila nyatakan)
	k. Kementerian/Agensi Pelaksana	:	(sila nyatakan)

3.	**MAKLUMAT LANTIKAN**		
	a. Kaedah Lantikan	:	Tender Terbuka Melalui Pra Kelayakan
	b. Kaedah Pembayaran	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ *Fixed Fee* ☐ Input Masa
	c. Tempoh Perkhidmatan Perunding	:	(sila nyatakan tempoh dalam bulan/minggu)

d. Skop Perkhidmatan Perunding :

	Pembangunan Fizikal Sila tandakan(✓)pada skop yang berkaitan		**Kajian** Sila tandakan(✓)pada skop yang berkaitan
☐	Reka bentuk Skematik	☐	Penyediaan Pelan Induk
☐	Reka bentuk Terperinci	☐	Kajian Kejuruteraan/Teknikal
☐	Peringkat Pembinaan	☐	Perancangan Bandar & Wilayah
☐	Pengawasan Tapak	☐	Kajian Alam Sekitar
☐	Ukur Tanah	☐	Lain-lain: (sila nyatakan)
☐	Penyediaan Dokumen Tender		
☐	*Additional/Special Service*		

e. Anggaran Kos Perkhidmatan Perunding Yang Dipohon Agensi :

Yuran Perunding (YP) (RM)	**Kos Imbuhan Balik (IB) (RM)**	**Cukai Perkhidmatan 6% x (YP+IB) (RM)**	**Jumlah Keseluruhan (RM)**

4.	**MAKLUMAT PENGIKLANAN TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN**		
	No. Rujukan Iklan	:	(sila nyatakan)
	Tarikh Iklan Dibuka	:	(sila nyatakan)
	Tarikh & Masa Tutup Iklan	:	(sila nyatakan)
	Tempat, tarikh dan masa taklimat tender oleh agensi (jika ada)	:	(sila nyatakan)
	Bilangan dokumen pelawaan yang telah diedar	:	(sila nyatakan)
	Bilangan firma yang menyertai tender (telah mengemukakan cadangan)	:	(sila nyatakan)

5.	**MAKLUMAT PENILAIAN FIRMA**		
	Tarikh Mesyuarat JPP	:	(sila nyatakan)
	Kriteria Penilaian Pra Kelayakan	:	(sila nyatakan)
	Bilangan Cadangan Perunding Yang Dinilai Justifikasi	:	(sila nyatakan)
	Bilangan Cadangan Perunding Yang Tidak Dinilai & Nyatakan Justifikasi	:	(sila nyatakan)
	Bilangan Firma Yang Disenarai Pendek Oleh JPP	:	(sila nyatakan)

6.	**PERAKUAN SENARAI PENDEK FIRMA OLEH JPP**

Ringkasan Penilaian adalah seperti berikut:

Nama Firma	**Maklumat Ringkas Penilaian**	
	Markah (%)	**Kedudukan**
Firma 1		
Firma ……..		

7.	**SENARAI DOKUMEN SOKONGAN**

1. Surat Permohonan Agensi
2. Terma Rujukan
3. Salinan surat Kelulusan Peruntukan EPU
4. Salinan kebenaran bertulis mendapatkan perkhidmatan perunding daripada Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa
5. Salinan surat Pelepasan Jabatan Teknik/MAMPU
6. Profil Firma Perunding Yang Berdaftar dengan MOF (Janaan daripada sistem e-Perunding)
7. Profil Firma Perunding Yang Tidak Berdaftar/Asing (diperolehi daripada firma tersebut) berserta surat kelulusan Kementerian Kewangan (jika berkaitan)
8. Salinan iklan tender
9. Kriteria penilaian pra kelayakan
10. Penilaian keseluruhan firma perunding yang menyertai tender yang telah disahkan oleh JPP
11. Salinan surat lantikan JPP
12. Minit Mesyuarat JPP
13. Lain-lain yang berkaitan

Disediakan Oleh : Urusetia JPP
Tarikh :

LAMPIRAN 5

FORMAT KEPUTUSAN MESYUARAT PBM
SENARAI PENDEK PERUNDING
SECARA TENDER TERBUKA MELALUI PRA KELAYAKAN

1. Bil Mesyuarat : …….
2. Tarikh Mesyuarat : ……
3. Kementerian/Agensi Yang Memohon : ……
4. Nama Projek/Kajian : …….....
5. Sumber Pembiayaan : .....
6. Jenis Peruntukan : .....
7. Kod SETIA Projek : .....
8. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU : ……
9. Kategori Projek/Kajian : .....
10. Peruntukan Tahun Seamsa : .....
11. Tempoh Projek/Kajian : …….
12. Lokasi Projek/Kajian : .....
13. Kementerian/Agensi Pengguna : .....
14. Kementerian/Agensi Pelaksana : .....
15. Tempoh Perkhidmatan Perunding : .....
16. Angaran Kos Perkhidmatan Perunding : .....
17. Kaedah Lantikan : Tender Terbuka Pra Kelayakan
18. No. Rujukan Iklan : …….
19. Tarikh & Masa Buka & Tutup Iklan : .....
20. Tempat, Tarikh & Masa Taklimat Tender oleh Agensi (jika berkaitan) : .....
21. Senarai Pendek Perunding Yang Diluluskan adalah seperti berikut:

Bidang Perunding	**Skop Perkhidmatan**	**Nama, No. Pendaftaran Kementerian Kewangan & Alamat Firma**	**Ulasan/Syarat Tambahan PBM (sekiranya ada)**

22. Tandatangan Ahli PBM :

Nama	**Jawatan / Wakil Kementerian**	**Keputusan**	**Tandatangan**
	Pengerusi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	

LAMPIRAN 6

SURAT PELAWAAN

(Nama & Alamat Firma)
……..
……..

Rujukan Agensi:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan tuan telah disenarai pendek dan Kerajaan berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk projek/kajian seperti berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Projek/Kajian :	(sila nyatakan tajuk projek/kajian)
2	Tempoh Projek/Kajian :	(sila nyatakan tempoh pelaksanaan projek/kajian-bil. minggu/bulan)
3	Kategori Projek/Kajian :	(sila nyatakan sama ada projek fizikal/kajian fizikal/kajian bukan fizikal)
4	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding :	(sila nyatakan dengan merujuk kod bidang perunding)
5	Kaedah Pelantikan :	(sila nyatakan)
6	Kaedah Bayaran Yuran Perunding:	(sila nyatakan sama ada *Fixed Fee*/ Input Masa*)*
7	Terma Rujukan	(sila lampirkan)
8	Tempoh Sah Laku Tawaran Yang Ditetapkan Oleh Agensi	(sila nyatakan – sekurang-kurangnya **90** hari daripada tarikh tutup tender)

3. Sila maklumkan secara rasmi dengan menggunakan **Borang Jawapan** seperti **Lampiran A** kepada Agensi ini dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat ini ditandatangani melalui **emel atau faks** sama ada tuan bersetuju/tidak bersetuju dengan pelawaan ini.

4. Jika tuan bersetuju dengan pelawaan ini, sila kemukakan cadangan tuan berdasarkan ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Agensi Yang Mempelawa	(sila nyatakan)
2	Alamat Agensi	(sila nyatakan)
3	Tarikh & Masa Tutup Tender – *cadangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan*	(sila nyatakan)
4	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	(sila nyatakan)

5. Sila ambil maklum bahawa tuan adalah dipohon untuk mengemukakan cadangan tuan di dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri dan ditandakan “Cadangan Teknikal” dan “Cadangan Kos” di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang dikemukakan hendaklah berdasarkan kepada Dokumen Pelawaan Pra Kelayakan yang dilampirkan bersama-sama dengan surat ini.

6. Bersama-sama surat ini juga disertakan Surat Akuan Perunding untuk perhatian dan tandatangan tuan sekiranya tuan bersetuju dengan kandungan surat tersebut. Sila sertakan surat yang telah ditandatangani tersebut bersama-sama dengan cadangan tuan.

7. Sekiranya tuan bersetuju untuk menyertai pelawaan ini, namun demikian menarik diri dalam tempoh penyediaan cadangan pihak tuan/sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tuan hendaklah memaklumkan kepada Agensi ini dengan kadar segera.

8. Walaubagaimanapun, sekiranya tuan telah terpilih secara rasmi dan kemudiannya menarik diri selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tindakan ke atas tuan akan diambil selaras dengan peraturan Perbendaharaan yang berkuat kuasa**.**

9. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak lain.

10. Surat ini hanyalah suatu surat pelawaan dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

……..
(Nama Penuh Pegawai & Agensi)

Lampiran A

BORANG JAWAPAN

(Nama & Alamat Agensi)
……..
……..

Rujukan Firma:……..
Tarikh :…….

Tuan,

PROJEK/KAJIAN:
Per: Jawapan Kepada Surat Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat/faks tuan bertarikh _____adalah berkaitan.

2. Dengan ini, saya yang mewakili (Nama Penuh Firma) **bersetuju/tidak bersetuju*** dengan pelawaan oleh pihak tuan bagi memberi/menawarkan perkhidmatan perunding untuk pelaksanaan projek/kajian di atas.

**3. Dengan persetujuan pelawaan ini, saya mengambil maklumkan akan syarat-syarat yang telah diperjelaskan oleh pihak tuan melalui surat pelawaan (sila nyatakan rujukan Agensi) bertarikh (sila nyatakan tarikh surat pelawaan Agensi).

Sekian, terima kasih.

……..
(Nama Penuh Wakil Firma)
Jawatan
Nama Firma
No. Kad Pengenalan

Nota:
*Potong mana yang tidak berkaitan
** Sekiranya firma memilih untuk tidak bersetuju, para ini adalah tidak berkaitan.

LAMPIRAN 7

FORMAT PENILAIAN TEKNIKAL

TAJUK IKLAN :……..
BILANGAN KERTAS TENDER YANG DINILAI :……bil
MARKAH LULUS TEKNIKAL YANG DITETAPKAN :…… %

Kriteria Utama Penilaian Teknikal		Wajaran yg ditetapkan (%)	FIRMA 1				FIRMA 2				FIRMA 3			
			Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %	Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %	Penilaian Ahli JPP 1	Penilaian Ahli JPP 2	Penilaian Ahli JPP 3	Purata Markah %
1	Kapabiliti Firma													
2	Kakitangan yang terlibat													
3	Metodologi													
4	Program Kepastian Kualiti													
5	Sesi Pembentangan oleh Perunding (Sekiranya Perlu)													
JUMLAH														
NYATAKAN LULUS/GAGAL PENILAIAN TEKNIKAL														
KEDUDUKAN														

Tandatangan Pengerusi dan Ahli JPP:

Nama	Jawatan/Wakil Kementerian	Tandatangan

Tarikh:

LAMPIRAN 8

FORMAT PENILAIAN KOS

TAJUK IKLAN : .....

BIL. DOKUMEN PELAWAAN YANG LULUS PENILAIAN TEKNIKAL ..... bil.

KOS TERENDAH YANG DITAWARKAN : RM..... (nyatakan) bersamaan wajaran 100%

KRITERIA		KOS DITAWARKAN		
		FIRMA 1	FIRMA 2	FIRMA 3
A	YURAN PERUNDING			
	1 *Basic Services*			
	2 *Basic Services (Other Associated Consultants)*			
	3 *Additional Services*			
B	KOS PENYELIAAN TAPAK (sekiranya berkaitan)			
	1 Kakitangan Ikhtisas			
	2 Kakitangan Separa Ikhtisas			
C	KOS IMBUHAN BALIK			
JUMLAH (RM)				
PEMARKAHAN *(Kos Terendah/Kos Ditawarkan x 100)*				
KEDUDUKAN				

Tandatangan Pengerusi dan Ahli JPP :

Nama	Jawatan/Wakil Kementerian	Tandatangan

Tarikh :

LAMPIRAN 9

FORMAT PENILAIAN KESELURUHAN

TAJUK IKLAN : ……
BILANGAN DOKUMEN PELAWAAN YANG DINILAI ..... bil.
BILANGAN DOKUMEN PELAWAAN YANG LULUS PENILAIAN TEKNIKAL ..... bil.

		FIRMA		
A	**MARKAH PENILAIAN TEKNIKAL (%)**	**FIRMA 1**	**FIRMA 2**	**FIRMA 3**
	1 Markah (%)			
	2 Status LULUS/GAGAL			
	3 Kedudukan Teknikal			
	4 Skor Teknikal *(Markah X 80%)*	**/80**	**/80**	**/80**
B	**KOS DITAWARKAN (RM)**			
	1 Markah (%)			
	2 Kedudukan Kos			
	3 Skor Kos *(Markah X 20%)*	**/20**	**/20**	**/20**
	SKOR KESELURUHAN *(Skor Teknikal + Skor Kos)*	**/100**	**/100**	**/100**
	KEDUDUKAN KESELURUHAN			
	PERUNDING YANG DIPERAKUKAN "✓"			
	ULASAN (jika ada)			

Tandatangan Pengerusi dan Ahli JPP:

Nama	Jawatan/Wakil Kementerian	Tandatangan

Tarikh :

LAMPIRAN 10

FORMAT KERTAS PERAKUAN KEPADA PBM
PELANTIKAN PERUNDING & KOS
SECARA TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN

Tajuk Permohonan: Nama Projek/Kajian
Jenis Permohonan: Kelulusan Pelantikan Perunding Dan Kos Secara Tender Terbuka Pra Kelayakan
Kod dan Nama Bidang Perkhidmatan Perunding: (sila nyatakan)

BIL	PERKARA		
1.	**TUJUAN & JUSTIFIKASI PERMOHONAN (sila nyatakan)**		
2.	**MAKLUMAT PROJEK/KAJIAN**		
	a. Tajuk Projek/Kajian	:	(sila nyatakan tajuk mengikut nama projek/kajian yang telah diluluskan oleh EPU)
	b. Sumber Pembiayaan	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Kerajaan Persekutuan ☐ Kerajaan Negeri ☐ Bank Dunia ☐ PFI ☐ Bank Pembangunan Asia ☐ Lain-lain : (sila nyatakan)
	c. Jenis Peruntukan	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Pembangunan ☐ Mengurus ☐ Lain-Lain : (sila nyatakan)
	d. Kod Setia (untuk peruntukan pembangunan sahaja)		(sila nyatakan 14 digit nombor kod setia)
	e. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU	:	(sila nyatakan kos siling dalam RM bagi projek/kajian yang akan dilaksanakan)
	f. Jenis Projek/Kajian	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Pembangunan Fizikal ☐ Kajian Fizikal ☐ Kajian Bukan Fizikal ☐ Alam Sekitar ☐ Ukur Tanah
	g. Peruntukan Tahun Semasa	:	(sila nyatakan)
	h. Tempoh Projek/Kajian	:	(sila nyatakan dalam bulan/minggu)
	i. Lokasi Projek/Kajian	:	(sila nyatakan)
	j. Kementerian/Agensi Pengguna	:	(sila nyatakan)

	k. Kementerian/Agensi Pelaksana	:	(sila nyatakan)

3.	**MAKLUMAT LANTIKAN**		
	a. Kaedah Lantikan	:	Tender Terbuka Melalui Pra Kelayakan
	b. Kaedah Pembayaran	:	*Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan* ☐ Skala Yuran Piawai ☐ Input Masa

c. Skop Perkhidmatan Perunding :

	Pembangunan Fizikal Sila tandakan(✓)pada skop yang berkaitan		**Kajian** Sila tandakan(✓)pada skop yang berkaitan
☐	Reka bentuk Skematik	☐	Penyediaan Pelan Induk
☐	Reka bentuk Terperinci	☐	Kajian Kejuruteraan/Teknikal
☐	Peringkat Pembinaan	☐	Perancangan Bandar & Wilayah
☐	Pengawasan Tapak	☐	Kajian Alam Sekitar
☐	Ukur Tanah	☐	Lain-lain: (sila nyatakan)
☐	Penyediaan Dokumen Tender		
☐	*Additional/Special Service*		

d. Anggaran Kos Perkhidmatan Perunding Yang Dipohon Agensi (mengikut bidang) :

Bidang	**Yuran Perunding (YP) (RM)**	**Kos Imbuhan Balik (IB) (RM)**	**Cukai Perkhidmatan 6% x (YP+IB)**	**Jumlah (RM)**

4.	**MAKLUMAT KELULUSAN SENARAI PENDEK**		
	a. Tarikh Kelulusan	:	(sila nyatakan)
	b. Senarai Firma Yang Diluluskan	:	(sila lampirkan)

5.	**MAKLUMAT PENILAIAN FIRMA**		
	a. Tarikh Tutup Iklan	:	(sila nyatakan)
	b. Bilangan Firma Yang Mengemukakan Cadangan	:	(sila nyatakan)
	c. Bilangan Cadangan Perunding Yang Tidak Dinilai & Nyatakan Justifikasi	:	(sila nyatakan)
	d. Perakuan Oleh JPP	:	(sila lampirkan Keputusan Penilaian Keseluruhan Teknikal dan Kos firma yang telah ditandatangani oleh JPP)

6.	**SENARAI DOKUMEN SOKONGAN**
	i. Terma Rujukan ii. Kelulusan Senarai Pendek oleh JPP iii. Kriteria penilaian dan markah lulus yang telah ditetapkan iv. Penilaian keseluruhan firma perunding yang menyertai tender (penilaian teknikal dan penilaian kos) v. Salinan surat lantikan JPP vi. Minit mesyuarat JPP vii. Salinan Borang Jadual Tender viii. Lain-lain yang berkaitan

Disediakan Oleh : Urusetia JPP
Tarikh :

LAMPIRAN 11

FORMAT KEPUTUSAN MESYUARAT PBM PELANTIKAN PERUNDING & KOS SECARA TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN

1. Bil Mesyuarat : ……
2. Tarikh Mesyuarat : ……
3. Kementerian/Agensi Yang Memohon : ……
4. Tajuk Projek/Kajian : ……
5. Sumber Pembiayaan : .....
6. Jenis Peruntukan : .....
7. Kod SETIA Projek : .....
8. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU : ……...
9. Kategori Projek/Kajian : .....
10. Peruntukan Tahun Semasa : .....
11. Tempoh Projek/Kajian : …….
12. Lokasi Projek/Kajian : .....
13. Kementerian/Agensi Pengguna : .....
14. Kementerian/Agensi Pelaksana : .....
15. Tempoh Perkhidmatan Perunding : .....
16. Tarikh & Masa Tutup Tender Terbuka Pra Kelayakan: ……
17. Tarikh Kelulusan Senarai Pendek Perunding : ……
18. Perunding Yang Diluluskan adalah seperti berikut :

Bidang Perunding	**Skop Perkhidmatan**	**Nama, No. Pendaftaran Kementerian Kewangan & Alamat Firma**	**Kaedah Bayaran (*Fixed Fee*/ Input Masa)**	**Kos Perkhidmatan Perunding**	**Cukai Perkhidmatan**	**Ulasan/Syarat Tambahan PBM (sekiranya ada)**

19. Tandatangan Ahli PBM :

Nama	**Jawatan / Wakil Kementerian**	**Keputusan**	**Tandatangan**
	Pengerusi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	
	Wakil Agensi	Setuju/Tidak Setuju	

PK 3.8

KERAJAAN MALAYSIA

Surat Setuju Terima dan Perjanjian Perunding

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 3.8 SURAT SETUJU TERIMA DAN PERJANJIAN PERUNDING 1

1. Pelantikan Rasmi Perunding 1

2. Surat Setuju Terima 1

4. Kuasa Menandatangani SST dan Perjanjian Perunding..... 3

5. Bayaran Kepada Perunding Selepas SST Dikeluarkan Tetapi Sebelum Perjanjian Ditandatangani 3

6. Penggunaan Bahasa Inggeris Di Dalam Perjanjian Perunding 3

7. Pengemukaan Bon Pelaksanaan Bagi Perolehan Perunding 3

8. Tarikh Kuat Kuasa 4

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Format Surat Setuju Terima (SST) Bagi Perunding Yang Tidak Berdaftar Dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

Lampiran 2 : Format Surat Setuju Terima (SST) Bagi Perunding Yang Berdaftar Dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

Lampiran 3 : Format Perjanjian Perunding Arkitek

Lampiran 4 : Format Perjanjian Perunding Kejuruteraan

Lampiran 5 : Format Perjanjian Perunding Ukur Bahan

Lampiran 6 : Format Perjanjian Perunding Kajian

PK 3.8 SURAT SETUJU TERIMA DAN PERJANJIAN PERUNDING

1. Pelantikan Rasmi Perunding

1.1. Pelantikan rasmi perunding hendaklah dilaksanakan dengan mengeluarkan dokumen seperti berikut :

1.1.1. Surat Setuju Terima (SST); dan
1.1.2. Perjanjian Perunding.

2. Surat Setuju Terima

2.1. SST adalah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian. Ia adalah untuk mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan. Format SST perunding adalah seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.

2.2. SST hendaklah dikeluarkan kepada firma yang berjaya dengan kadar segera melalui pos laju daripada tarikh keputusan Pihak Berkuasa Melulus diterima oleh Agensi. Agensi adalah digalakkan untuk memaklumkan notis penghantaran SST kepada firma secara emel/faks.

2.3. Agensi hendaklah memastikan kandungan SST adalah jelas. Dokumen berikut hendaklah disertakan bersama dengan SST yang dikemukakan kepada firma :

2.3.1. Surat Akuan Perunding Yang Dilantik;
2.3.2. Butiran kos terperinci yang telah dipersetujui;
2.3.3. Jadual pelaksanaan projek/kajian yang telah diluluskan;dan
2.3.4. Carta ahli pasukan kerja berserta peranan serta tanggungjawab yang telah diluluskan.

2.4. Dengan pengeluaran SST tanpa bersyarat dan persetujuan oleh perunding, suatu ikatan kontrak telah terwujud antara Kerajaan dengan perunding yang ditawarkan.

2.5. Perunding hendaklah mengembalikan kepada Kerajaan salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh perunding berserta cop rasmi dan saksi perunding dalam tempoh yang ditetapkan (3/7/14 hari) dari tarikh SST tersebut, untuk rekod dan tindakan Kerajaan selanjutnya. Sekiranya perunding tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan dan setelah Agensi memberi peringatan kepada perunding tetapi masih gagal untuk mengemukakan maklum balas, SST tersebut boleh terbatal dengan sendirinya.

2.6. Agensi juga hendaklah memastikan sebelum SST ditandatangani oleh perunding yang dilantik, beberapa perkara hendaklah dipatuhi dan sekiranya didapati terdapat kecuaian di pihak pegawai awam ke atas

perkara tersebut, tindakan tatatertib akan dikenakan. Perkara yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

2.6.1. Perunding yang ingin dilantik adalah bebas daripada sebarang tindakan undang-undang seperti muflis, jenayah dan tatatertib daripada mana-mana badan kawal selia seperti Unit Pendaftaran Syarikat di Kementerian Kewangan dan Lembaga Profesional bidang masing-masing dengan mengemukakan satu Surat Akuan Sumpah berhubung perkara ini; dan

2.6.2. Peruntukan bagi perolehan tersebut adalah mencukupi sebelum SST dikeluarkan kepada perunding yang dilantik dan tidak melebihi siling peruntukan yang ditetapkan.

2.7. Firma hanya boleh memulakan kerja apabila SST telah ditandatangani. Agensi tidak dibenarkan untuk mengeluarkan arahan memulakan kerja kepada perunding sebelum SST ditandatangani. Ketidakpatuhan ke atas arahan ini boleh mengakibatkan pembayaran di bawah AP59.

3. Perjanjian Perunding

3.1. Perjanjian merupakan satu ikatan rasmi di antara Kerajaan dengan firma dan mengandungi obligasi/persetujuan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan sepanjang tempoh perjanjian tersebut. Berikut adalah kepentingan Perjanjian :

3.1.1. Memelihara kepentingan Kerajaan;

3.1.2. Memastikan kedua-dua pihak mematuhi obligasi masing-masing sebagaimana dinyatakan di dalam perjanjian/kontrak yang ditandatangani;

3.1.3. Sekiranya ada pelanggaran/ketidak patuhan terma dan syarat perjanjian, dokumen perjanjian boleh digunakan untuk proses pendakwaan undang-undang / gantirugi; dan

3.1.4. Penjelasan mengenai tanggungjawab perunding di samping menjelaskan perkhidmatan yang bakal diberikan kepada Kerajaan dalam tempoh yang ditetapkan.

3.2. Bagi semua perolehan perunding tanpa mengira had nilai, SST hendaklah dikeluarkan dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh perunding. Format perjanjian perunding adalah seperti di **Lampiran 3 (Arkitek), Lampiran 4 (Kejuruteraan)**, **Lampiran 5 (Ukur Bahan)** dan **Lampiran 6 (Kajian)**. Bagi perjanjian ukur tanah atau kerja- kerja ukur lain, Agensi adalah dinasihatkan merujuk kepada Jabatan Ukur & Pemetaan Malaysia (JUPEM). Semua perjanjian ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Undang-Undang Agensi untuk semakan bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan peraturan perolehan perkhidmatan perunding yang berkuat kuasa.

4. Kuasa Menandatangani SST dan Perjanjian Perunding

4.1. Agensi hendaklah memastikan bahawa hanya pegawai awam yang telah diturunkan kuasa secara bertulis di bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak kerajaan. Had penurunan kuasa menandatangani SST dan Perjanjian oleh pegawai Kerajaan hendaklah selaras dengan AP200.1.

4.2. Pegawai yang tidak diberi penurunan kuasa untuk menandatangani perjanjian atau pegawai yang menandatangani dokumen perjanjian melebihi had nilai penurunan kuasa oleh Menteri boleh dikenakan tindakan tatatertib.

4.3. Bagi pihak perunding pula (kecuali perunding individu), Agensi hendaklah memastikan hanya penama dalam sijil pendaftaran Kementerian Kewangan sahaja yang menandatangani Surat Akuan Penerimaan SST dan dokumen perjanjian.

5. Bayaran Kepada Perunding Selepas SST Dikeluarkan Tetapi Sebelum Perjanjian Ditandatangani

5.1. Dengan pengeluaran SST tanpa bersyarat, suatu ikatan kontrak telah terwujud antara Kerajaan dengan perunding yang ditawarkan. Walau bagaimanapun, pembayaran kepada perunding selepas SST dikeluarkan tetapi sebelum dokumen perjanjian ditandatangani adalah tidak dibenarkan bagi semua perolehan perunding. Ini adalah bertujuan untuk memastikan penyediaan, pemuktamadan dan tandatangan dokumen perjanjian perunding disediakan dengan segera bagi memelihara kepentingan Kerajaan.

5.2. Oleh itu, Agensi hendaklah memastikan bahawa dokumen perjanjian perunding ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh perunding.

6. Penggunaan Bahasa Inggeris Di Dalam Perjanjian Perunding

6.1. Perjanjian piawai perunding ini adalah disediakan di dalam Bahasa Inggeris untuk digunakan bagi semua pelantikan perunding bagi projek pembangunan fizikal mahupun kajian Kerajaan.

7. Pengemukaan Bon Pelaksanaan Bagi Perolehan Perunding

7.1. Pengemukaan Bon Pelaksanaan selaras dengan AP176.2 adalah dikecualikan untuk perolehan perunding. Walau bagaimanpun, bagi perolehan perunding untuk projek pembangunan fizikal, pengemukaan *Profesional Indemnity Insurance* (PII) adalah diwajibkan.

8. Tarikh Kuat Kuasa

8.1. Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022.**
8.2. Pindaan berkuat kuasa pada **1 April 2023.**
8.3. Pindaan berkuat kuasa pada **1 Mac 2026.**

LAMPIRAN

No. * LTBKS/Tender/Kontrak ….*No LTBKS/ Tender/ Kontrak

LAMPIRAN 1
(Versi Bahasa Malaysia)

SURAT SETUJU TERIMA
(Bagi Lantikan Terus Beserta Kos Siling/Tender Perunding)
Untuk Perolehan Dengan Firma Perunding Yang **Tidak Berdaftar** Di Bawah JKDM Bagi **Perkhidmatan Perunding**
Yang Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Rujukan Kami : ……Rujukan Agensi……
Tarikh : ……Tarikh……

……Nama Syarikat……
……Alamat Syarikat……
……

Tuan,

***LantikanTerus Beserta Kos Siling /Tender Untuk : ……Tajuk *LTBKS/Tender……**
No. * Lantikan Terus Beserta Kos Siling /Tender/ Kontrak : ……No. *LTBKS/Tender/Kontrak……

Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran *lantikan terus berserta kos siling (LTBKS)/tender syarikat tuan dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia ……Harga kontrak dalam perkataan…… (RM……Harga kontrak dalam angka……) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama ……Hari/Minggu/Bulan/Tahun…… tertakluk kepada dokumen *LTBKS/tender yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan ***Lampiran A*** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai “Surat ini”).

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen *LTBKS/tender serta semua terma dalam ***Lampiran A***. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

3. Harga kontrak adalah tidak termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak Kadar peratusan berdasarkan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 % cukai perkhidmatan memandangkan syarikat tuan tidak berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sekiranya syarikat tuan telah berdaftar dengan JKDM, tuan adalah dikehendaki untuk memaklumkan nombor pendaftaran dan tarikh kuat kuasanya kepada Kerajaan untuk pelarasan harga kontrak dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat kelulusan JKDM. Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat **melainkan** jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

*(a) suatu polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional yang diambil atas nama syarikat tuan;
Perenggan 4(a) hanya terpakai bagi pelantikan perunding untuk semua projek pembangunan fizikal

(b) jadual pelaksanaan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan

(c) senarai nama kakitangan perunding yang terlibat dalam *projek/kajian ini berserta peranan masing-masing,

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……
Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. * LTBKS/Tender/Kontrak ..*No LTBKS/ Tender/ Kontrak…..

seperti yang ditetapkan dalam ***Lampiran A*** tidak melebihi *14/30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungan terhadap syarikat tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam ***Lampiran A***. Kerajaan juga berhak menolak apa-apa deliverables sekiranya deliverables tersebut tidak memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan dan dikemukakan semula selaras dengan dengan kualiti dan tempoh yang ditetapkan.

*6. Syarikat tuan juga adalah dikehendaki melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan harga kontrak dengan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ sebanyak ....Bil. Minimum peserta PROTEGE tanpa sebarang kos kepada Kerajaan. Bilangan minimum peserta yang diperlukan hendaklah dikira berdasarkan formula di bawah:

$$\frac{\text{1\% X Harga Kontrak*}}{\text{RM24,000**}}$$

*Bagi tujuan pengiraan PROTÉGÉ, Harga Kontrak adalah nilai tawaran yang dipersetujui tanpa cukai

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak **melebihi nilai ambang** dan syarikat dikehendaki untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan 1PP/PK

*6. Syarikat tuan juga adalah digalakkan melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak **di bawah nilai ambang** dan syarikat digalakkan untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan 1PP/PK 1.2.

7. Bagi tujuan program PROTÉGÉ ini, syarikat tuan adalah dikehendaki untuk:

(a) mengemukakan Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ berdasarkan tempoh kontrak kepada Sekretariat PROTÉGÉ untuk kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan;

(b) melaksanakan program ini mengikut Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ yang diluluskan oleh Sekretariat PROTÉGÉ;

(c) mengemaskini maklumat berkaitan pengalaman syarikat melaksanakan program PROTÉGÉ dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau sistem di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mengikut mana yang berkaitan;

(d) mengemukakan sijil atau surat pengesahan oleh Sekretariat PROTÉGÉ kepada Agensi sebaik sahaja pelaksanaan program PROTÉGÉ selesai; dan

(e) mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan program PROTÉGÉ kepada Sekretariat PROTÉGÉ.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……

Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. * LTBKS/Tender/Kontrak ……*No LTBKS/ Tender/ Kontrak

*8. Sekiranya syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 6 dan 7 atau arahan oleh Kerajaan, Kerajaan berhak untuk tidak mempertimbangkan sebarang tawaran kontrak baharu atau pelanjutan kontrak pada masa hadapan kepada syarikat tuan.

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak melebihi nilai ambang dan syarikat dikehendaki untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan 1PP/PK 1.2. Bagi Harga Kontrak di bawah nilai ambang, perenggan ini hendaklah dipotong.

9. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

(a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;

(b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Perunding Berjaya;

(c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;

(d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;

(e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *LTBKS/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;

(f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;

(g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di ***Lampiran A***;

(h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *LTBKS/tender;

(i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;

(j) syarikat tuan digulungkan;

(k) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;

(l) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau

(m) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

10. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 9, Kerajaan tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

11. Bersama-sama Surat Akuan Perunding Yang Dilantik dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di ***Lampiran B*** dan ***Lampiran C*** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……

Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. * LTBKS/Tender/Kontrak ..*No LTBKS/ Tender/ Kontrak…..

12. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi *3/7/14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungan terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Tandatangan Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

.....
(Nama Penuh Pegawai)
Jawatan Pegawai

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……
Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. * LTBKS/Tender/Kontrak ……*No LTBKS/ Tender/ Kontrak.....

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah .....Rujukan Agensi..... bertarikh .....Tarikh SST ditandatangani oleh Menteri..... dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen *sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan.

Tandatangan Syarikat …….....		Tandatangan Saksi Syarikat ……..……	
Nama Penuh	:	Nama Penuh	:
No. Kad Pengenalan	:	No. Kad Pengenalan	:
Alamat	:	Alamat	:
Tarikh	:	Tarikh	:

Meterai atau Cop Syarikat

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……

Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. * LTBKS/Tender/Kontrak ..*No LTBKS/ Tender/ Kontrak.....

Lampiran A

BUTIRAN KONTRAK

Tajuk *Sebut Harga/Tender

.....

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (jika berkaitan)**

   1.1 No. Pendaftaran : ..... Nombor Pendaftaran

   1.2 Tempoh Sah Laku : ..... Tempoh sah laku sijil pendaftaran

2. **Pendaftaran Syarikat Dengan Lembaga Profesional (jika berkaitan)**

   2.1 No. Pendaftaran : ..... Tandatangan Syarikat

   2.2 Tempoh Sah Laku : ..... Tempoh sah laku sijil pendaftaran

3. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berkaitan)**

   3.1 No. Pendaftaran : ..... Nombor Pendaftaran

   3.2 Tempoh Sah Laku : ..... Tempoh sah laku sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan

   3.3 Kod Bidang : ..... Kod bidang yang berkaitan untuk *sebut harga/tender ini

   3.4 Ekuiti Bumiputera : ..... Tiada /Melebihi 50% 100%

4. **Pendaftaran Cukai Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar), sekiranya berkaitan**

   4.1 No. Pendaftaran : ..... Nombor pendaftaran cukai perkhidmatan

   4.2 Tarikh Kuat Kuasa : ..... Tarikh kontraktor boleh mula mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan

5. **Harga dan Tempoh Kontrak**

   5.1 Harga *LTBKS/Tender (butiran harga seperti di ***Lampiran A1***) : RM..... Harga *LTBKS/Tender yang telah disetuju terima (Yuran + Imbuhan Balik)
   Lampiran A1 adalah butiran kos perunding melibatkan yuran dan imbuhan balik

   5.2 Peruntukan Cukai Perkhidmatan(sekiranya berkaitan) : RM ..... Cukai Perkhidmatan dalam angka

   5.3 Harga Kontrak : RM ..... Harga *LTBKS/Tender (Yuran + Imbuhan Balik) + Cukai Perkhidmatan (jika berkaitan)

   5.4 Tempoh Kontrak : ..... Hari / Minggu / Bulan /Tahun

   5.5 Tarikh Mula Perkhidmatan : ..... DD / MM / YYYY

   5.6 Tarikh Tamat Perkhidmatan : ..... DD / MM / YYYY

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : .....
Tandatangan & Cop (Syarikat) : .....

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. * LTBKS/Tender/Kontrak ……*No LTBKS/ Tender/ Kontrak

6. **Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Perunding**

* Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Perunding yang ditetapkan seperti di ***Lampiran A2***
Lampiran A2 akan disediakan oleh Agensi

7. ***Polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional (jika berkaitan)**

7.1 Nilai Polisi : RM……Nilai dalam angka

7.2 Tempoh Perlindungan : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan

8. **Kenaan *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)***
(Lewat mengemukakan *deliverables* yang telah dipersetujui)

8.1 Formula : $\frac{\textit{Base Lending Rate}}{100} \times \frac{\text{Yuran Perunding}}{365}$
(tertakluk minimum RM100 sehari)

8.2 Kadar sehari : RM……Nilai dalam angka……

9. ***Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) (jika berkaitan)**
(Bagi perolehan yang telah melebihi nilai ambang berdasarkan 1PP/PK1.2)

9.1 Tertakluk kepada pelaksanaan Program PROTÉGÉ : Ya / Tidak (Berdasarkan nilai ambang yang ditetapkan dalam 1PP/PK1)

9.2 Bilangan minimum peserta PROTÉGÉ : ..... peserta

Formula:
$\frac{1\% \times \text{Harga Kontrak*}}{\text{RM24,000**}}$

*Bagi tujuan pengiraan PROTÉGÉ, Harga Kontrak adalah nilai tawaran yang dipersetujui tanpa cukai
**Elaun PROTÉGÉ (RM2,000 seorang x 12 bulan)

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……
Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. * LTBKS/Tender/Kontrak ……*No LTBKS/ Tender/ Kontrak

Salinan Kepada :

Ketua Pegawai Eksekutif
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil
Aras 18, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 CYBERJAYA
(u.p.: Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai)

Ketua Pengarah Kastam
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Aras 3 -7, Blok A, Menara Tulus
No. 22, Persiaran Perdana , Presint 3
61200 PUTRAJAYA
(u.p.: Pengarah Bahagian Cukai Dalam Negeri)

Sekretariat
Majlis Perundingan Gaji Negara
Kementerian Sumber Manusia
Aras 7, Blok D3, Kompleks D
62530 PUTRAJAYA

Professional Training & Education For Growing Entrepreneurs (Protege)
Aras 2, Blok E4/5, Parcel E
Kementerian Pembangunan Usahawan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668, PUTRAJAYA
(u.p. : Ketua Sekretariat PROTÉGÉ)

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……
Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. * LTBKS/Tender/Kontrak .....*No LTBKS/ Tender/ Kontrak.....

Lampiran B

SURAT AKUAN PERUNDING YANG DILANTIK

(Disertakan Bersama Surat Setuju Terima)

Saya, ……(Nama Pemilik)……. No. Kad Pengenalan/No. Pasport ……..……. selaku pemilik (Nama Firma)…… dengan nombor Pendaftaran ……(MOF/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ……(Nama Kementerian/Agensi)…… atau mana-mana orang lain sebagai dorongan bagi mendapatkan tawaran pelantikan perunding. Saya juga tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan sepanjang tempoh dan selepas pelaksanaan untuk apa jua tujuan sekali pun yang berkaitan dengan perolehan ini. Bersama ini dilampirkan Surat Setuju Terima untuk pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didapati menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ……(Nama Kementerian/Agensi)…… atau mana-mana orang lain secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan ini, maka saya sebagai pemilik firma seperti di atas bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

2.1 Penarikan balik Surat Setuju Terima; atau
2.2 Penamatan kontrak bagi perkhidmatan perunding selaras dengan peruntukan dalam kontrak; dan
2.3 Lain-lain tindakan undang-undang / tatatertib mengikut undang-undang / peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Design Development Phase (6 months)	*5% monthly until month 6*

Senario:

Agensi telah membuat pembayaran sehingga bulan keempat iaitu sebanyak 20% mengikut *Schedule of Payment* sedangkan didapati kemajuan kerja rekabentuk oleh perunding adalah hanya setakat 13 - 15% sahaja. Sehubungan itu, bagi bayaran seterusnya, Agensi berhak menahan bayaran sehingga perunding mencapai kemajuan kerja sebanyak 20%.

(c) Apa-apa keadaan/situasi, pada pandangan Agensi yang boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan projek.

Contoh:

(i). Kakitangan perunding gagal hadir bertugas dalam tempoh yang munasabah atau tanpa kebenaran GR dan tanpa sebarang penggantian yang seterusnya mengakibatkan kelewatan projek/kajian.

(ii). Kegagalan perunding untuk menyempurnakan kerja/ perkhidmatan berdasarkan keperluan yang telah ditetapkan oleh Agensi.

(d) Kegagalan perunding untuk menyempurnakan kerja/ perkhidmatan berdasarkan keperluan yang telah ditetapkan oleh Agensi.

Contoh:

(i). Perunding gagal menyempurnakan laporan interim mengikut tahap yang dipersetujui oleh Agensi walaupun telah berulang kali diberi teguran dan cadangan penambahbaikan.

(ii). Perunding lewat mendapatkan kelulusan PBT kerana kurang memahami keperluan teknikal dan prosedur permohonan yang ditetapkan oleh PBT.

2.9.2. Walau bagaimanapun, perunding adalah dibenarkan untuk membuat rayuan ke atas penahanan bayaran tersebut dengan syarat perunding mengemukan dokumen dan bukti untuk menyokong bayaran tersebut. Penahanan bayaran yang

disebabkan oleh Perenggan 2.9.1(d) di atas, Agensi hendaklah memastikan perunding terlebih dahulu memenuhi keperluan/ kriteria yang ditetapkan bagi *deliverables* yang berkenaan sebelum penahanan bayaran dipertimbangkan untuk ditarik balik.

2.10. Bayaran kepada perunding bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan

2.10.1. Agensi hendaklah memastikan bayaran kepada perunding adalah dibuat mengikut kemajuan kerja sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam perjanjian tertakluk perkhidmatan yang diberikan oleh perunding telah selesai dilaksanakan mengikut kemajuan kerja dan hasil kerja adalah memenuhi keperluan/kriteria yang ditetapkan oleh Agensi. Bayaran yang dibuat secara teratur akan memastikan Agensi mendapatkan kerjasama sebaik-baiknya daripada pihak perunding terutamanya sewaktu projek adalah di peringkat pembinaan.

2.10.2. Bayaran kepada perunding hanya boleh dibuat apabila perjanjian telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Sehubungan itu, Agensi dan perunding dikehendaki menyegerakan untuk menandatangani perjanjian bagi mengelakkan masalah pembayaran. Memandangkan perjanjian piawai ini akan dikuatkuasakan penggunaannya bagi semua projek pembangunan fizikal dan kajian Kerajaan, sewajarnya tiada kelewatan di pihak Agensi atau perunding untuk menandatangani perjanjian dengan segera.

2.11. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian (*Dispute Resolution Committee* – DRC)

2.11.1. Agensi hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi membincangkan dan menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul antara perunding dengan Agensi sepanjang pelaksanaan projek pembangunan fizikal/kajian termasuk perkara berkaitan LAD selaras dengan peruntukan di dalam perjanjian perunding. Kaedah pelantikan keahlian dan terma rujukan bagi DRC hendaklah disediakan oleh Agensi sebelum DRC bersidang.

2.11.2. DRC hendaklah terdiri daripada keahlian seperti berikut:

(a) **Pengerusi**

(i) <u>Kementerian:</u>

• Timbalan Ketua Setiausaha; atau

(ii) <u>Jabatan di bawah seliaan Kementerian [kecuali Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS)]</u>:

• Ketua Jabatan; atau

(iii) JKR dan JPS:
- Timbalan Ketua Pengarah; atau

(iv) Jabatan Perdan Menteri:
- Timbalan Ketua Setiausaha (selain Timbalan Ketua Setiausaha Kanan).

(b) **Ahli**

(i) Seorang (1) wakil daripada pihak Agensi yang terlibat/ mempunyai pengetahuan mengenai projek pembangunan fizikal/ kajian yang terlibat; dan

(ii) Seorang (1) wakil daripada pihak perunding.

2.11.3. Keanggotaan DRC seperti di perenggan 2.11.2 hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan ahli yang berbeza daripada keanggotaan *Contract Cordination Panel* (CCP) selaras dengan pematuhan ke atas 1PP/PK 4.4.

2.11.4. Bagi memastikan perbincangan, tindakan dan cadangan penyelesaian yang akan diambil adalah selaras dengan peruntukan klausa di dalam perjanjian, Agensi hendaklah mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Bahagian Undang-Undang (BUU) Agensi masing-masing. Pengerusi DRC boleh sama ada meminta kehadiran wakil daripada BUU masing-masing sebagai Ahli Jemputan di dalam DRC atau mendapatkan ulasan daripada BUU sebelum atau selepas mesyuarat DRC bersidang bagi sesuatu perkara yang akan/ telah dibincangkan supaya apa-apa keputusan yang dibuat adalah selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa.

2.11.5. Sekiranya pertikaian yang dibawa tidak dapat diselesaikan diperingkat DRC atau perunding tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat, pertikaian tersebut hendaklah dibawa ke CCP. Sekiranya persetujuan bersama masih tidak dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan, pertikaian hendaklah seterusnya di bawa ke Timbang Tara (*Arbitration*).

2.12. Penamatan perkhidmatan perunding gagal melaksanakan obligasi perjanjian

2.12.1. Agensi berhak mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan perunding sekiranya perunding melakukan perkara-perkara berikut tanpa justifikasi yang munasabah:

(a) Menangguhkan pelaksanaan perkhidmatan dan gagal meneruskan kerja dengan tekun sebagaimana obligasi perunding di dalam perjanjian;

Contoh:

(i). Perunding telah menangguhkan penyediaan Laporan Awal bagi kajian yang dilaksanakannya dan gagal menyiapkan laporan tersebut sebagaimana dikehendaki oleh Agensi.

(b) Gagal melaksanakan semua/ sebahagian perkhidmatan atau secara berterusan mengabaikan obligasi perunding di bawah perjanjian;

Contoh:

(i). Perunding tidak melaksanakan kerja pengawasan tapak yang merupakan skop perkhidmatan yang dikehendaki oleh Agensi di dalam perjanjian.

(c) Kemungkiran melaksanakan tanggungjawab perunding iaitu tidak memberikan perkhidmatan secara profesional, kompeten, berhati-hati dan tekun sepanjang masa;

Contoh:

(i). Perunding memperakukan tuntutan bayaran oleh kontraktor pembinaan bagi kuantiti bahan binaan melebihi daripada kuantiti sebenar yang berada di tapak pembinaan.

(d) Obligasi yang dilaksanakan oleh perunding tidak menepati kehendak Agensi atau gagal mematuhi terma/ syarat yang lain di dalam perjanjian.

Contoh:

(i). Perunding menggantikan kakitangan yang terlibat dalam pasukan kajian tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pihak Kerajaan.

2.12.2. Walau bagaimanapun, penamatan perkhidmatan perunding hendaklah mengikut kaedah atau tatacara yang telah diperuntukkan di dalam perjanjian perunding.

3. Kuat Kuasa

3.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**

3.2 Pindaan berkuat kuasa pada **1 Julai 2026**

PK 3.11

KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Perkhidmatan Perunding Utama (*Lead Consultant*) Bagi Projek Pembangunan Fizikal

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK3.11 Perolehan Perkhidmatan Perunding Utama (*Lead Consultant*) Bagi Projek Pembangunan Fizikal 1

1. Pendahuluan 1

2. Mekanisme Pelaksanaan Perolehan Perunding Utama 2

3. Pentadbiran Kontrak Perunding Utama 7

4. Merekod Lantikan Perunding LC 9

5. Tarikh Kuat Kuasa 9

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Borang Senarai Induk Perunding

Lampiran 2 : Iklan Tender *Lead Consultant*

Lampiran 3 : Dokumen Pelawaan *Lead Consultant*

Lampiran 4: : Surat Setuju Terima *Lead Consultant*

Lampiran 5 : Perjanjian Perkhidmatan Perunding

PK 3.11 PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING UTAMA (*LEAD CONSULTANT*) BAGI PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL

1. Pendahuluan

1.1. Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan besar kepada ekonomi dunia termasuk Malaysia. Sebagai tindakan memacu pembangunan semula ekonomi negara, Kerajaan perlu memulihkan aktiviti ekonomi berimpak tinggi terutamanya sektor pembinaan.

1.2. Beberapa inisiatif telah diambil oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mempercepatkan pelaksanaan perolehan dan projek Kerajaan yang telah diluluskan dalam Belanjawan Tahun 2020. Antara inisiatifnya adalah pelaksanaan perolehan Perunding Utama (***Lead Consultant* – LC**) bagi projek pembangunan fizikal sebagai alternatif kepada mekanisme sedia ada.

1.3. Peraturan melalui PP/PK3.1 telah membenarkan Agensi Kerajaan untuk melaksanakan perolehan LC bagi kos projek pembangunan fizikal bernilai sehingga RM10 juta bertujuan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek kecil. Oleh itu, pekeliling ini memberi kebenaran kepada Agensi Kerajaan untuk melaksanakan perolehan LC bagi kos projek pembangunan fizikal melebihi RM10 juta dan menggariskan mekanisme pelaksanaan perolehan LC sebagai alternatif kepada kaedah perolehan perunding sedia ada.

1.4. Perolehan LC bermaksud pelantikan perunding oleh Agensi Kerajaan daripada satu bidang arkitek/jurutera mengikut skop utama sesuatu projek. LC yang berjaya ditawarkan projek akan seterusnya melantik Sub Perunding (*Sub Consultant* - SC) daripada pelbagai bidang perunding fizikal lain selaras dengan terma rujukan bagi melaksanakan projek.

1.5. Pelaksanaan perolehan perunding fizikal iaitu arkitek, jurutera, ukur bahan, ukur tanah secara berasingan masih dikekalkan seperti mana mekanisme sedia ada. Walau bagaimanapun, kelonggaran diberikan kepada Agensi Kerajaan untuk melaksanakan perolehan LC mengikut kesesuaian dan kompleksiti projek masing-masing berdasarkan ketetapan di perenggan 2 hingga 4 di bawah.

1.6. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan PP/PK3.1 hingga PP/PK3.10. Mana-mana peraturan perolehan perunding yang tidak dinyatakan dalam pekeliling ini, hendaklah mematuhi peraturan perolehan perunding yang berkuat kuasa.

2. Mekanisme Pelaksanaan Perolehan Perunding Utama

2.1. Skop Perkhidmatan LC

2.5.1 Merupakan Orang Utama Yang Mengemukakan (*Principal Submitting Person - PSP)* kepada pihak berkuasa dan bertanggungjawab untuk keseluruhan perancangan, penyelarasan dan pengurusan projek.

2.5.2 Mengemaskini maklumat dan memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai reka bentuk terbaik dan paling ekonomik berkenaan dengan kekangan tapak, perancangan susun atur, keadaan persekitaran, kecekapan tenaga dan Sistem Bangunan Berindustri (IBS).

2.5.3 Bertanggungjawab ke atas keseluruhan perancangan, tender, penyelarasan, pengawasan dan pengelolaan projek serta bertanggungjawab secara langsung kepada Agensi Kerajaan untuk semua aspek yang termasuk dalam skop projek.

2.5.4 Menyerahkan dan mendapatkan kelulusan termasuk kebenaran merancang/perintah pembangunan/pelan pembangunan atau kebenaran pendudukan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta aspek keselamatan kesihatan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan.

2.5.5 Mematuhi kehendak dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

2.5.6 Mengurus, mentadbir dan mengawasi aspek projek dari segi fizikal, kewangan dan kontrak, termasuk mengesyorkan pembayaran, menyelesaikan penutupan akaun muktamad projek (*Final Account*) dan lain-lain, selaras dengan peraturan dan amalan Kerajaan terkini.

2.5.7 Mengawasi kerja-kerja pengujian dan pentauliahan, pemeriksaan kecacatan sebelum penyerahan projek pembinaan oleh kontraktor kepada pihak Kerajaan.

2.2. Penetapan Kos Perkhidmatan LC dan SC

Mengguna pakai *Fixed Fee* (Yuran Tetap) sebagaimana ketetapan dalam PP/PK3.2.

2.3. Pendaftaran LC

2.3.1 LC yang ditawarkan projek hendaklah merupakan satu firma dalam kalangan bidang Arkitek atau Jurutera yang berdaftar dengan MOF, mengikut skop bidang utama projek pembangunan fizikal yang akan dilaksanakan iaitu LC bagi projek bangunan adalah Arkitek, manakala LC bagi projek jalan/jambatan/cerun adalah Jurutera.

2.3.2 LC hendaklah bebas daripada sebarang tindakan tatatertib oleh MOF/Lembaga Profesional atau sabitan kesalahan jenayah oleh Mahkamah/kesalahan rasuah oleh pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM)/kesalahan pakatan harga oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

2.4. Pendaftaran SC dan Bidang SC Yang Dibenarkan Dilantik Di Bawah LC

2.4.1 SC hendaklah berdaftar dengan MOF. Kod bidang SC yang dibenarkan untuk dilantik di bawah *Basic/Additional/Special Services* LC adalah terhad kepada kod bidang 330000 (Perkhidmatan Perunding Fizikal).

2.4.2 Perunding Arkitek Landskap, Perancang Bandar dan Hiasan Dalaman boleh diletakkan sebagai *special/ additional services* di bawah perunding Arkitek sekiranya bilangan perunding adalah terhad terutamanya di Sabah dan Sarawak.

2.4.3 SC hendaklah bebas daripada sebarang tindakan tatatertib oleh MOF/Lembaga Profesional atau sabitan kesalahan jenayah oleh Mahkamah/kesalahan rasuah oleh pihak SPRM/ kesalahan pakatan harga oleh MyCC.

2.4.4 *Soil Investigation* (SI) perlu dilaksanakan secara berasingan melalui perolehan kerja. *Traffic Impact Assessment* (TIA) di bawah kod bidang 340202 (Kajian Trafik) dan *Environmental Impact Assessment* (EIA) di bawah kod bidang 330207 (Kajian Alam Sekitar) perlu dilaksanakan secara berasingan melalui perolehan perkhidmatan perunding bagi kajian.

2.5. Kaedah Perolehan LC

2.5.1 Kaedah dan Had Nilai

Bil	Kaedah	Had Nilai (RM)
1.	Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS).	Kos Projek Pembangunan Fizikal Sehingga RM50 juta.
2.	Tender Terbuka/Tender Terbuka Pra Kelayakan.	Kos Projek Pembangunan Fizikal Melebihi RM50 juta.

2.5.2 Kaedah LTBKS

(a) Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) dan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) hendaklah memastikan LC yang dilantik adalah berdasarkan senarai induk (*master list)* penggiliran Agensi Kerajaan masing-masing yang telah disediakan dan disusun mengikut tarikh lantikan yang paling lama. *Master list* ini hendaklah dikemaskini setiap kali Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.

(b) Agensi Kerajaan juga hendaklah memastikan SC yang dilantik oleh LC secara LTBKS ini bukan merupakan perunding yang sama/berulang bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan yang lain. Sekiranya ya, Agensi Kerajaan perlu memaklumkan kepada LC dan mencadangkan kepada LC untuk menamakan SC yang lain kepada Kerajaan.

(c) **LC atau SC hanya dibenarkan untuk dilantik bagi projek Kerajaan Persekutuan tidak lebih daripada dua (2) kali sahaja dalam tahun yang sama**. Sekiranya tidak terdapat LC atau SC yang berkelayakan bagi sesuatu projek yang memerlukan kepakaran teknikal yang spesifik, Agensi Kerajaan dibenarkan untuk melantik LC atau SC yang telah melebihi dua (2) kali lantikan setahun. Jika bilangan perunding di negeri tidak mencukupi untuk lantikan bagi projek di lokasi negeri berkenaan, tawaran kepada LC atau SC yang berkelayakan hendaklah dibuka kepada negeri lain yang berhampiran.

(d) Bagi kaedah LTBKS, Agensi Kerajaan hendaklah merekod maklumat lantikan LC dan SC setelah SST dikeluarkan melalui Borang Senarai Induk Pelantikan LC seperti di **Lampiran 1** dan Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS). Urusetia Lembaga Perolehan (LP) Agensi Kerajaan hendaklah memastikan maklumat pelantikan LC dan SC kedua-duanya direkodkan dalam Borang Senarai Induk dan MyGPIS.

2.5.3 Kaedah Tender Terbuka/Tender Terbuka Pra Kelayakan

(a) Agensi Kerajaan hendaklah memastikan SC yang sama tidak boleh menyertai tender dengan LC yang lain bagi tender yang sama. Sekiranya didapati salah satu SC yang dicadangkan telah menyertai tender yang sama dengan LC yang lain, maka penilaian bagi kelayakan asas tender tidak akan diteruskan dan petender akan dikira sebagai GAGAL.

(b) Walau bagaimanapun, sekiranya Agensi Kerajaan mendapati bidang SC yang diperlukan tidak mencukupi dalam pasaran (rujukan boleh dibuat dalam laman web ePerolehan), bidang tersebut perlu dinyatakan secara jelas dalam Dokumen Pelawaan dan SC dibenarkan untuk menyertai tender yang sama dengan LC yang berlainan, tertakluk hendaklah tidak melebihi tiga LC.

(c) Tempoh iklan tender LC boleh dipendekkan daripada sekurang-kurangnya 21 hari kepada sekurang-kurangnya 10 hari.

(d) Dokumen Pelawaan boleh dijual secara maya sama ada melalui laman web Agensi Kerajaan masing-masing atau melalui emel kepada petender yang ingin menyertai perolehan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat tender. Namun demikian, penghantaran Cadangan Teknikal dan Kos (CTK) perunding hendaklah mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa iaitu melalui serahan tangan atau secara kurier berdaftar.

(e) Lawatan tapak tidak diwajibkan. Namun Agensi Kerajaan boleh mengatur jadual lawatan tapak (jika diperlukan) dengan mematuhi *Standard Operating Procedure* – SOP) Perintah Kawalan Pergerakan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Taklimat tender boleh diadakan secara maya melalui pautan video yang dimuat naik ke laman web Agensi Kerajaan masing-masing untuk tatapan para petender. Pautan capaian video tersebut hendaklah kekal di laman web masing-masing pada tarikh mula iklan sehingga tarikh tutup iklan. Taklimat tender hendaklah menerangkan, antaranya, ringkasan projek skop perkhidmatan perunding, pematuhan arahan kepada perunding, keperluan pengemukaan CTK termasuk cara-cara pengisian borang-borang tender untuk mengelakkan/ mengurangkan kesilapan pengisian oleh para petender.

(f) Contoh iklan tender LC seperti di **Lampiran 2**.

2.5.4 Tatacara penilaian bagi kaedah LTBKS dan Tender Terbuka/Tender Terbuka Pra Kelayakan adalah sebagaimana ketetapan dalam PP/PK3.5 hingga PP/PK3.7. Bagi Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), tatacara penilaian untuk kaedah Tender Terbuka/Tender Terbuka Pra Kelayakan adalah berdasarkan Prosedur Operasi Piawai (*Standard Operating Procedure - SOP*) yang telah disediakan selaras dengan kelulusan khas yang diberikan melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/59 bertarikh 9 Oktober 2019 dan bil. (5) dalam MOF.BPK(S)600- 1/3/59 bertarikh 28 Januari 2020.

2.5.5 Contoh Dokumen Pelawaan LC adalah seperti di **Lampiran 3** sebagai panduan kepada Agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, Borang Tender di Dokumen Pelawaan ini seperti di **Lampiran 3 - Seksyen II: Bahagian B** hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Undang-Undang masing-masing untuk semakan dan dimuktamadkan memandangkan ia melibatkan syarat-syarat perundangan.

2.5.6 Bagi kaedah tender terbuka, Agensi Kerajaan hendaklah juga merekod maklumat lantikan LC dan SC setelah SST dikeluarkan melalui Borang Senarai Induk Pelantikan LC seperti di **Lampiran 1** dan MyGPIS. Urusetia LP Agensi Kerajaan hendaklah memastikan maklumat pelantikan LC dan SC kedua-duanya direkodkan dalam Borang Senarai Induk dan MyGPIS.

3. Pentadbiran Kontrak Perunding Utama

3.1 Agensi Kerajaan hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam PP/PK3.8 sehingga PP/PK3.10 bagi tujuan pentadbiran kontrak LC.

3.2 Pegawai Penguasa /Wakil Pegawai Penguasa

3.2.1 Pegawai Penguasa (PP) bagi sesuatu projek pembangunan fizikal adalah terletak kepada Pegawai Pengawal Agensi Kerajaan berkenaan.

3.2.2 LC tidak dibenarkan menjadi PP atau Pegawai Yang Dinamakan dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak.

3.2.3 Wakil PP Utama hendaklah dilantik dalam kalangan pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) teknikal atau bukan teknikal di Agensi Kerajaan berkenaan.

3.2.4 Agensi Kerajaan hendaklah mengeluarkan Surat Perwakilan Kuasa kepada LC tetapi dihadkan hanya untuk skop penyeliaan sahaja. LC tidak boleh dilantik sebagai Wakil PP Utama. Meskipun demikian, sebagai Wakil PP (Penyeliaan) sepertimana yang dibenarkan dalam terma dan syarat kontrak pembinaan, LC masih bertanggungjawab untuk menjalankan skop perkhidmatan perunding yang lain tertakluk kepada terma dan syarat dalam Perjanjian Perkhidmatan Perunding (*Consultancy Service Agreement* – CSA) dan kelulusan PP/Wakil PP Utama.

3.2.5 Bagi Jabatan Teknik, memandangkan pengurusan perkhidmatan perunding masih dikawal dan dipantau sendiri oleh Jabatan Teknik, maka PP dan Wakil PP Utama bagi setiap projek LC adalah dalam kalangan pegawai teknikal daripada Jabatan Teknik berkenaan.

3.2.6 LC selaku Wakil PP (Penyeliaan) tidak boleh diturunkan kuasa untuk mengeluarkan atau meluluskan perubahan kerja dan mengeluarkan perakuan muktamad tanpa kelulusan daripada PP. Namun demikian, LC masih bertanggungjawab sepertimana terma dan syarat dalam CSA termasuklah menilai dan menyediakan bayaran interim, perubahan kerja dan akaun muktamad. Dalam hal ini, penilaian dan pengesyoran LC adalah tertakluk kepada kelulusan PP. PP hendaklah memastikan sebelum sebarang kelulusan dikeluarkan kepada LC, peraturan perolehan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi terutamanya jika melibatkan perkara yang perlu diangkat dan dipertimbangkan di peringkat PBM.

3.3 Arahan Perubahan Kerja

3.3.1 Berdasarkan syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), PP boleh mengeluarkan arahan yang menghendaki suatu perubahan dalam bentuk Arahan Perubahan. Dalam hal ini, selaku Wakil PP (Penyeliaan), LC tidak boleh diturunkan kuasa untuk mengeluar dan meluluskan perubahan kerja tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada PP.

3.3.2 LC hanya boleh mengeluarkan arahan kepada kontraktor yang tidak melibatkan kos tambahan.

3.3.3 Semua arahan perubahan kerja yang melibatkan tambahan kos hendaklah dimohon terlebih dahulu kepada PP untuk mendapatkan kelulusan sebelum arahan boleh dikeluarkan oleh LC selaras dengan PP/PK 2.3. Dalam hal ini, LC bertanggungjawab memastikan sebarang pertimbangan dan kelulusan bagi tambahan kos hendaklah mematuhi terma dan syarat dalam CSA serta peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3.4 Pelantikan Perunding

Draf SST dan CSA bagi LC adalah seperti di **Lampiran 4** dan **Lampiran 5** sebagai panduan kepada Agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, SST dan CSA LC ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Undang-Undang masing-masing untuk semakan dan dimuktamadkan sekiranya terdapat pindaan yang matan (*major*), mempunyai implikasi perundangan atau melibatkan dasar baharu selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 204.1.

3.5 Bayaran Kepada SC

3.5.1 Pembayaran kepada LC dan SC adalah tertakluk kepada PP/PK3.8/Perenggan 5.1.

3.5.2 Bagi bayaran kepada SC, Agensi Kerajaan hendaklah membuat bayaran secara terus kepada SC yang telah dinamakan secara jelas dalam CSA LC tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian.

3.6 Tanggungjawab Dan Amalan Profesional LC

LC adalah bertanggungjawab sepenuhnya dan bertindak secara profesional mewakili Kerajaan Malaysia semasa tempoh kontrak berkuatkuasa. LC hendaklah memastikan sub perunding lain yang dilantik turut melaksanakan obligasi kontrak dengan sempurna dan memastikan keseluruhan pelaksanaan projek disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan serta kos yang efektif.

4. Merekod Lantikan Perunding LC

4.1 Agensi hendaklah mengemukakan kepada Urus Setia LP masing-masing mengenai maklumat lantikan LC setelah SST dikeluarkan untuk tujuan penyelarasan dan merekod oleh Urus Setia LP melalui Borang Senarai Induk Pelantikan LC seperti di **Lampiran 1**. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada MOF pada setiap enam (6) bulan di alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 4 Utara, Blok Perbendaharaan
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya
(u.p.: Ketua Seksyen Pematuhan dan Akreditasi)

4.2 Agensi juga hendaklah memastikan bahawa aktiviti merekod lantikan dan penilaian prestasi perunding LC dan SC dibuat melalui MyGPIS. Bayaran kemajuan kerja hanya boleh dibuat sebaik sahaja maklumat lantikan dan prestasi direkodkan bagi setiap kemajuan dalam MyGPIS tertakluk salinan cetakan maklumat yang direkodkan tersebut dilampirkan bersekali dengan perakuan bayaran kepada pegawai kewangan masing-masing.

5. Kuat Kuasa

5.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.
5.2 Pindaan berkuat kuasa pada **1 Julai 2026**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

BORANG SENARAI INDUK PELANTIKAN PERUNDING UTAMA (*LEAD CONSULTANT*)
BAGI TIGA (3) BULAN IAITU BULAN _____, _____& _____ TAHUN _____

AGENSI: _____

BULAN: _____

Bil	Tajuk Projek	Tarikh Surat Setuju Terima (dd/mm/yyyy)	Maklumat Perkhidmatan Perunding (i) Tempoh Perkhidmatan (ii) Tarikh Mula (iii) Tarikh Tamat (iv) Kaedah Perolehan	Kos Perkhidmatan Perunding Utama *dengan Cukai Perkhidmatan* (RM)	Bidang Perunding *(Arkitek / Awam & Struktur)	Nama Firma Perunding Utama (No. Pendaftaran Syarikat Dengan MOF)	Bidang Sub Perunding	(i) Nama Firma Sub Perunding (ii) No. Pendaftaran Syarikat Dengan MOF (iii) Kos Perkhidmatan Sub Perunding (*dengan Cukai Perkhidmatan)*
1.							*Arkitek / Awam & Struktur	
							Ukur Bahan	
							Elektrik	
							Mekanikal	
							Lain-lain (jika berkaitan)	
…	…	…	…	…	…	…	…	…

**Sila potong mana tidak berkaitan*

LAMPIRAN 2

CONTOH IKLAN TENDER PERUNDING UTAMA

KENYATAAN TENDER

Maklumat Projek			
Tajuk Projek	**PERKHIDMATAN PERUNDING UTAMA SECARA TENDER TERBUKA BAGI PROJEK PEMBANGUNAN ABC SENTRAL, GOMBAK, SELANGOR**		
Taklimat Tender atau Lawatan Tapak	Tarikh : 13 Ogos 2019 (Isnin) Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Hibiscus, Tingkat 18, No.50, Menara PJD, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.		
Tarikh Iklan	8 Ogos 2019 (Khamis)	**Pejabat yang memanggil tender**	Pejabat HOPT (Alamat lengkap HOPT berkenaan)
Maklumat Perunding			
Taraf **Kelas**	Terbuka	**Kod Bidang**	i.330201 (Arkitek); Perunding Utama hendaklah melantik sub perunding sebagaimana yang ditetapkan di dalam Arahan Kepada Petender
Maklumat Tender Dokumen			
Harga	RM50.00 (minimum - pengiraan hendaklah berdasarkan PK 3.4)	**Bayaran atas nama**	Akauntan Negara Malaysia-KKR-T
Tarikh mula dijual	13 Ogos 2019 (Khamis)	**Tarikh akhir dijual**	22 Ogos 2019 (Khamsi)
Tempat dijual	Unit Tawaran Pusat, Cawangan Pengurusan Perolehan & Harta, Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat Bawah, Blok A, Kementerian Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 KUALA LUMPUR		
Tarikh ditutup	5 September 2019	**Waktu ditutup**	12:00 tengahari
Tempat ditutup	Unit Tawaran Pusat, Cawangan Pengurusan Perolehan & Harta, Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat Bawah, Blok A, Kementerian Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 KUALA LUMPUR		
Taklimat Tender atau Lawatan Tapak			

Bagi taklimat tender atau lawatan tapak yang diwajibkan, **hanya penama yang tercatat didalam** Akuan Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan **dan** Sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh Lembaga profesional **dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Perunding tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam** Akuan Pendaftaran Firma Perunding **dan** Sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh Lembaga profesional**.**

Dokumen Meja Tender

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat tender dijual semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Akauntan Negara Malaysia-KKR-T. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada penama yang tercatat di dalam sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Untuk maksud ini, penama dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Akuan Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia serta Sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh Lembaga Profesional masing-masing.

LAMPIRAN 3

No Siri Dokumen: 001

KERAJAAN MALAYSIA

(NAMA AGENSI / JABATAN)

DOKUMEN TENDER

UNTUK

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING UTAMA

PROJEK

(NAMA / TAJUK PROJEK)

No. Tender

(XXX/IP/PU/CA/001/2026)

CONTOH DOKUMEN TENDER PERUNDING UTAMA

(Contoh Logo dan Alamat Ketua Jabatan / Agensi)

JULAI 2026

KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
(CAWANGAN ARKITEK)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50582 KUALA LUMPUR

(TAJUK TENDER)

KANDUNGAN

SEKSYEN I : BAHAGIAN A 1

Arahan Kepada Petender 1

Senarai Semak Dokumen Cadangan Kos 22

Senarai Semak Dokumen Kelayakan Asas Dan Cadangan Teknikal 23

SEKSYEN I : BAHAGIAN B 26

Surat Setuju Terima 26

SEKSYEN I : BAHAGIAN C 36

Perjanjian Perkhidmatan Perunding Perunding Utama..... 36

SEKSYEN I : BAHAGIAN D 37

Terms of Reference – TOR *Lead Consultant* 37

Appendix 1.1 – *Project Brief* 43

Appendix 1.2 – *Government Project Implementation Schedule*..... 43

Appendix 2.1 – *Scope of Architectural Services* 43

Appendix 2.2 – *Scope of Civil & Structural Engineering Services*..... 46

Appendix 2.3 – Scope of Mechanical Engineering Services 97

Appendix 2.4 – Scope of Electrical Engineering Services 109

Appendix 2.5 – Scope of Quantity Surveying Services 117

Appendix 2.6 – *Scope of Town Planning Services* 121

Appendix 2.7 – *Scope of Landscape Services* 123

Appendix 3 – *Guide to Provision Number of Supervision Staff* 125

SEKSYEN I : BAHAGIAN E 126

Ringkasan Projek 126

SEKSYEN II : BAHAGIAN A..... 127

Cadangan Teknikal Perunding 127

Borang A – Akuan Kebenaran Perkongsian Maklumat Dan Pengesahan Maklumat Oleh Perunding 129

Borang B – Akuan Perunding Berkenaan Rasuah 131

Borang C1 – Akuan Perunding Bebas Daripada Tindakan Tatatertib 132

Borang C2 – Akuan Sub Perunding Tidak Menyertai Tender Dengan Perunding Utama Lain Dalam Projek Yang Sama 133

(TAJUK TENDER)

Borang D – Akuan Perunding Utama Untuk Melaksanakan Program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (Protégé) 134

Borang E – Senarai Pengalaman Perunding Utama 135

Borang F – Senarai Kakitangan Teknikal Perunding Utama 136

Borang G – Senarai Nama dan Maklumat Am Perunding Utama dan Sub Perunding Mengikut Bidang 137

Borang H – Senarai Nama dan Maklumat Am Perunding Utama dan Sub Perunding Mengikut Bidang 138

Borang J – Cadangan Kaedah Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding 139

Borang K – Program Kepastian Kualiti Perunding Utama 140

Borang L – Cadangan Carta Organisasi Pasukan Perunding Utama dan Sub Perunding 141

SEKSYEN II : BAHAGIAN B 142

Borang Tender Untuk Perkhidmatan Perunding Utama 142

Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding..... 148

Cadangan Kos Perkhidmatan Perunding 149

Lampiran A (Panduan Penyediaan Anggaran Kos Imbuhan Balik) 151

PP/PK 3.2 - Imbuhan Balik Perunding 157

SEKSYEN I : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

SEKSYEN I : BAHAGIAN A

Arahan Kepada Petender

1. AM

Arahan Kepada Perunding ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan perjanjian, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kontrak.

2. DOKUMEN TENDER

2.1 Setiap perunding akan menerima satu (1) set Dokumen Tender yang terdiri daripada:

(i) Seksyen I – Makluman Am
(ii) Seksyen II – Dokumen Cadangan Teknikal dan Kos

2.2 Perunding adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen Tender yang dibelinya adalah lengkap. Sekiranya terdapat apa-apa ketidaksempurnaan pada dokumen atau muka surat di dalam Dokumen Tender berkenaan, adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk merujuk kepada pejabat yang memanggil tender supaya pembetulan kepada ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat;

2.3 Perunding adalah dikehendaki mengisi dan melengkapkan dokumen-dokumen dalam Dokumen Tender Seksyen II seperti berikut:

(i) Cadangan Teknikal (Borang A – Borang L)
(ii) Cadangan Kos (Borang Tender Untuk Perkhidmatan Perunding Utama dan Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding);

2.4 Kegagalan pihak perunding untuk menyerahkan dokumen seperti yang dinyatakan di atas akan menyebabkan tendernya ditolak.

3. TEMPOH SAH LAKU TENDER

Tender ini hendaklah terus sah dalam tempoh **Seratus Dua Puluh (120) hari** dari tarikh tutup tender dan Perunding tidak dibenarkan sama sekali menarik diri dalam tempoh tersebut.

4. KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

4.1 Kos Perkhidmatan Perunding yang dipersetujui di dalam Surat Setuju Terima (terdiri daripada Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik adalah tetap *(at a fixed consultant fee)* sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

4.2 Sekiranya harga tender kerja yang telah disetuju terima oleh Kerajaan **lebih rendah** daripada anggaran kos projek asal yang dijadikan asas untuk menentukan Kos Perkhidmatan Perunding, Kerajaan berhak membuat pelarasan ke atas kos perkhidmatan perunding tersebut. Pelarasan Kos Perkhidmatan Perunding bermaksud menurunkan kos secara berkadaran mengikut harga tender kerja yang telah disetuju terima Kerajaan;

4.3 Sekiranya harga tender kerja yang telah disetuju terima oleh Kerajaan **lebih tinggi** daripada anggaran kos projek asal yang djadikan asas untuk menentukan Kos Perkhidmatan Perunding, Kerajaan berhak mengekalkan Kos Perkhidmatan Perunding yang telah disetuju terima tanpa membuat apa-apa pelarasan.

5. PERCANGGAHAN DOKUMEN TENDER

5.1 Sekiranya perunding mendapati ada percanggahan di dalam Dokumen Tender, perunding hendaklah dengan serta merta merujuk kepada Pejabat yang memanggil Tender* iaitu:

Contoh:
Pengarah Kanan
Cawangan HODT Utama
Ibu Pejabat JKR Malaysia
……
……
……
(u.p.: ……)

**Pastikan maklumat yang diisi adalah sama dengan maklumat di dalam iklan*

yang akan menyelesaikan dan/atau mengarahkan yang mana perlu diikuti. Penyelesaian atau arahan tersebut yang mengubah/menambah kandungan dokumen tender hanya sah jika dibuat dalam bentuk Adendum secara rasmi seperti yang dinyatakan di dalam Perenggan 6 di bawah.

6. ADENDUM

6.1 Sebelum tarikh tutup tender, Pejabat yang memanggil tender boleh mengeluarkan Adendum untuk meminda sebahagian atau keseluruhan Dokumen Tender. Setiap adendum yang dikeluarkan akan diedarkan kepada perunding dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender.

6.2 Bukti penerimaan adendum hendaklah dikembalikan oleh perunding melalui Borang Bukti Penerimaan yang disertakan bersama-sama adendum dengan kadar segera.

6.3 Setiap adendum yang diterima oleh perunding hendaklah disertakan bersama-sama dokumen tender. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tender berkenaan ditolak.

7. INTERPRETASI SECARA LISAN

Interprestasi secara lisan kepada mana-mana bahagian Dokumen Tender atas permintaan dan/atau diterima perunding hendaklah tidak diambil kira sebagai pindaan sebarang peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Tender. Sebarang pemberitahuan atau pindaan kepada mana-mana bahagian di dalam Dokumen Tender akan dibuat secara bertulis oleh Pejabat yang memanggil tender di dalam bentuk Adendum seperti yang dinyatakan di Perenggan 5 dan 6 di atas.

8. NOTIS KEPADA PERUNDING

Setiap notis yang hendak diberikan kepada perunding akan dimaklumkan secara pos, emel atau faks ke alamat yang dinyatakan dalam Sijil Akuan Pendaftaran Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, alamat emel atau no faks seperti yang dicatatkan dalam Borang Pembelian Dokumen Tender dan pemakluman tersebut hendaklah disifatkan sebagai penyampaian Notis yang sempurna.

9. MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN PERUNDING

9.1 Penilaian tender ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan Perunding Utama untuk melaksanakan projek yang ditender, di samping kemunasabahan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos Perunding.

9.2 Dalam tender ini, perunding hendaklah menawarkan perkhidmatan dalam bidang-bidang seperti berikut:

(a) Arkitek
(b) Awam dan Struktur
(c) Mekanikal
(d) Elektrik
(e) Ukur Bahan
(f) Perkhidmatan Lain**

** ***Agensi perlu menetapkan senarai perkhidmatan lain mengikut keperluan projek dan mengenalpasti Additional Services (jika berkaitan) yang akan diletakkan di bawah Perunding Utama***

9.3 Perunding Utama hendaklah menyenaraikan nama-nama sub perunding yang akan memberi perkhidmatan bagi bidang-bidang yang dinyatakan di atas.

9.4 Selain daripada menawarkan perkhidmatan sebagai Perunding Utama, perunding juga boleh menawarkan perkhidmatan dalam bidang-bidang lain yang dinyatakan dalam Terma Rujukan sekiranya perunding berdaftar dalam kod bidang yang berkenaan.

9.5 Penilaian ke atas Perunding Utama akan dilaksanakan dalam **Lima (5) peringkat** seperti berikut:

- Saringan Awal;
- Kelayakan Asas Tender;
- Penilaian Teknikal;
- Penilaian Kos; dan
- Penilaian Keseluruhan.

9.6 Untuk membolehkan penilaian dibuat, **Perunding Utama** dikehendaki melengkapkan borang-borang yang disertakan di SEKSYEN II - Dokumen Tender ini dengan sempurna dan **mengembalikannya** seperti berikut :

(a) <u>Saringan Awal</u>

Bilangan Sub Perunding yang dinamakan menepati bilangan perkhidmatan yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di Perenggan 9.2 di atas dan Terma Rujukan.

Sub Perunding tidak boleh menyertai tender dengan Perunding Utama yang lain bagi tender yang sama.

Sekiranya didapati salah satu sub perunding yang dicadangkan telah menyertai tender ini dengan Perunding Utama yang lain, maka penilaian bagi kelayakan asas tender tidak akan diteruskan.

Sub Perunding tidak boleh menyertai tender dengan Perunding Utama yang lain bagi tender yang sama kecuali sekiranya Jabatan mendapati bidang sub perunding yang diperlukan tidak mencukupi dalam pasaran. Dalam hal ini, bidang ***nyatakan bidang-bidang lain yang berkenaan, contohnya Medical Planner atau Medical Equipment Planner*** dibenarkan untuk menyertai tidak lebih daripada tiga (3) tender sebagai sub perunding dengan perunding utama yang berlainan bagi tender yang sama.

Hanya Perunding yang melepasi peringkat Saringan Awal akan dibuat penilaian Kelayakan Asas Tender.

Bagi tujuan saringan ini, dokumen yang akan dirujuk adalah seperti berikut:

BORANG G -	Senarai Nama dan Maklumat Am Perunding Utama dan Sub Perunding Mengikut Bidang
BORANG C2 -	Surat Akuan Sub Perunding Tidak Menyertai Tender Dengan Perunding Utama Lain Dalam Tender Yang Sama

(b) Kelayakan Asas Tender

Mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

(i) Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengikut Kod Bidang bagi **Perunding Utama** dan setiap **Sub Perunding**;

(ii) Sijil Perakuan Pendaftaran Badan Profesional bagi **Perunding Utama** dan setiap **Sub Perunding**;

(iii) Borang A – Akuan Kebenaran Perkongsian Maklumat dan Pengesahan Maklumat Oleh Perunding **Utama** dan setiap **Sub Perunding**;

(iv) Borang B – Surat Akuan Perunding **Utama** dan setiap **Sub Perunding** Berkenaan Rasuah;

(v) Borang C1 - Surat Akuan Bebas daripada Tindakan Tatatertib Lembaga Profesional/Sabitan Jenayah/Pakatan Harga yang berkaitan oleh **Perunding Utama** dan **Sub Perunding**; dan

(vi) Borang D – Surat Akuan Perunding Utama untuk Melaksanakan Program Protégé.

Hanya Perunding yang melepasi Kelayakan Asas Tender akan dibuat Penilaian Teknikal dan Penilaian Kos.

(c) Penilaian Teknikal

(i) Borang-borang berkaitan :

Borang E	Senarai Pengalaman Perunding Utama
Borang F	Senarai Kakitangan Teknikal Perunding Utama
Borang H	Cadangan Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding
Borang J	Cadangan Kaedah Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding
Borang K	Program Kepastian Kualiti Perunding Utama
Borang L	Cadangan Carta Organisasi Pasukan Perunding Utama dan Sub Perunding

(ii) Mengemukakan Maklumat Kewangan Oleh Perunding Utama:

- Salinan PENYATA AKAUN BANK* bagi dua belas (12) bulan yang terakhir firma masing-masing sebelum bulan tutup tender yang disahkan oleh Pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan;

atau

- Salinan PENYATA KEWANGAN FIRMA* masing-masing bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang diaudit dan disahkan dengan Salinan diakui sah (*certified true copy*) ASAL oleh Juruaudit Bertauliah / Setiausaha Syarikat Berlesen.

* ***Dokumen Wajib yang perlu dilengkapkan dan ditandatangani dengan sempurna***

(iii) Mengemukakan maklumat Firma bagi Perunding Utama seperti berikut:

- **Maklumat Am Latar Belakang Firma Perunding**

- **Borang E**

  - ✓ Senarai projek Kerajaan dan Swasta yang SEDANG DILAKSANAKAN oleh perunding dalam tempoh 3 tahun terkini dari tarikh tutup tender.

  - ✓ Senarai Pengalaman perunding bagi projek Kerajaan dan Swasta yang TELAH SIAP dalam tempoh 3 tahun terkini dari tarikh tutup tender.

  - ✓ Mengemukakan bukti Surat Setuju Terima perunding bagi setiap perkhidmatan yang dilantik bagi projek-projek yang dinyatakan di atas.

- **Borang F**

  - ✓ CV setiap kakitangan firma berstatus profesional, sijil keahlian Lembaga-lembaga Profesional.

  - ✓ Salinan Penyata Caruman KWSP bagi bulan caruman terkini beserta Borang ‘A’ yang mengandungi nama setiap kakitangan tetap.

- **Borang G**

  - ✓ Cadangan Senarai Nama Sub Perunding yang Dinamakan mengikut bidang berdasarkan Terma Rujukan.

SEKSYEN I : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

- **Borang H**

  ✓ Cadangan Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding dengan menyenaraikan aktiviti pelaksanaan secara terperinci berdasarkan Terma Rujukan.

- **Borang J**

  ✓ Kaedah Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding mengikut peringkat perkhidmatan berdasarkan Terma Rujukan.

- **Borang K**

  ✓ Menyenaraikan Program Kepastian Kualiti berserta bukti pelaksanaan/perancangan program berkenaan.

- **Borang L**

  ✓ Carta Organisasi Pasukan Perunding oleh Perunding Utama yang mengandungi peranan dan tanggungjawab setiap kakitangan Perunding Utama dan Sub Perunding.

(d) Penilaian Kos

(i) **Perunding Utama perlu mengemukakan tawaran KOS PERKHIDMATAN PERUNDING (Tidak Termasuk 6% Cukai Perkhidmatan) yang merangkumi setiap perkhidmatan Sub Perunding yang dicadangkan berdasarkan Terma Rujukan;**

(ii) Perunding perlu melengkapkan dan menandatangani Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding yang termasuk Sub Perunding mengikut bidang masing-masing.

(iii) Mengisi Borang Tender dengan lengkap dan sempurna. **KOS PERKHIDMATAN PERUNDING** hendaklah diisi dengan betul di dalam Borang Tender. Sebarang kesilapan akan menyebabkan tawaran Perunding ditolak.

Nota: Borang Tender dan semua maklumat di dalam Borang A –L hendaklah sahih, lengkap dan **ditandatangan oleh penama dalam** Sijil Akuan Pendaftaran Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (yang mana berkenaan).

9.7 Dokumen Wajib perlu dilengkapkan dan ditandatangani dengan sempurna oleh Perunding Utama. **Dokumen Wajib** yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

(a) Borang A Akuan Kebenaran Perkongsian Maklumat dan Pengesahan Maklumat Oleh Perunding

(b) Borang B Surat Akuan Perunding Berkenaan Rasuah

(c) Borang C1 Surat Akuan Bebas dari Tindakan Tatatertib oleh Lembaga Profesional/Sabitan Jenayah/Pakatan Harga

(d) Borang C2 Akuan Sub Perunding Tidak Menyertai Tender dengan Perunding Utama Lain Dalam Projek Yang Sama

(e) Borang D Surat Akuan Perunding untuk Melaksanakan Program Protégé

(f) Salinan PENYATA AKAUN BANK

(g) Salinan PENYATA KEWANGAN TAHUNAN FIRMA

9.8 Sekiranya perunding gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen seperti di atas, maka maklumat tersebut tidak dapat disemak kerana ketidakcukupan dokumen dan tidak akan diambil kira dalam penilaian perunding berkenaan.

9.9 Perunding juga dikehendaki mengisi dua (2) **Senarai Semak Dokumen** iaitu:

a) Senarai Semak Dokumen Kelayakan Asas Dan Cadangan Teknikal

b) Senarai Semak Dokumen Cadangan Kos

Senarai Semak ini akan menjadi panduan semakan semula dan bukti penerimaan dokumen-dokumen di atas.

9.10 Semua dokumen di atas hendaklah dikemukakan sebelum atau pada tarikh tutup tender. **Sebarang maklumat atau dokumen yang dikemukakan selepas tarikh dan waktu tutup tender tersebut, TIDAK AKAN DINILAI**. Oleh itu, perunding adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelancaran penyerahan dokumen tender tersebut mengikut tarikh dan waktu yang ditetapkan.

9.11 Sekiranya Pegawai Penilai mendapati ada unsur pemalsuan dokumen atau salah nyataan maklumat, tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan ke atas perunding tersebut seperti berikut:

(a) Tawaran perunding tidak akan dipertimbangkan (jika di peringkat pra-kontrak) atau kontrak ditamatkan (jika di peringkat pasca-kontrak);

(b) Membuat laporan kepada polis untuk diambil tindakan sekiranya didapati berlaku pemalsuan/salah nyataan dengan niat mempengaruhi keputusan Kerajaan untuk mempertimbangkan tawaran perunding;

(c) Membuat laporan kepada Pihak Berkuasa (MOF/Lembaga Profesional) untuk diambil tindakan tatatertib; dan

(d) Perunding disenarai hitamkan oleh MOF daripada menyertai mana-mana tender Kerajaan di masa akan datang.

10. KRITERIA PENILAIAN

10.1 Secara amnya, penilaian hanya akan dilaksanakan ke atas Perunding Utama. Jika Perunding Utama gagal dalam penilaian, maka penilaian selanjutnya tidak akan diteruskan.

10.2 Terdapat dua (2) peringkat penilaian berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan dengan peratus (%) wajaran yang diberikan seperti berikut:

Bil.	Peringkat Penilaian	Peratus Wajaran (%)
1	Penilaian Teknikal	80
2	Penilaian Kos	20
	Jumlah	**100**

10.3 **Penilaian Teknikal**

Bil	Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Peratus Wajaran (%)	
		A	B
1	Kapabiliti Firma Perunding	35	35
2	Kakitangan Yang Terlibat	30	30
3	Metodologi	30	25
4	Program Kepastian Kualiti	5	5
5	Sesi Pembentangan oleh Perunding (jika perlu)	-	5
	Jumlah	**100**	**100**

Kriteria utama penilaian teknikal akan merangkumi perkara-perkara berikut:

(a) Kemampuan Firma Perunding

Kemampuan firma perunding akan dinilai berdasarkan sub kriteria berikut:

(a) Lokasi ibu pejabat/cawangan firma di negeri projek akan dilaksanakan (kriteria ini tidak terpakai untuk Perolehan yang tertakluk kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* - FTA);
(b) Projek yang seumpama pernah dilaksanakan sama ada projek Kerajaan/Swasta/Negara Luar;
(c) Pengalaman/penglibatan melaksanakan projek secara kaedah BIM;
(d) Bilangan dan jumlah nilai lantikan bagi projek Kerajaan untuk tempoh tiga (3) tahun terkini dari tarikh tutup tender;
(e) Bilangan, nilai dan status kerja dalam tangan bagi projek Kerajaan/ Swasta yang sedang dilaksanakan;
(f) Nisbah ekuiti Bumiputra dalam firma melebihi Bukan Bumiputera/ Asing akan diberi pemarkahan yang lebih tinggi (kriteria ini tidak terpakai untuk Perolehan yang tertakluk kepada FTA); dan
(g) Kedudukan kewangan firma iaitu kecukupan aliran tunai untuk menampung operasi firma.

(b) Kakitangan Yang Terlibat

Kakitangan yang terlibat akan dinilai berdasarkan sub kriteria berikut:

(a) Bilangan kakitangan firma yang meliputi kakitangan pengurusan (pengarah dan pengurus firma), kakitangan penting (profesional/ pakar) dan kakitangan ikhtisas/separa ikhtisas lain;
(b) Pendaftaran dengan Lembaga Profesional bagi setiap kakitangan profesional; dan
(c) Kakitangan firma yang mempunyai kelayakan dan kompetensi melaksanakan projek secara kaedah BIM.*

**Potong sekiranya tidak berkenaan*

(c) Kaedah Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding

Kaedah yang bersesuaian dengan kehendak projek akan dinilai berdasarkan sub kriteria berikut:

(a) Cadangan kaedah pelaksanaan yang menepati kehendak Terma Rujukan
(b) Rangka kerja/Aktiviti yang dicadangkan dalam pelaksanaan projek termasuk aktiviti pemantauan, komunikasi dan pelaporan oleh perunding; dan
(c) Carta Pasukan Kerja berserta dengan peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan ke atas projek.

(d) Program Kepastian Kualiti

Program kepastian kualiti akan dinilai berdasarkan penarafan ISO/MS – ISO yang diperolehi oleh firma;

(e) Sesi Pembentangan oleh Perunding (jika perlu)

Sesi pembentangan hanya akan dilaksanakan bagi firma yang lulus peringkat kelayakan asas pelawaan dan penilaian kriteria utama sahaja.

10.4 **Penilaian Kos**

(a) Penilaian Kos hanya dibuat ke atas perunding yang lulus penilaian teknikal sahaja di mana komponen utama Cadangan Kos adalah seperti berikut:

- ✓ Yuran Perunding
- ✓ Kos Imbuhan Balik

(b) Penilaian yang dilaksanakan akan memastikan Cadangan Kos menepati ketetapan berikut:

(i) <u>Yuran Perunding</u>

- ✓ Yuran perunding sama ada bagi skop perkhidmatan asas/ tambahan/khas adalah tetap sepanjang pelaksanaan sehingga projek siap. Oleh itu, perunding hendaklah menentukan yuran perunding berdasarkan kaedah pengiraan yang kompetitif dan munasabah dengan mengambilkira faktor-faktor lain yang dijangka perlu dihargakan dalam yurannya.

- ✓ Penetapan yuran perunding secara pukal tanpa butiran adalah tidak dibenarkan. Mana-mana perunding yang menawarkan Yuran Perkhidmatan secara pukal, Cadangan Kos tersebut tidak akan dipertimbangkan.

(ii) <u>Kos Imbuhan Balik</u>

Bagi tujuan mengemukakan tawaran kos imbuhan balik ini, perunding perlu **MENGHARGAKAN** dan **MENGANGGARKAN KUANTITI** item-item yang telah disenaraikan dalam Format Cadangan Kos selaras dengan Terma Rujukan. Kadar bagi setiap item imbuhan balik hendaklah tidak melebihi kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

(c) Cadangan Kos tersebut adalah lengkap dan sempurna apabila perunding telah menghargakan kedua-dua komponen utama Cadangan Kos iaitu Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik.

(d) Mana-mana perunding yang gagal mengemukakan Cadangan Kos yang lengkap atau memberi Cadangan Kos dalam bentuk *Lump Sum* (tanpa dihargakan setiap sub-komponen) atau mengandungi kesilapan dalam pengiraan akan menyebabkan tawaran Perunding ditolak.

10.5 **Penilaian Keseluruhan**

Penilaian keseluruhan adalah berdasarkan *Quality and Cost Based Selection* (QCBS) seperti berikut:

Markah Keseluruhan = $(Q \times W_1) + (C \times W_2)$ di mana;

Q : Markah Penilaian Teknikal W_1 : Wajaran Penilaian Teknikal
C : Markah Penilaian Kos W_2 : Wajaran Penilaian Kos

Wajaran Penilaian Keseluruhan adalah ditetapkan seperti berikut:

Wajaran untuk Penilaian Teknikal	Wajaran untuk Penilaian Kos	Wajaran untuk Penilaian Keseluruhan
80%	20%	100%

11. PENYERAHAN CADANGAN TEKNIKAL DAN CADANGAN KOS PERUNDING

12.1 Perunding dikehendaki mengemukakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos mengikut format yang telah ditetapkan di dalam Dokumen Tender yang berasaskan Terma Rujukan.

12.2 Semua dokumen di atas hendaklah dikemukakan secara *hardcopy* sebanyak satu (1) salinan.

12.3 Kaedah mengemukakan dokumen-dokumen cadangan adalah seperti berikut:

(a) Dokumen Cadangan Teknikal

Dokumen Cadangan Perunding Utama hendaklah dimasukkan dalam sampul dan dilabelkan seperti berikut:

CADANGAN TEKNIKAL
DOKUMEN PELAWAAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING UTAMA (LEAD CONSULTANT) UNTUK

NAMA PROJEK :……..
PERUNDING UTAMA :……..
No.	Nama lampiran/dokumen sokongan	No. Lampiran/muka surat

(ii) Saya memperakui bahawa kesemua maklumat yang dikemukakan adalah benar, lengkap dan tepat;

(iii) Saya jelas akan bahawa firma saya akan disingkirkan daripada menyertai tender ini sekiranya didapati kenyataan/maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah palsu; dan

(iv) Saya sedar akan bahawa setelah borang yang lengkap dan ditandatangani ini diserahkan, ia akan menjadi sebahagian daripada tawaran dan akan digunakan sebagai bukti ke atas perakuan ini.

Perakuan penuh

Saya, ... dengan ini memperakui dengan sepenuhnya bahawa semua maklumat dan dokumen yang disertakan bersama tawaran ini adalah benar, lengkap dan tepat, dan perakuan ini dibuat sepenuhnya dengan suci hati serta ia adalah bersamaan dengan perakuan bersumpah.

Saya juga dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Kerajaan untuk membuat pengesahan dengan Bank Negara dan Juruaudit Bertauliah/Bank berkaitan kesahihan Penyata Kewangan/Penyata Bank.

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Saya sedar dan akur bahawa jika melalui pengesahan dengan Juruaudit Bertauliah/ Bank didapati terdapat unsur pemalsuan dokumen atau salah nyataan maklumat, Kerajaan boleh mengambil tindakan seperti berikut:

(a) Tidak akan mempertimbangkan tawaran saya (jika di peringkat pra-kontrak) atau menamatkan kontrak (jika di peringkat pasca-kontrak);

(b) Melapor kepada polis untuk diambil tindakan sekiranya didapati berlaku pemalsuan/ salah nyataan dengan niat mempengaruhi keputusan Kerajaan untuk mempertimbangkan tawaran perunding;

(c) Melapor kepada Pihak Berkuasa (MOF/Lembaga Profesional) untuk diambil tindakan tatatertib; dan

(d) MOF menyenarai hitamkan syarikat saya daripada menyertai mana-mana tender Kerajaan di masa akan datang.

Tandatangan : .....
Ditandatangan oleh penama dalam Akuan Pendaftaran Firma Perunding dengan Kementerian Kewangan
Nama wakil & jawatan : .....
Cap firma : .....
Tarikh : .....

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang B – Akuan Perunding Berkenaan Rasuah
(Tajuk Tender)

Untuk diisi oleh Perunding Utama dan Sub Perunding Secara Berasingan

Saya ..... nombor K.P ..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran..... adalah Perunding Utama/Sub Perunding kepada ……..……* dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Nama Agensi** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Nama Agensi** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender di atas; atau
2.2 Penamatan kontrak bagi tender di atas; dan
2.3 Lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :

Ditandatangan oleh penama dalam Akuan Pendaftaran Firma Perunding dengan Kementerian Kewangan

Cap Firma :

Catatan : i) * Potong mana yang tidak berkaitan.

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang C1 – Akuan Perunding Bebas Daripada Tindakan Tatatertib Oleh Lembaga Profesional/Sabitan Jenayah/Pakatan Harga

Untuk diisi oleh Perunding Utama dan Sub Perunding Secara Berasingan

(Tajuk Tender)

Saya ..... nombor K.P ..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran..... adalah Sub Perunding kepada Perunding Utama …….. dengan ini mengisytiharkan bahawa saya dan syarikat ini adalah bebas dari perkara-perkara berikut:

(a) Sebarang tindakan tatatertib oleh Lembaga Profesional yang memantau amalan saya dan syarikat ini di bawah sijil/permit yang dikeluarkan oleh **Lembaga Arkitek/Jurutera/Juruukur Bahan* Malaysia**;
(b) Sabitan kesalahan jenayah oleh Mahkamah;
(c) Kesalahan pakatan harga oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

2. Sekiranya saya atau syarikat ini didapati memalsukan pengakuan bebas dari tindakan tatatertib seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Tawaran daripada syarikat ini tidak akan dinilai/dipertimbangkan;
2.2 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender di atas; atau
2.3 Penamatan kontrak bagi tender di atas; dan
2.4 Lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)
Ditandatangan oleh penama dalam Akuan Pendaftaran Firma Perunding dengan Kementerian Kewangan

Cop Syarikat :

Catatan : i) * Potong mana yang tidak berkaitan.

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang C2 – Akuan Sub Perunding Tidak Menyertai Tender Dengan Perunding Utama Lain Dalam Projek Yang Sama

Untuk diisi oleh Sub Perunding sahaja

1(a) * Saya ..... nombor K.P .....yang mewakili ..... nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya dan syarikat ini tidak menyertai tender ini dengan pihak lain dan hanya mengemukakan satu (1) Cadangan Tawaran sebagai Sub Perunding kepada Perunding Utama iaitu……..

1(b) * Saya ..... nombor K.P ..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya dan syarikat ini tidak menyertai lebih daripada tiga (3) tender ini dengan pihak lain.
(sekiranya Jabatan mendapati bidang sub perunding yang diperlukan tidak mencukupi dalam pasaran, sub perunding dibenarkan untuk menyertai tidak lebih daripada tiga (3) tender sebagai sub perunding dengan perunding utama yang berlainan bagi tender yang sama)

2. Sekiranya saya atau syarikat ini didapati memalsukan pengakuan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Tawaran daripada syarikat ini tidak akan dinilai/dipertimbangkan;
2.2 Lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)
Ditandatangan oleh penama dalam Akuan Pendaftaran Firma Perunding dengan Kementerian Kewangan

Cap Syarikat :

Catatan : i) * *Pilih 1(a) atau 1(b) dan potong yang mana tidak berkenaan.* ii) ** *Ditandatangan oleh penama dalam Akuan Pendaftaran Firma Perunding dengan Kementerian Kewangan.*

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang D – Akuan Perunding Utama Untuk Melaksanakan Program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (Protégé)

Untuk diisi oleh Perunding Utama sahaja

Kepada (Agensi)

.....
.....

Tender : (Tajuk)
.....
.
.....

Saya..... nombor kad pengenalan..... yang mewakili syarikat. ..... nombor pendaftaran. ..... *MOF/CIDB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya akan melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) jika dipilih untuk tender ini mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta program PROTÉGÉ seperti yang ditetapkan di dalam syarat tender.

2. Sekiranya saya tidak melaksanakan program PROTÉGÉ mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta setelah dipilih untuk tender ini, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas syarikat saya berdasarkan syarat/klausa kontrak dan syarikat saya mungkin tidak akan dipertimbangkan untuk tender perolehan kerajaan pada masa yang akan datang.

Yang Benar,

.....
(**Nama dan No. Kad Pengenalan**)

Cop Syarikat:

Catatan : i) *Potong mana yang tidak berkaitan
ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di Akuan Pendaftaran Firma Perunding dengan Kementerian Kewangan

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang E – Senarai Pengalaman Perunding Utama

SENARAI PROJEK KERAJAAN & SWASTA SEDANG DILAKSANAKAN / YANG TELAH SIAP DALAM TEMPOH TIGA (3) TAHUN TERKINI								
BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING*	JUMLAH YURAN PERUNDING (RM)	TEMPOH PERKHIDMATAN **	TARIKH		NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN
						MULA	SIAP	
A	SENARAI PROJEK SEDANG DILAKSANA							
B	SENARAI PROJEK YANG TELAH SIAP							

* PRA & POS KONTRAK ATAU PRA-KONTRAK ATAU POS KONTRAK ATAU LAIN-LAIN (NYATAKAN)
** TEMPOH PERKHIDMATAN HENDAKLAH TERMASUK LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang F – Senarai Kakitangan Teknikal Perunding Utama

(TAJUK TENDER)

BUTIR-BUTIR KAKITANGAN TEKNIKAL PERUNDING UTAMA										
BIL	**i. NAMA ii. NO KAD PENGENALAN ***	**UMUR**	**STATUS (TETAP/ SEMENTARA) ****	**KELULUSAN AKADEMIK *****	**TAHUN LULUS**	**PENGALAMAN DALAM BIDANG BERKAITAN (TAHUN)**	**PENDAFTARAN DENGAN BADAN PROFESIONAL ********	**TARIKH DIAMBIL BEKERJA**	**JAWATAN YANG DISANDANG/ TUGAS SEMASA**	**PENGALAMAN LEPAS i. Jawatan Disandang ii. Nama Projek iii.Majikan iv.Tempoh Bekerja v. Dalam / Luar Negeri **********

* SILA SERTAKAN SALINAN PENYATA CARUMAN KWSP BAGI BULAN CARUMAN TERAKHIR DAN BORANG 'A' YANG MENGANDUNGI NAMA SETIAP KAKITANGAN TEKNIKAL

** KAKITANGAN YANG BERKHIDMAT DENGAN FIRMA TERSEBUT KURANG DAN SATU (1) TAHUN ADALAH DIKIRA SEBAGAI KAKITANGAN SEMENTARA

*** SILA SERTAKAN SALINAN SIJIL KELULUSAN

**** SILA SERTAKAN SALINAN SIJIL KEAHLIAN LEMBAGA-LEMBAGA PROFESIONAL

***** SILA SERTAKAN CV

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang G – Senarai Nama dan Maklumat Am Perunding Utama dan Sub Perunding Mengikur Bidang

(Tajuk Tender)

BIL.	KOD & BIDANG Diisi oleh Pejabat yang menyedia tender	NAMA PERUNDING	ALAMAT PERUNDING UTAMA & SUB PERUNDING	NO. TELEFON NO. FAKS EMEL	NO. PENDAFTARAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)
PERUNDING UTAMA :					
1.	KOD : BIDANG :				
SUB PERUNDING :					
2.	KOD : BIDANG :				
3.	KOD : BIDANG :				
4.	KOD : BIDANG :				
5.	KOD : BIDANG :				
6.	KOD : BIDANG :				

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang H – Senarai Nama dan Maklumat Am Perunding Utama dan Sub Perunding Mengikur Bidang

(TAJUK TENDER)

Nota : Senarai aktiviti pelaksanaan secara terperinci dengan menggunakan Microsoft Office Project diberi keutamaan berdasarkan Terma Rujukan

CONTOH :

BIL	PERINGKAT PENGEMUKAAN *DELIVERABLES*	SENARAI AKTIVITI YANG TERLIBAT	TEMPOH PELAKSANAAN AKTIVITI	TARIKH MULA AKTIVITI	TARIKH AKHIR AKTIVITI

OR

GANTT CHART

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang J – Cadangan Kaedah Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding

(TAJUK TENDER)

RANGKA KERJA PELAKSANAAN PROJEK		
AKTIVITI YANG DICADANGKAN DALAM PELAKSANAAN PROJEK MENGIKUT TERMA RUJUKAN (TERMASUK AKTIVITI SUB PERUNDING)	**AKTIVITI PEMANTAUAN OLEH PERUNDING UTAMA DAN SUB PERUNDING**	**PELAPORAN OLEH PERUNDING UTAMA DAN SUB PERUNDING**

Nota : Senaraikan program berdasarkan peringkat-peringkat perkhidmatan yang ditawarkan oleh perunding

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang K – Program Kepastian Kualiti Perunding Utama

(TAJUK TENDER)


PENSIJILAN YANG DIPEROLEHI		
JENIS PENSIJILAN **CONTOH : ISO**	**STATUS PENSIJILAN DAN PENGESAHAN ORGANISASI YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMPERAKUI SIJIL TERSEBUT**	**SALINAN SIJIL**

SEKSYEN II : BAHAGIAN A
(TAJUK TENDER)

Borang L – Cadangan Carta Organisasi Pasukan Perunding Utama dan Sub Perunding

(TAJUK TENDER)

CONTOH:



Carta Organisasi hendaklah mengandungi maklumat mengenai peranan dan tanggungjawab setiap kakitangan Perunding Utama dan Sub Perunding

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

SEKSYEN II : BAHAGIAN B

Borang Tender

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

BORANG TENDER UNTUK PERKHIDMATAN PERUNDING UTAMA

TENDER BAGI :

PERUNDING UTAMA BAGI PROJEK

.....

.....

Kepada:

(Pihak menerima tender)

TUAN,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat Tender yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk memberi perkhidmatan perundingan sebagai Perunding Utama seperti yang ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah difahamkan daripada Dokumen Tender, yang hendaklah diberi perkhidmatan oleh pihak Perunding Utama, dengan menepati Dokumen Tender tersebut bagi jumlah wang pukal yang disebutkan di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat dengan *Consultancy Services Agreement* dan Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding yang terletak harganya dan/atau Terma Rujukan tersebut.

3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju memberikan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian itu dalam tempoh masa **……** ~~hari~~/minggu/bulan* dari Tarikh Mula Perkhidmatan atau dalam apa-apa tempoh lanjutan masa yang dibenarkan dalam *Consultancy Services Agreement.*

4. Jumlah amaun Tender ini yang merupakan Kos Perkhidmatan Perunding adalah sebanyak Ringgit Malaysia: ..... *(dalam angka).*

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Kerajaan sentiasa berhak menyetujuterima atau menolak Tender ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada tender-tender yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Tender ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh Seratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Yang bertandatangan di bawah ini mengambil maklum bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika petender yang berjaya telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

(a) suatu polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional yang diambil atas nama petender yang berjaya;

(b) jadual pelaksanaan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan

(c) senarai nama kakitangan perunding (terdiri daripada kakitangan Perunding Utama dan sub perunding) yang terlibat dalam projek ini berserta peranan masing-masing,

tidak melebihi *14/30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat Setuju Terima oleh petender yang berjaya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat Setuju Terima terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungan terhadap petender yang berjaya melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

7. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Tender ini berserta Surat Setuju Terima akan menjadi kontrak yang mengikat antara Kerajaan dan petender yang berjaya. Satu dokumen kontrak akan ditandatangani dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen tender.

8. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa Dokumen Tender Perunding yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun Tender ini adalah salinan-salinan sebenar yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Tender Perunding.

9. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

(a) jika Tender ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Laku Tender atau apa-apa tempoh lanjutan; atau

(b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janjian tambahan kepada Tender ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender; atau

(c) jika sekiranya Tender telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal sebagaimana dikehendaki oleh *Consultancy Services Agreement* atau tidak meneruskan perkhidmatan;

maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Kerajaan sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai Perunding Kerajaan, sebagaimana difikirkan perlu oleh Kerajaan.

Bertarikh pada ……. haribulan…….

Tandatangan Petender

Nama Penuh: ……...

Atas sifat: ……

yang diberikuasa dengan sempumanya untuk menandatangani Tender ini untuk dan bagi pihak:

.....
Meterai atau cap Petender

Saksi: ..... ……

Nama Penuh: …….....

Pekerjaan: …….....

Alamat: ……

...…….

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

SYARAT-SYARAT MEMBUAT TENDER

1. (a) Petender mestilah menyerahkan, dalam satu (1) bungkusan/kotak yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Iklan Tender, suatu tender yang sah dalam Borang Tender yang diperuntukkan, bersama dengan Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Tender yang tidak lengkap atau tidak bertandatangan akan ditolak.

   (b) Petender hendaklah meletakkan harga dalam Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh petender.

2. Jika mana-mana petender:

   (a) menarik balik tendernya sebelum tamat Tempoh Sah Laku Tender atau apa-apa tempoh lanjutan; atau

   (b) mengenakan had, syarat atau janjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik tender ini); atau

   (c) jika sekiranya tender telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau tidak meneruskan perkhidmatan,

   maka, dalam mana-mana hal itu, Kerajaan hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai Perunding Kerajaan, sebagaimana difikirkan perlu oleh Kerajaan.

3. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Tender atau mana-mana Dokumen Tender yang lain.

4. (a) Tender-tender dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam perenggan 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Iklan Tender bagi penyerahan tender.

   (b) Jika sesuatu tender tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi tendernya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.

(c) Mana-mana tender yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.

(d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan tendernya boleh dibayar kepadanya.

5. (a) Jika sekiranya petender mendapati ada percanggahan di dalam Dokumen Tender, petender hendaklah dengan serta merta merujuk kepada Pejabat yang memanggil Tender. yang akan menyelesaikan dan/atau mengarahkan yang mana perlu diikuti. Penyelesaian atau arahan tersebut yang mengubah/menambah kandungan dokumen tender hanya sah jika dibuat dalam bentuk Adendum secara rasmi.

(b) Sebelum tarikh tutup tender, pejabat yang memanggil tender boleh mengeluarkan Adendum untuk meminda sebahagian atau keseluruhan Dokumen Tender. Setiap adendum yang dikeluarkan akan diedarkan kepada perunding dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender. Bukti penerimaan adendum hendaklah dikembalikan oleh perunding melalui Borang Bukti Penerimaan yang disertakan bersama-sama adendum dengan kadar segera. Setiap adendum yang diterima oleh perunding hendaklah disertakan bersama-sama dokumen tender. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tender berkenaan ditolak.

6. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa, meneliti tapakbina dan sekitarnya serta telah menentukan sebelum menyerahkan tendernya tentang risiko, luarjangka dan segala hal keadaan keperluan khusus projek.

7. Tender hendaklah terus sah selama tempoh Seratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh tutup tender sebagaimana yang ditetapkan dalam Iklan Tender (dalam Syarat-Syarat Membuat Tender ini disebut "Tempoh Sah Laku Tender") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

8. Kerajaan tidak boleh terikat menyetujuterima tender yang rendah sekali atau sesuatu tender dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tender.

9. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang tendernya dengan surat (disebut "Surat Setuju Terima") dalam Tempoh Sah Laku Tender atau apa-apa tempoh lanjutan.

10. Tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika petender yang berjaya telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

(a) suatu polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional yang diambil atas nama petender yang berjaya;

(b) jadual pelaksanaan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan

(c) senarai nama kakitangan perunding (terdiri daripada kakitangan Perunding Utama dan sub perunding) yang terlibat dalam projek ini berserta peranan masing-masing,

tidak melebihi *14/30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat Setuju Terima ini oleh petender yang berjaya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat Setuju Terima terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungan terhadap petender yang berjaya melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

11. Semua borang-borang yang dilampirkan kepada Dokumen Tender hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan tendernya.

12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah dipos, diemel, atau difaks ke alamatnya, alamat emel atau no faks yang dinyatakan dalam tender ini dan tindakan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis tersebut.

13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana tendernya telah diluluskan dan disetuju terima oleh Kerajaan.

14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.

15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka tendernya boleh ditolak.

16. Syarat-Syarat Membuat Tender ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding

BIL	HURAIAN KOMPONEN DAN SUBKOMPONEN	PERUNDING UTAMA	SUB PERUNDING (Bidang sub perunding tertakluk kepada keperluan projek)				
		Cth: **ARKITEK**	**AWAM / STRUKTUR**	**UKUR BAHAN**	**MEKANIKAL**	**ELEKTRIK**	**LANSKAP**
	YURAN PERUNDING:						
1	Perkhidmatan Asas	20,000,000.00					
2	Perkhidmatan Tambahan (merujuk kepada peruntukan TOR)						
3	Penyeliaan Tapak						
A	JUMLAH YURAN PERUNDING (RM)						
	KOS IMBUHAN BALIK:						
1	Kos Pengangkutan / Perjalanan						
	i. Tiket Penerbangan						
	ii. Tuntutan Perjalanan Kenderaan						
2	Elaun Penginapan Dan Sara Hidup						
3	Kos Perhubungan						
4	Kos Dokumentasi Dan Penyediaan Laporan						
B	JUMLAH KOS IMBUHAN BALIK (RM)						
	JUMLAH A+B						
	KOS PERKHIDMATAN PERUNDING (RM) (Kos Keseluruhan Perunding Utama dan Semua Sub Perunding)						RM

Nota Penting :

1) Setiap butiran komponen dan sub komponen hendaklah dihargakan.
2) Nilai Kos Perkhidmatan Perunding hendaklah dibawa ke Borang Tender.

Tandatangan Perunding Utama

Nama:

Atas sifatnya sebagai:
Cap Perunding Utama
Tarikh :

Tandatangan Saksi

Nama:

Atas sifatnya sebagai:

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

Cadangan Kos Perkhidmatan Perunding

A. PENYEDIAAN CADANGAN KOS OLEH PERUNDING UTAMA

1. Definisi Kos Perkhidmatan Perunding

Kos Perkhidmatan Perunding adalah kos yang terdiri daripada **Yuran Perunding** dan **Kos Imbuhan Balik.**

2. Yuran Perunding

2.1 Kerajaan telah memutuskan kaedah bayaran ke atas perkhidmatan perunding secara Yuran Tetap (Fixed Fee) bagi projek pembangunan fizikal di mana yuran perunding (sama ada bagi skop perkhidmatan asas / tambahan / khas) adalah tetap sepanjang pelaksanaan projek sehingga projek siap. Yuran perunding yang telah dipersetujui tidak boleh berubah berdasarkan nilai kontrak akhir.

2.2 Skala Yuran Piawai (Scale of Fees – SOF) tidak lagi terpakai untuk semua projek fizikal Kerajaan mulai 15 September 2016. Walaubagaimanapun, SOF tersebut boleh digunakan sebagai panduan sahaja dan Kerajaan tidak terikat untuk membuat bayaran yuran perunding berdasarkan pematuhan kepada SOF.

2.3 Bagi tujuan pengiraan Yuran Perunding semasa tawaran harga dikemukakan kepada Kerajaan, perunding hendaklah menentukan yurannya berdasarkan mekanisma pengiraan yang kompetitif selain daripada SOF dengan mengambilkira faktor-faktor lain yang dijangka perlu dihargakan dalam yurannya.

2.4 Penetapan Yuran Perunding secara pukal tanpa butiran kos adalah TIDAK DIBENARKAN.

3. Kos Imbuhan Balik

3.1 Kos Imbuhan Balik adalah lain-lain perbelanjaan (selain daripada Yuran Perunding) yang dibuat oleh perunding mengikut keperluan sesuatu projek. Kos Imbuhan Balik merupakan perbelanjaan sebenar yang dibuat oleh pihak perunding tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK3.2.

3.2 Kadar imbuhan balik hendaklah tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Bagi tujuan mengemukakan harga tawaran untuk imbuhan balik, perunding tidak dibenarkan untuk meminda butiran seperti yang telah ditetapkan dalam format yang dilampirkan.

3.3 Panduan dan contoh penyediaan anggaran boleh dirujuk di Lampiran A di mana perunding adalah tidak terikat untuk mematuhi panduan dan contoh tersebut.

4. Cukai Perkhidmatan

4.1 Cukai Perkhidmatan ke atas kos perunding (yuran perunding dan kos imbuhan balik) berdasarkan kadar peratusan yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang mana cukai tersebut akan dibayar oleh Agensi kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui perunding yang berdaftar dengan JKDM; dan

4.2 Cukai Pegangan ke atas kos perunding berdasarkan kadar peratusan yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mana cukai tersebut akan dibayar oleh Agensi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sekiranya perunding asing tersebut dilantik oleh Agensi atau cukai pegangan tersebut akan dibayar oleh firma jika perunding asing tersebut dilantik oleh firma tempatan.

4.3 Kos keseluruhan perkhidmatan perunding yang ditawarkan hendaklah **TIDAK TERMASUK** cukai perkhidmatan di dalam cadangan kos ini.

4.4 Kerajaan akan menyediakan peruntukan Cukai Perkhidmatan bagi tujuan pembayaran perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

B. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN OLEH PERUNDING UTAMA

1. Perunding dikehendaki melengkapkan dan mengemukakan dokumen-dokumen berikut dalam tawarannya iaitu:

   1.1 Borang Tender
   1.2 Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding

2. Dokumen Cadangan Kos ini hendaklah dimasukkan dalam satu (1) sampul dan ditandakan dengan Nama Projek dan Cadangan Kos.

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

Lampiran A (Panduan Penyediaan Anggaran Kos Imbuhan Balik)

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catitan / Asas Pengiraan / Tuntutan
1.	Pra-Kontrak	Prinsipal	Mesyuarat di Ibu Pejabat JKR	2 kali sebulan	<u>KOS PENGANGKUTAN/PERJALANAN</u> i. a. Tiket penerbangan; b. Lain-lain perbelanjaan seperti tambang teksi, tol, parkir dan lain-lain; c. Tuntutan perjalanan kenderaan (dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja); d. Tambang teksi (anggaran tidak melebihi RM1,000.00 sebulan; dan e. Sewa kenderaan (hanya sekiarnya terdapat keperluan khusus mengikut keperluan projek. ii. <u>ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</u> a. Sewa hotel / lojing layak jika menjalankan tugas rasmi di luar kawasan (melebihi 25km dari pejabat firma) mengikut kadar maksimum yang dibenarkan; b. Elaun makan; dan c. Elaun harian.

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catitan / Asas Pengiraan / Tuntutan
	Pra-Kontrak	Prinsipal/ Juruukur Bahan	Lawatan / Taklimat di Tapak Bina	2 kali	i. <u>KOS PENGANGKUTAN/PERJALANAN</u> a. Tiket penerbangan; b. Lain-lain perbelanjaan seperti tambang teksi, tol, parkir dan lain-lain; c. Tuntutan perjalanan kenderaan (dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja); d. Tambang teksi (anggaran tidak melebihi RM1,000.00 sebulan; dan e. Sewa kenderaan (hanya sekiarnya terdapat keperluan khusus mengikut keperluan projek. ii. <u>ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</u> a. Sewa hotel / lojing layak jika menjalankan tugas rasmi di luar kawasan (melebihi 25km dari pejabat firma) mengikut kadar maksimum yang dibenarkan; b. Elaun makan; dan c. Elaun harian.
2.	Pos-Kontrak	Prinsipal & Juruukur Bahan	Mesyuarat Pra-Pembinaan dan Mesyuarat Tapak	1 kali sebulan sepanjang tempoh pembinaan	<u>KOS PENGANGKUTAN/PERJALANAN</u> i. a. Tiket penerbangan; b. Lain-lain perbelanjaan seperti tambang teksi, tol, parkir dan lain-lain; c. Tuntutan perjalanan kenderaan (dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja); d. Tambang teksi (anggaran tidak melebihi RM1,000.00 sebulan; dan e. Sewa kenderaan (hanya sekiarnya terdapat keperluan khusus mengikut keperluan projek.

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catitan / Asas Pengiraan / Tuntutan
					ii. <u>ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</u> a. Sewa hotel / lojing layak jika menjalankan tugas rasmi di luar kawasan (melebihi 25km dari pejabat firma) mengikut kadar maksimum yang dibenarkan; b. Elaun makan; c. Elaun harian.
	Pos-Kontrak	Juruukur Bahan	Penilaian Kemajuan Kerja / Penyediaan Bayaran Interim	1 kali sebulan sepanjang tempoh pembinaan	<u>KOS PENGANGKUTAN/PERJALANAN</u> i. a. Tiket penerbangan; b. Lain-lain perbelanjaan seperti tambang teksi, tol, parkir dan lain-lain; c. Tuntutan perjalanan kenderaan (dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja); d. Tambang teksi (anggaran tidak melebihi RM1,000.00 sebulan; dan Sewa kenderaan (hanya sekiarnya terdapat keperluan khusus mengikut keperluan projek. ii. <u>ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</u> a. Sewa hotel / lojing layak jika menjalankan tugas rasmi di luar kawasan (melebihi 25km dari pejabat firma) mengikut kadar maksimum yang dibenarkan; b. Elaun makan; dan c. Elaun harian.

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catitan / Asas Pengiraan / Tuntutan
3.	Penyediaan Perakuan Muktamad dan Pengukuran Semula	Juruukur Bahan	Pengukuran Semula Kuantiti & Penyediaan Bayaran Akir		i. <u>KOS PENGANGKUTAN/PERJALANAN</u> a. Tiket penerbangan; b. Lain-lain perbelanjaan seperti tambang teksi, tol, parkir dan lain-lain; c. Tuntutan perjalanan kenderaan (dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja); d. Tambang teksi (anggaran tidak melebihi RM1,000.00 sebulan; dan e. Sewa kenderaan (hanya sekiarnya terdapat keperluan khusus mengikut keperluan projek. ii. <u>ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</u> a. Sewa hotel / lojing layak jika menjalankan tugas rasmi di luar kawasan (melebihi 25km dari pejabat firma) mengikut kadar maksimum yang dibenarkan; b. Elaun makan; dan Elaun harian.
4.	Pengawasan di Tapak Bina	Juruukur Bahan (Jika Ditetapkan)	Kerja pengawasan sebagai tugas ukur bahan	Sepanjang tempoh kontrak dan 6 bulan selepas Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan	i. Berkelulusan dalam bidang Ijazah Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Lembaga Juruukur Bahan. ii. Pengalaman sekurang-kurang 3 tahun dalam bidang ukur bahan. iii. Kelayakan elaun: a. Elaun tapak; dan b. Kos pengiklanan pengambilan kakitangan tapak.
5.	Kos Perhubungan	-	-	Tempoh pelaksanaan projek, kompleksiti projek dan keperluan perhubungan.	i. Termasuk perbelanjaan telefon, faks, emel dan perkhidmatan penghantaran (pos, kurier, dsbnya); ii. Kadar bayaran mengikut bil sebenar dihadkan kepada RM1,500.00 sebulan; dan

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catitan / Asas Pengiraan / Tuntutan
6.	Kos Dokumentasi dan Penyediaan Laporan	-	Percetakan Dokumen Tender	50 set dokumen tender dan 2 set Dokumen Meja Tawaran	i. Meliputi perbelanjaan bagi penyediaan dan percetakan dokumen atau laporan termasuk kos penjilidan dan lain-lain yang berkaitan; dan ii. Jenis, kualiti dan bilangan seperti yang dinyatakan dan mengikut format yang ditetapkan oleh JKR.
			Percetakan Dokumen Kontrak	15 set dokumen kontrak	i. Meliputi perbelanjaan bagi penyediaan dan percetakan dokumen atau laporan termasuk kos penjilidan dan lain-lain yang berkaitan; dan ii. Jenis, kualiti dan bilangan seperti yang dinyatakan dan mengikut format yang ditetapkan oleh JKR.
			Lain-lain dokumen	Mengikut keperluan di dalam Terma Rujukan	i. Meliputi perbelanjaan bagi penyediaan dan percetakan dokumen atau laporan termasuk kos penjilidan dan lain-lain yang berkaitan; dan ii. Jenis, kualiti dan bilangan seperti yang dinyatakan dan mengikut format yang ditetapkan oleh JKR.
7.	Aset Projek	-	-	-	i. Pembelian asset termasuk peralatan dan kelengkapan tidak dibenarkan kecuali dinyatakan di dalam Terma Rujukan; dan ii. Jika dibenarkan, tatacara perolehan akan dikendalikan sendiri oleh Agensi mengikut tatacara perolehan kerajaan dan asset yang dibelikan adalah hak milik Kerajaan.
8.	Ujian Teknikal Dan Lain-lain Ujian	-	-	Tempoh pelaksanaan projek, kompleksiti projek dan keperluan ujian	i. Ujian bahan (*material test*), ujian model (*modelling test*) dan lain-lain ujian teknikal boleh dibenarkan mengikut keperluan projek. Walau bagaimanapun, sekiranya dalam melaksanakan sesuatu ujian, perunding menggunakan khidmat kepakaran dari syarikat lain seperti ujian EIA dan lain-lain ujian makmal, perolehan perkhidmatan tersebut mestilah berdasarkan senarai syarikat yang disediakan oleh Agensi dan mematuhi peraturan dan tatacara yang diluluskan oleh Agensi.

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catitan / Asas Pengiraan / Tuntutan
					ii. Bayaran bagi kos ujian (bahan dan sewaan) hendaklah disokong dengan bil dan dokumen belian di samping pengesahan dari agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam bidang berkenaan.
9.	Kos Sewaan Pejabat Dan Utiliti	-	-	Tempoh pelaksanaan projek	i. Hanya dibenarkan (jika dinyatakan di dalam Terma Rujukan) jika tidak disediakan oleh Kontraktor; dan ii. Kos sewaan meliputi kos sewa bulanan pejabat dan bil- bil utiliti.

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)
PP/PK 3.2 - Imbuhan Balik Perunding

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN
A	**KOS PENGANGKUTAN / PERJALANAN**	
	Tiket Penerbangan Tempatan / Antarabangsa	1. Jumlah penerbangan hendaklah dihadkan kepada bilangan yang perlu sahaja, mengikut tugasan khusus setiap perunding. Bagi tujuan ini Jadual Tugasan *(manning schedule*) yang disediakan oleh perunding bolehlah dijadikan panduan bagi penetapan had jumlah penerbangan. 2. Pakar perunding asing yang semasa melaksanakan tugasnya dan perlu menginap di negara ini bagi tempoh 12 bulan atau lebih secara terus menerus, boleh dibenarkan membawa isteri dan tiga (3) orang anak yang berumur di bawah 18 tahun dengan syarat tempoh penginapan mereka di negara ini tidak kurang dari 3 bulan. Bagi tugasan yang menjangkau tempoh 30 bulan secara terus menerus, perunding asing ini dibenarkan tambahan satu (1) penerbangan pergi-balik termasuk isteri dan tiga (3) orang anak mereka selepas menyempurnakan tempoh perkhidmatan 24 bulan. 3. Penerbangan hendaklah dihadkan kepada kelas ekonomi sahaja. Penerbangan hendaklah menggunakan jalan paling dekat (*the most direct route*) dan tambang termurah dengan menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan tempatan yang telah diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. 4. Bayaran adalah bagi penerbangan pergi balik (*local/or international-bound flights*) mengikut kadar tambang sebenar yang dikenakan oleh syarikat penerbangan berkenaan. Sekiranya terdapat diskaun pada harga pembelian (promosi dan sebagainya), harga diskaun tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan pembayaran.ke lapangan terbang/stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (*berth charges*).
A2	**Lain-lain Perbelanjaan Berkaitan Dengan Perjalanan**	1. Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan para A1 boleh dibenarkan termasuk perbelanjaan tambang teksi dari rumah ke lapangan terbang (vice-versa), bayaran visa, permit perjalanan, tol, parkir dan lain-lain. 2. Kadar bayaran hendaklah mengikut kadar sebenar (bill) bagi setiap butiran.

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN
A	**KOS PENGANGKUTAN / PERJALANAN**	
A2	**Lain-lain Perbelanjaan Berkaitan Dengan Perjalanan**	3. Bagi tuntutan tol yang menggunakan Touch & Go dan Smart Tag, perunding tidak perlu mengemukakan resit, sebaliknya adalah memadai tuntutan tersebut dikemukakan bersama dengan surat-surat panggilan mesyuarat. Kadar tol boleh disemak melalui laman web pemegang konsesi lebuh raya (contohnya: PLUS, MEX dan lain-lain).
A3	**Tuntutan Perjalanan Kenderaan (Mileage Claims)**	1. Perunding dibenarkan menggunakan kenderaan sendiri dan membuat tuntutan perjalanan bagi tugas-tugas rasmi yang dibuat semasa pelaksanaan projek. 2. Kemudahan ini perlu dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja, manakala bagi perjalanan jarak jauh perunding digalakkan menggunakan kemudahan pengangkutan awam yang mana lebih menjimatkan. 3. Perunding yang telah disediakan kemudahan kenderaan atau menyewa kenderaan, tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan perjalanan kenderaan. 4. Tuntutan *mileage* perjalanan hendaklah tertakluk kepada kadar sebagaimana ditetapkan dalam peraturan semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. 5. Perunding yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu tempat sahaja yang jaraknya melebihi 240 km daripada Ibu Pejabatnya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api layak menuntut tambang gantian mengikut kadar tambang pengangkutan yang sesuai dengan kelayakannya, iaitu Tambang Gantian tersebut hendaklah bersamaan dengan tambang kapal terbang atau kereta api, mengikut mana yang berkenaan dengan syarat dinyatakan di dalam baucar tuntutan yang ia telah menggunakan kenderaannya sendiri; dan 6. Perunding yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan yang bersabit dengan perjalanan kapal terbang atau kereta api seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang/stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (*berth charges*).

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

<table>
<tr><th></th><th>BUTIRAN</th><th>ASAS DAN KADAR BAYARAN</th></tr>
<tr><td>A</td><td colspan="2">KOS PENGANGKUTAN / PERJALANAN</td></tr>
<tr><td>A4</td><td>Tambang Teksi</td><td>1. Perunding dibenarkan menuntut tambang teksi mengikut keperluan projek.
2. Walau bagaimanapun, Agensi hendaklah memastikan tuntutan ini tidak bertindih dengan tuntutan perjalanan kenderaan seperti di A3.
3. Anggaran tuntutan tambang teksi hendaklah tidak melebihi RM1,000 sebulan.</td></tr>
<tr><td>A5</td><td>Sewa Kenderaan</td><td>1. Sewaan kenderaan hanya dibenarkan sekiranya terdapat keperluan khusus mengikut kesesuaian projek dan mendapat persetujuan Agensi terlebih dahulu.
2. Jenis kenderaan adalah meliputi kereta, van, pacuan empat roda, bot, helikopter dan sebagainya mengikut kesesuaian dan keperluan projek.
3. Sewaan kenderaan boleh meliputi elaun pemandu, kos bahan api, kos penyelenggaraan dan sebagainya bergantung kepada rundingan yang diadakan, sebut harga bolehlah diminta untuk menentukan kos sewaan sebenar.
4. Bagi tujuan anggaran, kadar berikut (termasuk elaun pemandu, bahan api, penyelenggaraan dan sebagainya) hendaklah berdasarkan kadar maksimum berikut :
<table>
<tr><td>Kereta</td><td>RM1,800-RM3,500 sebulan</td></tr>
<tr><td>Pacuan 4 roda</td><td>RM3,500-RM6,000 sebulan</td></tr>
<tr><td>Van</td><td>Kadar sebenar</td></tr>
<tr><td>Helikopter</td><td>Kadar sebenar</td></tr>
<tr><td>Bot</td><td>Kadar sebenar</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>B1</td><td>Perunding</td><td>1. Bagi perunding yang menjalankan tugas rasmi di luar kawasan yang (melebihi 25 km dari ibu pejabat firma) dan perlu menginap layak menuntut bayaran sewa hotel yang disokong dengan resit atau elaun lojing mengikut kadar-kadar seperti dalam jadual di bawah:
<table>
<tr><th></th><th colspan="2">Ikhtisas</th><th colspan="2">Separa Ikhtisas</th></tr>
<tr><th></th><th>S.M’sia (RM)</th><th>Sbh/Swk (RM)</th><th>S.M’sia (RM)</th><th>Sbh/Swk (RM)</th></tr>
<tr><td>Hotel</td><td>250</td><td>270</td><td>190</td><td>210</td></tr>
<tr><td>Lojing</td><td>60</td><td>80</td><td>40</td><td>60</td></tr>
<tr><td>Elaun Makan</td><td>60</td><td>80</td><td>40</td><td>60</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

<table>
<tr><th></th><th>BUTIRAN</th><th>ASAS DAN KADAR BAYARAN</th></tr>
<tr><td>B</td><td colspan="2">ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</td></tr>
<tr><td>B1</td><td>Perunding</td><td>2. Kadar sewa hotel di atas adalah merupakan kadar maksimum yang dibenarkan. Bayaran kepada perunding hendaklah mengikut kadar sebenar yang dikenakan oleh pihak hotel, tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan. Sebagai tambahan kepada kadar berkenaan, perunding juga layak menuntut apa-apa cukai yang perlu dibayar berkaitan dengan sewaan hotel tersebut.

3. Bagi perunding yang menjalankan tugas di luar pejabat bagi tempoh yang melebihi 8 jam tetapi tidak mencapai tempoh 24 jam, mereka boleh dibayar elaun harian dengan kadar separuh daripada kelayakan elaun makan mereka.

Agensi hendaklah menasihati perunding agar mendapatkan kadar promosi/internet rate bagi penginapan hotel.</td></tr>
<tr><td>B2</td><td>Kakitangan Tapak</td><td><u>ELAUN TAPAK</u>

1. Perunding tidak dibenarkan menuntut lain-lain kos imbuhan balik kecuali elaun tapak untuk kakitangan yang ditempatkan di tapak bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan atau penyeliaan projek. Kadar elaun tapak adalah <u>ditetapkan</u> seperti berikut:

<table>
<tr><th>Kakitangan</th><th>Sem. Malaysia (RM)</th><th>Sabah /Sarawak (RM)</th></tr>
<tr><td>Ikhtisas</td><td>800 sebulan</td><td>950 sebulan</td></tr>
<tr><td>Separa Ikhtisas/ Sokongan</td><td>650 sebulan</td><td>800 sebulan</td></tr>
</table>
<u>KOS PENGIKLANAN PENGAMBILAN KAKITANGAN TAPAK</u>

2. Perunding dibenarkan menuntut kos iklan bagi pengambilan kakitangan tapak. Kadar bayaran hendaklah mengikut kadar sebenar (bil) bagi setiap iklan.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th></th><th>BUTIRAN</th><th>ASAS DAN KADAR BAYARAN</th></tr>
<tr><td>B</td><td colspan="2">ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</td></tr>
<tr><td>B3</td><td>Perunding Asing bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA</td><td>1. Perunding asing boleh dibayar elaun per diem bagi tujuan menampung perbelanjaan penginapan dan sara hidup semasa menjalankan tugas di negara ini untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan. Elaun ini dikira mulai dari hari pertama beliau tiba sehingga ke hari berlepas pulang selepas menyempurnakan tugas rasmi beliau dalam tempoh tersebut.

2. Kadar elaun per diem adalah seperti berikut:

<table><tr><th>Tempoh</th><th>S.M’sia/Sabah/Sarawak (RM)</th></tr><tr><td>60 hari yang pertama</td><td>310 sehari</td></tr><tr><td>Hari-hari yang berikut</td><td>170 sehari</td></tr></table>
3. Dalam keadaan di mana perunding asing perlu berada di Negara ini untuk satu jangka masa yang panjang, kaedah yang lebih menjimatkan hendaklah digunakan sebagai alternatif kepada bayaran elaun per diem. Umpamanya, pihak agensi boleh menyediakan tempat tinggal dengan membayar sewa dan kos utiliti yang berkaitan. Pada kebiasaannya, ditetapkan secara rundingan.

4. Bagi perunding asing yang dikehendaki menjalankan tugas di luar daripada pejabat/tempat tinggal yang disediakan kepadanya, beliau boleh menuntut bayaran penginapan, perjalanan dan sebagainya mengikut kadar seperti yang dibenarkan kepada perunding tempatan.

5. Walau bagaimanapun, beliau tidak layak menerima elaun sara hidup kerana ia sudah termasuk di dalam elaun per diem yang diberikan.</td></tr>
<tr><td>C</td><td>Kos Perhubungan</td><td>1. Termasuk perbelanjaan telefon, faks, emel dan perkhidmatan penghantaran (pos, kurier dsb). Kos yang dibenarkan hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti tempoh pelaksanaan projek, kompleksiti projek dan keperluan perhubungan dalam dan luar negeri.

2. Kadar bayaran hendaklah berdasarkan bil sebenar setiap butiran berkaitan. Jumlah keseluruhan bagi kos perhubungan tertakluk kepada had bayaran maksimum sebanyak RM 1,500 sebulan.</td></tr>
</table>

SEKSYEN II : BAHAGIAN B
(TAJUK TENDER)

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN
D	**Kos Dokumentasi Dan Penyediaan Laporan**	1. Meliputi perbelanjaan bagi penyediaan dan percetakan dokumen atau laporan dan lain-lain berkaitan. 2. Jenis, kualiti dan bilangan laporan yang dikehendaki perlu dinyatakan secara jelas di dalam Terma Rujukan projek/kajian Kerajaan. Selain itu, saiz dokumen atau bilangan pelan yang perlu disertakan (di mana berkenaan) perlu juga diambil kira dalam penentuan kos ini. 3. Kos dokumentasi boleh juga ditentukan mengikut harga dokumen yang digunakan atau aktiviti yang terlibat seperti fotostat, lukisan, penjilidan dan lain-lain. **Kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar daripada syarikat percetakan atau pembekal di mana berkenaan.** 4. Bagi dokumen yang memerlukan ciri khusus dari segi jenis (*hardcopy/softcopy*), warna, saiz dan bilangan, kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar dengan persetujuan dan pengesahan Agensi. 5. Bagi dokumen yang disiapkan sendiri oleh perunding, kadar boleh ditetapkan mengikut kadar pasaran semasa. Harga pasaran semasa telah pun mengambil kira keperluan percetakan seperti kertas, toner, *binding* dan sebagainya. 6. Bagi laporan projek pembangunan fizikal yang perlu disertakan dengan model atau dalam bentuk multimedia dsb, kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar dengan persetujuan dan pengesahan Agensi. 7. Bagi pelan yang perlu dikemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan dan dikenakan bayaran, perunding boleh mengemukakan tuntutan tersebut berdasarkan bil sebenar.
E	**Aset Projek**	1. Pembelian aset termasuk peralatan dan kelengkapan projek **tidak dibenarkan**. Firma perunding yang dilantik sepatutnya mempunyai peralatan dan kemudahan asas yang mencukupi bagi mengendalikan projek Kerajaan. Ini bagi mengelakkan bayaran dua kali di mana kos ini merupakan sebahagian daripada *overhead* firma dan telah diambil kira dalam faktor pengganda. 2. Dalam keadaan yang amat memerlukan, peralatan dan kelengkapan projek hendaklah diperolehi (melalui pembelian atau sewaan) dan **mesti diurus oleh agensi berkenaan mengikut tatacara perolehan yang berkuatkuasa** dan dihadkan kepada jumlah yang diperlukan bagi maksud pelaksanaan projek berkenaan sahaja.

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN
		3. Perunding perlu memulangkan semula semua aset dan peralatan ini kepada agensi pelaksana setelah tempoh perkhidmatan mereka tamat. Aset yang dibeli adalah hak milik Kerajaan. 4. Perunding tidak dibenarkan menguruskan sendiri perolehan bagi sebarang aset atau peralatan projek dan Kerajaan tidak akan membayar apa jua tuntutan bagi perolehan tersebut. 5. Pembelian perisian asas komputer (*basic computer software*) juga tidak dibenarkan. Bagi perisian komputer yang khusus umpamanya perisian teknikal (t*echnical software*), agensi bolehlah menimbangkan pembelian tersebut namun hendaklah dipertimbangkan dengan teliti dengan mengambil kira keperluan penggunaannya, kos belian atau sewaan, lesen atau yuran penggunaan tahunan (*copyright fee*) dan sebagainya. Pembelian ini mesti diuruskan oleh agensi. 6. Bagi perolehan data/peta/lukisan (sama ada dalam bentuk *hardcopy/softcopy*) yang akan digunakan untuk tujuan kajian/projek, perunding dibenarkan untuk memperolehinya sendiri dan membuat tuntutan daripada Agensi tertakluk persetujuan Agensi. Agensi hendaklah memastikan data/peta/lukisan yang diperolehi oleh perunding tersebut dikembalikan dan menjadi hak milik Kerajaan.
